



S U H A K A M
HAK ASASI UNTUK SEMUA

LAPORAN TAHUNAN

2010

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA

CETAKAN PERTAMA, 2011

© Hak cipta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Hak cipta ini adalah milik Suruhanjaya. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Adalah perlu memaklumkan penggunaan. Hak cipta terpelihara.

Diterbitkan di Malaysia oleh

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Tingkat 11, Menara TH Perdana

1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

Emel: humanrights@suhakam.org.my

URL: <http://www.suhakam.org.my>

Direka dan dicetak di Malaysia oleh

Reka Cetak Sdn Bhd

No 4 & 6, Jalan Sri Sarawak 20B,

Taman Sri Andalas, 41200 Klang,

Selangor Darul Ehsan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

ISBN: 1675-1159

ANGGOTA SURUHANJAYA

APRIL 2008 – APRIL 2010

1. TAN SRI ABU TALIB OTHMAN
 2. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA SIMON SIPAUN
 3. DATUK DR CHIAM HENG KENG
 4. DR MOHAMMAD HIRMAN RITOM ABDULLAH
 5. TAN SRI DATO' DR ASIAH ABU SAMAH
 6. PROF DATO' DR ABDUL MONIR YAACOB
 7. DATUK DR RAJ ABDUL KARIM
 8. DATO' CHOO SIEW KIOH
 9. DATO' SRI MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH
 10. TUNKU DATUK NAZIHAH TUNKU MOHAMED RUS
 11. DATO' SIVA SUBRAMANIAM A/L NAGARATNAM
 12. PROF TAN SRI DR KHOO KAY KIM
 13. DATIN PADUKA ZAITOON DATO' OTHMAN
 14. DATO' DR MICHAEL YEOH OON KHENG
 15. DATUK DR DENISON JAYASOORIA
 16. DATO' HAJI KHALID HAJI IBRAHIM
-



ANGGOTA SURUHANJAYA 2010

DARI KIRI

ENCIK MUHAMMAD SHA'ANI ABDULLAH, ENCICK JAMES NAVAGAM, PUAN JANNIE LASIMBANG, TAN SRI HASMY AGAM (Pengerusi),
PROF DATUK DR KHAW LAKE TEE (Naib Pengerusi), PROF DATUK DR MAHMOOD ZUHDI HJ A MAJID, ENCICK DETTA SAMEN, PUAN HASHIMAH NIK JAAFAR (Setiausaha)

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA LAPORAN TAHUNAN 2010

KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi	1
RINGKASAN Eksekutif	7
ISU-ISU UTAMA	13
BAB 1 LAPORAN KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN DAN PROMOSI	23
BAB 2 LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN	37
BAB 3 LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI ANTARABANGSA	51
BAB 4 LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN	65
BAB 5 LAPORAN JAWATANKUASA ISU DAN KERJASAMA ANTARABANGSA	89
BAB 6 LAPORAN JAWATANKUASA HAK ORANG ASAL/ASLI	103
BAB 7 LAPORAN JAWATANKUASA INKUIRI NASIONAL	107
BAB 8 LAPORAN PEJABAT SABAH	111
BAB 9 LAPORAN PEJABAT SARAWAK	123

LAMPIRAN

LAMPIRAN I	Piagam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)	135
LAMPIRAN II	Kenyataan Media Suruhanjaya 2010	136
LAMPIRAN III	Aktiviti Suruhanjaya 2010	160
LAMPIRAN IV	Ceramah, Mesyuarat, Bengkel dan Persidangan – Nasional 2010	177
LAMPIRAN V	Lawatan, Mesyuarat dan Persidangan – Antarabangsa 2010	183
LAMPIRAN VI	Penerbitan Suruhanjaya 2010	188
LAMPIRAN VII	Mesyuarat Bulanan – Kehadiran Anggota Suruhanjaya 2010	189
LAMPIRAN VIII	Pemenang Pertandingan Fotografi 2010	195
LAMPIRAN IX	Akaun SUHAKAM yang telah diaudit	217

SENARAI SINGKATAN

AHRC	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia
AICHR	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara Kerajaan ASEAN
AIWN	Rangkaian Wanita Orang Asli Asian
APF	Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan
ATHAM	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah
ATIP	Anti-Pemerdagangan Orang
AWAM	<i>All Women's Action Society</i>
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
BPA	Biro Pengaduan Awam
CAT	Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah
CBO	Organisasi berasaskan Komuniti
CED	Konvensyen Antarabangsa terhadap Perlindungan Semua Orang daripada Kehilangan secara Paksaan
CEDAW	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita
CERD	Kovenan Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi
CHRP	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina
CIWG	Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan
COAC	<i>Centre for Orang Asli Concern</i>
CPC	Kanun Prosedur Jenayah
CRC	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak
CRPD	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya
CUEPACS	Kongres Kesatuan Sekerja Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam
ECOSOCWG	Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
EO	Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969
ESCR	Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
EWG	Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia
FORUM-ASIA	Forum Hak Asasi Manusia dan Pembangunan Asian

FRU	Unit Simpanan Persekutuan
GFP	Pegawai Khas Gender
GLC	Syarikat berkaitan Kerajaan
GMI	Gerakan Mansuhkan ISA
HRA 1999	Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999
HRC	Majlis Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Asasi Manusia
ICC	Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa untuk Institusi Hak Asasi Manusia Antarabangsa bagi Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia
ICCPR	Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik
ICERD	Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman
ICESCR	Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
ICRMW	Kovenan Antarabangsa tentang Perlindungan Hak-hak Semua Pekerja Migran dan Ahli-ahli Keluarga Mereka
IGPSO	Hukuman Tetap Ketua Polis Negara
IICC	Jawatankuasa Isu-Isu dan Kerjasama Antarabangsa
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
IPRC	Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JPOA	Jaringan Perpaduan Orang Asli
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KKM	Kementerian Kesihatan
KLCC	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
KL LAC	Pusat Bantuan Guaman Kuala Lumpur
KLN	Kementerian Luar Negeri

KPM	Kementerian Pelajaran
KOMNAS HAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Indonesia
KPIs	Petunjuk Penilaian Prestasi
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LGBT	Lesbian, Gay, Bi-seksual dan Transgender
LRITWG	Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-undang dan Triti Antarabangsa
MAPO	Majlis Anti-Pemerdagangan Orang
NCL	Tanah Adat Peribumi
NCR	Hak Tanah Adat
NGO	Badan bukan Kerajaan
NHRAP	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional
NHRCT	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Thailand
NHRI	Institusi Hak Asasi Manusia Nasional
NI	Inkuiri Nasional
NI EW	Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
NMM	Mekanisme Pemantauan Nasional
NREB	Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak
OA	Orang Asal/Asli
OCPD	Ketua Polis Daerah
OHCHR	Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Asasi Manusia
OKU	Orang Kelainan Upaya
OP	Protokol Pilihan
PACOS TRUST	Program Organisasi Kerjasama Komuniti
PAS	Parti Islam Se-Malaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PMB	Perbincangan Meja Bulat
PMR	Penilaian Menengah Rendah

PSG	<i>Penan Support Group</i>
RELA	Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
RMT	Rancangan Makanan Tambahan
ROP	Peraturan-Peraturan Prosedur
SAM	Sahabat Alam Malaysia
SCA	Jawatankuasa Kecil Akreditasi
SEANF	Forum Institusi-institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara
SHRC	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Scotland
SIS	<i>Sisters in Islam</i>
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPR	Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SMSG	Wakil Khas kepada Setiausaha Agung PBB
STA	Persatuan Pembalakan Sarawak
STB	Sekolah Tunas Bakti
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
TOT	Latihan untuk Pelatih
TPLP	<i>Thematic Protection Learning Program</i>
UBBL	Undang-undang Kecil Pembangunan Seragam
UDHR	Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UNCT	Pasukan Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PN-PBB)
UNDRIP	Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal
UNHCR	Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian
UPR	Penilaian Penggalan Sejagat
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
VIHR	Institut Hak Asasi Manusia Vietnam
WAO	Pertubuhan Pertolongan Wanita
WGAD	Kumpulan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tentang Penahanan Arbitrari

PERUTUSAN Pengerusi

Laporan Tahunan Ke-10 SUHAKAM ke Parlimen ini merupakan laporan pertama Suruhanjaya sejak pelantikan anggotanya pada April 2010. Suruhanjaya terus menerima pelbagai laporan dan aduan daripada orang awam berhubung penyalahgunaan dan pencabulan hak asasi manusia. Adalah membanggakan apabila melihat ramai rakyat Malaysia kini mulai sedar dan mengamalkan hak asasi mereka berbanding sedekad yang lalu. Kini semakin ramai orang awam mahukan campurtangan Suruhanjaya bagi menyokong hak mereka. Suruhanjaya telah bertindak mengikut kemampuannya, sepertimana digariskan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597).



Suruhanjaya berterima kasih kepada 16 orang anggotanya terdahulu, yang diketuai oleh Tan Sri Abu Talib Othman, atas sumbangan berharga mereka dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia sepanjang tempoh perkhidmatan mereka sehingga Suruhanjaya dihormati, dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Ketujuh-tujuh anggota Suruhanjaya semasa akan meneruskan usaha mempromosi, melindungi dan memantau situasi hak asasi manusia secara berterusan dan berdasarkan pencapaian terdahulu, walaupun bilangan anggotanya kecil. Kami percaya perlunya usaha yang berterusan untuk merealisasikan matlamat mutlak dalam membangunkan masyarakat yang lebih menghargai dan menghormati hak asasi manusia, dan menjadikan Malaysia sebagai negara yang menghormati hak asasi manusia sepenuhnya, berdiri megah setaraf dengan negara-negara lain yang mendahului dalam perkara ini.

Keutamaan Suruhanjaya pada tahun ini adalah menangani semula pelbagai isu hak asasi manusia yang ditimbulkan sebelum ini, diikuti dengan memajukan lebih banyak syor yang dibuat oleh Suruhanjaya terdahulu dan pejuang hak asasi manusia yang lain serta memastikan pelaksanaan segera oleh agensi Kerajaan yang berkaitan. Sejak penubuhannya pada 1999, Suruhanjaya telah memainkan peranannya dalam menasihati Kerajaan dan pihak berkuasa yang berkaitan, mengenai pembaharuan undang-undang dan polisi dan pelaksanaannya, serta pemantauan undang-undang dan polisi tersebut bagi memastikan keserasian antara undang-undang negara dan prinsip hak asasi manusia. Kami mengalu-alukan tindakan positif yang telah diambil Kerajaan ke arah penambahbaikan keadaan hak asasi manusia di negara ini dan berharap dapat bekerjasama erat dan konstruktif dengan agensi Kerajaan yang berkaitan berhubung perkara ini.

Antara perubahan positif tersebut adalah kemasukan 'gender' dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai salah satu asas larangan terhadap diskriminasi; menambahbaik keadaan pusat tahanan dan lokap polis; ratifikasi Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD); enakmen Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007; penarikan balik reservasi kepada Perkara 1, 13 dan 15 Konvensyen mengenai Hak Kana-Kanak (CRC) dan Perkara 5(a), 7(b) dan 16(2) Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi ke atas Wanita (CEDAW); beberapa penambahbaikan perumahan awam dan akses kepada penjagaan kesihatan; dan mewajibkan pendidikan rendah.

Walaupun bagaimanapun, masih banyak yang perlu dilakukan ke arah penerimaan dan aplikasi standard hak asasi manusia antarabangsa. Suruhanjaya juga terus mendesak Kerajaan supaya meratifikasikan enam triti teras hak asasi manusia yang masih belum diratifikasi; walaupun usaha-usaha telah dibuat oleh Suruhanjaya dan kumpulan hak asasi manusia yang lain.

Seawal 2001, Suruhanjaya telah mengesyorkan kepada Kerajaan untuk membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP), menurut Deklarasi Vienna dan Program Tindakan yang diterimapakai di Persidangan Dunia mengenai Hak Asasi Manusia pada 1993. Sejak kebelakangan ini, Suruhanjaya berusaha menyakinkan Kerajaan akan manfaat NHRAP dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Antaranya, Suruhanjaya telah merangka kertas cadangan NHRAP dan membentangkannya kepada Kerajaan untuk pertimbangan.

Saya berbesar hati untuk memaklumkan bahawa Kerajaan telah memberikan maklum balas positif kepada idea ini dan telah melantik agensi fokus Kerajaan yang bertanggungjawab menyediakan dan membangunkan NHRAP tersebut, dengan kerjasama Suruhanjaya. Memandangkan proses ini turut melibatkan konsultasi dengan agensi Kerajaan yang berkaitan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat awam, saya berharap kepada semua yang mempercayai dan menghargai hak asasi manusia akan tampil ke hadapan untuk memastikan NHRAP menjadi kenyataan dan berjaya, bagi membolehkan Malaysia tersenarai sebagai salah sebuah negara yang telah mewujudkan NHRAP.

Bagaimanapun, sebarang undang-undang, polisi atau syor mengenai perlindungan manusia akan bergerak perlahan dan tidak bermakna sekiranya pemikiran, persepsi dan pendekatan masyarakat tidak berubah. Oleh itu, salah satu fungsi Suruhanjaya adalah menyokong hak manusia dengan mempromosikan kesedaran hak asasi manusia melalui kajian; dan menganjurkan persidangan, seminar dan bengkel dengan tujuan menyebar dan memupuk nilai-nilai hak asasi manusia ke seluruh negara. Aktiviti-aktiviti ini termasuk menyediakan latihan mengenai aspek hak asasi manusia secara khusus dan umum, kepada pelbagai sektor masyarakat seperti penggubal undang-undang, kehakiman, pegawai penguatkuasa undang-undang, NGO serta pentadbiran sekolah, guru dan pelajar, termasuk mereka di peringkat pendidikan tinggi.

Sepanjang tempoh penubuhannya, Suruhanjaya telah menjalankan beberapa inkuiri awam. Ia turut mengesyorkan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negara 1960 (ISA) dan mengkaji semula perundangan penahanan arbitrari, mengkaji semula Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Seksyen 27 Akta Polis dan Akta Rahsia Rasmi, dan penghapusan hukuman gantung dan penjara sepanjang hayat. Bagi meneruskan usaha ini, Suruhanjaya terlibat dengan dialog bersama agensi Kerajaan bagi menyakinkan mereka mengenai kepentingan pendekatan tersebut dan mempercepatkan proses pelaksanaannya. Sehubungan ini, Suruhanjaya mengalu-alukan tindakan Kerajaan untuk meminda ISA, yang diharapkan sebagai langkah pertama ke arah pemansuhannya. Suruhanjaya menyeru Kerajaan agar memastikan pindaan tersebut menepati prinsip hak asasi manusia berhubung dengan hak tahanan untuk kebebasan individu, hak kepada perbicaraan adil dan hak untuk dianggap tidak bersalah hingga didapati sebaliknya, sepertimana yang dinyatakan dalam Perkara 3, 10 dan 11 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Untuk terus berdepan dengan peningkatan aduan hak asasi manusia yang diterima secara berkala, Suruhanjaya telah mengemukakan syor-syor, antara lain, berkenaan kegagalan polis untuk bertindak ke atas aduan yang dilaporkan, penahanan dan penangkapan arbitrari, penggunaan kekerasan melampau oleh pegawai penguatkuasa, dan penafian hak kepada perhimpunan aman dan kebebasan bersuara.

Pada penghujung tahun, Suruhanjaya telah melangkah setapak ke hadapan dalam usahanya melindungi hak Orang Asal/Asli melalui penubuhan Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli, yang berfungsi sebagai mekanisme fokal dalam memantau kes-kes pencabulan Orang Asal/Asli. Suruhanjaya telah memutuskan untuk menjalankan Inkuiri Nasional yang pertama mengenai hak Orang Asal/Asli kepada tanah berdasarkan fakta di mana kebanyakan aduan berkisar mengenai tanah – pemilikan tanah, kehilangan tanah akibat pengusiran dan impak pembangunan terhadap kehidupan dan persekitaran mereka. Suruhanjaya berpendapat bahawa hal tanah Orang Asal/Asli merupakan isu kritikal yang perlu ditangani secara serius oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, secara rasionalnya Suruhanjaya berharap Inkuiri Nasional ini akan mendapat sokongan dan kerjasama penuh daripada Kerajaan.

Seksyen 21 (1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) mewajibkan Suruhanjaya menyerahkan Laporan Tahunannya ke Parlimen semasa persidangan pertamanya. Malangnya, walaupun laporan ini telah diserahkan tanpa gagal sejak 10 tahun lepas, tiada satu pun daripadanya dibahaskan. Sebagai badan penasihat tanpa kuasa penguatkuasaan dan pelaksanaan, Suruhanjaya menggesa Ahli Parlimen agar membahaskan Laporan Tahunannya, atau sekurang-kurangnya, mengambil isu penting hak asasi manusia yang dibangkitkan dalam laporan dan menyokong sepenuhnya syor yang diutarakan di dalam laporan tersebut, bagi melindungi dan mempromosikan hak asasi manusia kepada orang ramai.

Walaupun sesetengah syor tidak dapat dilaksanakan di peringkat ini atas apa jua alasan, perbahasan seperti ini adalah bermanfaat kepada Suruhanjaya, dan orang awam, serta mampu menambahbaik prestij dan kredibiliti bukan sahaja Suruhanjaya sebagai sebuah institusi hak asasi manusia nasional bahkan Kerajaan, merangkumi kedua-dua bahagian Eksekutif dan Perundangannya. Ia akan menjadi satu demonstrasi kepentingan hak asasi manusia yang jelas dan tidak dipertikaikan dalam pentadbiran negara. Telah sampai masanya untuk Malaysia, yang beraspirasi menjadi sebuah negara maju pada 2020, bersikap proaktif dan mendahului mengenai hal-hal berkaitan hak asasi manusia.

Dari sudut yang lebih positif, Suruhanjaya berbangga untuk memaklumkan meskipun terdapat kekangan, ia berupaya mengekalkan status 'A' sebagai institusi hak asasi manusia nasional sepertimana ditentukan keakurannya pada Prinsip Paris. Ianya diperakui oleh Jawatankuasa Penyelaras Institusi Hak Asasi Manusia Antarabangsa bagi Promosi dan Perlindungan Hak Asasi (ICC) susulan daripada Penilaian Khusus Jawatankuasa Kecil Akreditasi ICC (ICC-SCA) ke atas Suruhanjaya. Ia sememangnya memberi inspirasi kepada Suruhanjaya menjadi lebih proaktif dalam menjalankan usaha yang lebih serius bagi mencapai amalan dan promosi hak asasi manusia di peringkat yang lebih tinggi. Semoga ianya turut memberikan inspirasi kepada Kerajaan untuk mengotakan komitmennya kepada amalan 30 Perkara UDHR dan tersenarai antara negara yang mendahului dalam perkara ini.

Sehubungan itu, pada tahun 2009¹, Suruhanjaya telah membentuk Jawatankuasa antara Kumpulan Kerja mengenai Susulan Penilaian Penggalan Sejagat (UPR). Jawatankuasa ini, yang terdiri daripada pegawai-pegawai fokal Kumpulan Kerja Suruhanjaya bertanggungjawab terutamanya dalam memantau pelaksanaan komitmen UPR oleh Kerajaan. Mekanisme pemantauan ini adalah penting bagi memastikan Kerajaan memenuhi komitmennya. Suruhanjaya berpuas hati dengan beberapa usaha progresif yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memenuhi tanggungjawabnya terhadap UPR dan berharap agar mekanisme pemantauan dapat menggalakkan Kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawab antarabangsanya secepat mungkin.

Meskipun langkah-langkah nyata telah diambil oleh Kerajaan, Suruhanjaya terus menghadapi beberapa cabaran yang sama, iaitu untuk terus melibatkan agensi Kerajaan, terutamanya agensi penguatkuasaan, bagi meningkatkan lebih kesedaran, pemahaman dan amalan, dan hormat kepada hak asasi manusia, serta hormat akan mandat dan peranan Suruhanjaya.

Sebagai Pengerusi Suruhanjaya, saya ingin merakamkan pengiktirafan dan memberikan penghargaan kepada semua organisasi dan individu, agensi Kerajaan, hakim, ahli-ahli majlis, ahli akademik, ketua komuniti, badan bukan Kerajaan (NGO) dan kumpulan masyarakat awam yang lain, serta media masa, atas galakan dan sokongan ke atas kerja-kerja Suruhanjaya yang membolehkan mandat Suruhanjaya dipenuhi, walaupun terdapat kekurangan di beberapa segi.

¹ Lihat Bab 7 Laporan Tahunan SUHAKAM 2009

Saya juga ingin melahirkan penghargaan kepada *United Nations Country Team* dan Suruhanjaya Eropah atas sokongan dan kerjasama mereka dalam merealisasikan visi Suruhanjaya sepanjang tahun ini.

Suruhanjaya turut berterima kasih kepada pejuang hak asasi manusia yang semakin ramai atas usaha gigih mereka mempromosi kesedaran hak asasi manusia dan membantu mereka yang tertindas hak mereka. Kami mendapat inspirasi daripada komitmen teguh mereka terhadap UDHR dan aspirasi untuk melihat semua manusia hidup bermaruah dan dihormati, serta terhindar daripada diskriminasi, penyisihan, penindasan dan keganasan. Suruhanjaya akan terus bekerjasama dengan mereka, dan pihak-pihak yang berkepentingan termasuk agensi Kerajaan. Sokongan dan kerjasama yang berterusan adalah penting bagi merealisasikan sepenuhnya hak asasi manusia di Malaysia.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan Suruhanjaya – Naib Pengerusi, Profesor Datuk Dr Khaw Lake Tee – juga kepada Profesor Datuk Dr Mahmood Zuhi Abd Majid, Encik James Nayagam, Encik Muhammad Sha’ani Abdullah, Encik Detta Samen and Puan Jannie Lasimbang, yang sudi meluangkan masa bagi memastikan keberkesanan operasi Suruhanjaya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan Suruhanjaya, yang diketuai oleh Setiausaha, Puan Hashimah Nik Jaafar, atas sokongan tak terhingga mereka dalam memenuhi mandat Suruhanjaya untuk mempromosi, melindungi dan memantau hak asasi manusia dan dalam penyediaan dan penghasilan laporan ini.

Sebagai kesimpulan, saya ingin mengulangi seruan kami kepada Kerajaan, terutamanya agensi berkaitan, bagi meneruskan kerjasama dan sokongan mereka dalam mempertimbang dan melaksanakan syor-syor Suruhanjaya yang telah lama dicadangkan tetapi tidak dijalankan sepenuhnya. Ianya penting bagi penambahbaikan prestasi hak asasi manusia di negara kita, seterusnya mempromosi prestij dan kredibiliti Malaysia – dari sudut pembangunan nasional dan bidang lain – tetapi ketinggalan dari segi hak asasi manusia. Kita perlu mengotakan komitmen terhadap prinsip dan norma hak asasi manusia antarabangsa sepertimana yang termaktub dalam UDHR. Akhir sekali, adalah penting bagi memastikan Suruhanjaya sebagai sebuah badan yang bebas bagi membolehkannya menjalankan tugas dengan efektif, tanpa memihak kepada sesiapa, menyedari bahawa kejayaannya melaksanakan mandat sebagai institusi hak asasi manusia nasional akan turut memberi kesan kepada Kerajaan dan negara keseluruhannya.

Sehubungan itu, Suruhanjaya sedang menyemak semula dan akan membentangkan dalam masa terdekat beberapa kertas kerja yang mungkin melibatkan perubahan dan pembaikan ke atas Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) supaya Suruhanjaya berada setaraf dengan institusi hak asasi manusia yang terbaik dan paling efektif di dunia dari segi kerja dan operasinya.

Sejajar dengan penyerahan Laporan Tahunan ke Parlimen, saya juga menyarankan kepada rakyat Malaysia untuk memahami situasi hak asasi manusia, dengan harapan, sebagai rakyat, sama ada individu atau berkumpul, mereka dapat menyumbang kepada promosi dan penyebarannya.



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

Dengan keanggotaan baru yang mengambil alih tugas pada April 2010, Suruhanjaya sehingga kini terus komited dalam merealisasikan rasa hormat terhadap hak asasi manusia melalui aktiviti-aktiviti promosi dan perlindungannya.

Suruhanjaya mengulangi pendiriannya menyeru agar dimansuhkan kesemua undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa bicara. Undang-undang tersebut bercanggah dengan prinsip teras hak asasi manusia sejagat yang memerlukan seseorang individu didakwa di mahkamah sekiranya disyaki melakukan kesalahan.

Suruhanjaya turut menekankan kepentingan menghormati hak kepada kebebasan berhimpun secara aman. Suruhanjaya berpandangan bahawa perhimpunan aman tanpa permit di bawah Seksyen 27A Akta Polis 1967 wajar dihapuskan.

Kebebasan media adalah penting dalam memastikan kebebasan bersuara dan bermaklumat diamalkan. Suruhanjaya menyeru agar undang-undang dan peraturan yang menyekat kebebasan media di Malaysia dihapuskan dan berpendapat bahawa media perlu mengamalkan kawalan-selia sendiri. Bagi mencapai maksud tersebut, Suruhanjaya mengesyorkan pembentukan majlis media yang bebas.

Menyedari isu penukaran agama pasangan berkahwin kepada Islam mungkin mengakibatkan pertikaian hak penjagaan dan nafkah anak, dan pertikaian tersebut mungkin diburukkan lagi oleh undang-undang Syariah yang tidak konsisten antara negeri-negeri di Malaysia, Suruhanjaya telah mengemukakan memorandum kepada Majlis Raja-Raja mencadangkan agar undang-undang Syariah di Malaysia diseragamkan.

Tahun ini menyaksikan kesungguhan Kerajaan dalam membanteras pemerdagangan orang. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya bimbang akan hakikat bahawa hal penyeludupan migran dimasukkan ke dalam Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007, yang mungkin boleh mendatangkan kesan buruk terhadap mangsa pemerdagangan orang yang sebenar.

Suruhanjaya terus menerima aduan terhadap pegawai penguatkuasa undang-undang, terutamanya polis mengenai pelbagai isu termasuk dakwaan pihak polis tidak menyiasat laporan yang dibuat, kekasaran polis semasa soal siasat, penyalahgunaan kuasa semasa prosedur reman dan melepaskan tembakan secara rambang.

Menyedari golongan rentan memerlukan perhatian lebih, Suruhanjaya terus memfokuskan terhadap promosi dan perlindungan hak-hak golongan rentan termasuk wanita dan kanak-kanak; Orang Asal/Asli; orang kelainan upaya; lesbian, gay, bi-seksual dan transgender; pekerja migran; serta pencari suaka dan orang pelarian. Suruhanjaya sentiasa peka akan isu-isu yang menjejaskan golongan ini dan menyeru Kerajaan memberikan perhatian serius kepada penderitaan mereka.

Suruhanjaya mengalu-alukan komitmen Kerajaan untuk membentuk Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) dan menyeru Kerajaan berunding dengan pihak berkepentingan yang bersesuaian dalam merangka pelan tersebut. Suruhanjaya akan bekerjasama erat dengan Kerajaan dalam memantau pelaksanaan komitmen Kerajaan berdasarkan proses Penilaian Penggalan Sejagat (UPR). Selain itu, menyedari ratifikasi atau pengesahan triti hak asasi manusia antarabangsa dapat memberi pengiktirafan kepada kebebasan asasi yang asas, Suruhanjaya akan menggandakan usahanya ke arah ratifikasi atau pengesahan enam triti teras hak asasi manusia di mana Malaysia masih belum menjadi ahlinya. Antara triti tersebut ialah Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivill dan Politik (ICCPR), Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR) dan Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT).

Berkenaan dengan ratifikasi instrumen hak asasi manusia antarabangsa, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya bahawa ratifikasi tersebut menggambarkan komitmen Kerajaan dalam meninggikan maruah manusia serta mempromosi dan melindungi hak asasi rakyatnya. Suruhanjaya sekali lagi menyeru Kerajaan supaya memperkukuh dan meningkatkan kuasa Suruhanjaya agar ia dapat memainkan peranan penting dalam memerhati dan memantau pelaksanaan Kerajaan berdasarkan instrumen berkenaan.

LAPORAN KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN DAN PROMOSI

Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi (EWG) merupakan seksyen penting dalam Suruhanjaya memandangkan ia berperanan menjalankan fungsi Suruhanjaya untuk mempromosi kesedaran dan menyediakan pendidikan berkaitan hak asasi manusia. Sepertimana terdahulu, pada tahun ini EWG meneruskan aktiviti promosinya dalam bidang pendidikan hak asasi manusia di sekolah dan universiti. Suruhanjaya telah bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran memulakan projek Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah yang bertujuan mengintegrasikan nilai-nilai dan prinsip hak asasi manusia di sekolah. Lima buah sekolah telah dipilih dan dengan kerjasama Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Suruhanjaya sedang menilai keberkesanan projek terbabit. EWG juga memfokuskan kepada promosi hak kanak-kanak Orang Asli terutamanya akses kepada pendidikan dan kualiti pendidikan di kalangan kanak-kanak berkenaan. Menyedari penuntut universiti sebagai pemimpin masa depan, Suruhanjaya telah menganjurkan beberapa program bertujuan memberi kesedaran kepada mereka mengenai hak asasi manusia. Program-program ini telah diadakan dengan kerjasama universiti-universiti yang berkaitan.

Suruhanjaya turut mempromosi hak-hak wanita melalui penerbitan laporan Status Hak Asasi Wanita di Malaysia yang mengetengahkan isu-isu mengenai wanita, antara lainnya, akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, pekerjaan, pemerdagangan orang dan gangguan seksual.

Menyedari pegawai penguatkuasa undang-undang juga berkemungkinan adalah pencabul hak asasi manusia, EWG telah menjalankan latihan hak asasi manusia kepada pegawai penguatkuasa undang-undang mengenai prinsip dan standard hak asasi manusia. Latihan dijalankan untuk pasukan polis, pegawai penjara dan RELA. Semasa latihan, para pegawai didedahkan kepada pelbagai instrumen hak asasi manusia antarabangsa dan bagaimana instrumen ini relevan dengan tugas harian mereka.

LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN

Salah satu fungsi Suruhanjaya ialah menyiasat aduan-aduan yang diterima mengenai dakwaan pencabulan hak asasi manusia. Suruhanjaya merekodkan corak kes yang berbeza di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung, kebanyakan aduan yang diterima adalah mengenai pihak penguatkuasa undang-undang, terutamanya polis. Sementara itu, di Sabah dan Sarawak, kebanyakan aduan adalah mengenai dakwaan pencerobohan hak ke atas tanah Orang Asal. Malah, Sabah mencatatkan jumlah aduan tertinggi mengenai hak ke atas tanah Orang Asal.

Selain itu, aduan mengenai pencabulan ke atas kebebasan berhimpun, kebebasan beragama dan kebebasan bersuara dan berpendapat, serta aduan penggunaan undang-undang penahanan arbitrari masih berterusan. Sehubungan itu, Suruhanjaya telah mengambil inisiatif memantau perhimpunan aman dan proses pilihan raya.

LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI ANTARABANGSA

Dalam menjalankan fungsinya untuk mengesyorkan penyertaan dan/atau pengesahan instrumen hak asasi antarabangsa dan untuk memastikan undang-undang negara konsisten dengan instrumen antarabangsa yang digunapakai, Suruhanjaya iaitu melalui Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-Undang dan Triti Antarabangsa (LRITWG) telah menjalankan kajian dan penyelidikan yang bersesuaian. Pada tahun ini, Suruhanjaya memfokuskan kepada pemantauan pelaksanaan tanggungjawab Kerajaan terhadap tiga Konvensyen utama yang telah diratifikasi oleh Malaysia, iaitu Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Berkenaan dengan dua Konvensyen, iaitu CEDAW dan CRC, Suruhanjaya menggesa Kerajaan supaya mempertimbangkan penarikan balik reservasi mereka dan juga supaya meratifikasi Protokol Pilihan Konvensyen tersebut.

Malaysia masih belum menjadi ahli Konvensyen Berkenaan Status Orang Pelarian. Suruhanjaya sedang dalam proses meneliti Konvensyen tersebut dalam usaha mengesyorkan Kerajaan meratifikasikannya. Suruhanjaya juga telah memulakan kajian berhubung isu-isu yang menjejaskan hak golongan lesbian, gay, bi-seksual dan transgender (LGBT).

Menyedari bahawa amat penting bagi Suruhanjaya menghadiri kes-kes mahkamah yang berkaitan dengan isu hak asasi manusia, Suruhanjaya sedang meneliti cara terbaik untuk memainkan peranan sebagai *amicus curiae* dalam kes-kes tersebut.

LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ECOSOCWG) terus bekerjasama dengan Kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO), dan organisasi masyarakat sivil bagi menangani pelbagai isu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan (ESCR) di Malaysia. Antara aktiviti yang telah dianjurkan ialah perbincangan meja bulat mengenai hak asasi manusia, kebebasan beragama, hak kaum wanita Penan berkenaan dakwaan perkosaan, pemerdagangan orang, dan hak asasi manusia dan perniagaan. Suruhanjaya iaitu melalui ECOSOCWG telah mengaturkan beberapa mesyuarat bersama agensi Kerajaan dan NGO bagi membina jalinan kerja yang baik.

LAPORAN JAWATANKUASA ISU DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

Suruhanjaya telah memainkan beberapa peranan utama dalam usahanya meningkatkan interaksi dengan jentera hak asasi manusia di peringkat serantau dan antarabangsa.

Di peringkat antarabangsa, Suruhanjaya giat menyertai aktiviti dan mesyuarat yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Koordinasi Antarabangsa untuk Institusi-Institusi Nasional dalam Kemajuan dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (ICC). Di ICC, perbincangan banyak ditumpukan pada status akreditasi Suruhanjaya. Ini telah menjurus ke arah pindaan Akta Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 bagi memenuhi Prinsip Paris sebagaimana yang ditafsirkan oleh ICC. Susulan daripada pindaan tersebut, Suruhanjaya kini memperoleh status "A".

Di peringkat serantau, Suruhanjaya merupakan ahli Forum Institusi-institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF), dan merupakan tuan rumah kepada Mesyuarat Tahunan SEANF Ke-7 pada 15-16 November. Sebagai ahli kepada Forum Asia Pasifik (APF), Suruhanjaya telah menyertai banyak aktiviti berkenaan kemajuan hak asasi manusia di rantau ini.

Suruhanjaya sedang berusaha untuk menjalin hubungan dengan Suruhanjaya Antara-Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia yang baru terbentuk dengan tujuan membina satu hubungan kerjasama yang baik demi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di wilayah ASEAN.

LAPORAN JAWATANKUASA HAK ORANG ASAL/ASLI

Menyedari perlunya satu usaha bersama bagi menangani isu-isu yang menjejaskan hak Orang Asal/Asli di Malaysia, Suruhanjaya memutuskan untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli (IPRC). Suruhanjaya iaitu melalui IPRC, memfokuskan pada isu-isu yang dihadapi oleh Orang Asli di Semenanjung dan Orang Asal di Sabah dan Sarawak. Sebagai permulaan, Suruhanjaya merancang untuk menumpukan kepada isu hak tanah adat dan sistem perundangan, pendidikan, ekonomi dan kesihatan Orang Asal/Asli, sebelum meneruskan dengan isu-isu lain termasuk hak sosial, kebudayaan, keagamaan dan politik.

LAPORAN JAWATANKUASA INKUIRI NASIONAL

Tahun 2010 menunjukkan satu perkembangan positif bagi Suruhanjaya apabila ia memutuskan untuk mengadakan Inkuiri Nasional buat julung kalinya. Sehubungan itu, Suruhanjaya menubuhkan Jawatankuasa Inkuiri Nasional yang bertanggungjawab melaksanakan semua tindakan yang bersesuaian bagi merealisasikan inkuiri nasional yang efektif dan berjaya.

Inkuiri Nasional merupakan satu mekanisme bagi mencapai mandat Suruhanjaya untuk melihat isu hak asasi manusia yang sistemik dan menyelesaikannya menerusi pendekatan sistematik. Suruhanjaya telah memutuskan Inkuiri Nasional yang pertama ini menumpukan kepada hak tanah Orang Asal/Asli. Suruhanjaya bersetuju penglibatan kesemua pihak berkepentingan yang relevan adalah penting bagi memacu kejayaan sesebuah inkuiri nasional. Inkuiri ini dijadualkan bermula pada Januari 2011 dan berakhir pada Jun 2012.

LAPORAN PEJABAT SABAH

Pejabat Suruhanjaya di Sabah terus menerima dan menyiasat aduan yang kebanyakannya berkisar mengenai pencabulan hak ke atas tanah Orang Asal dan kewarganegaraan. Malah, Pejabat Sabah juga mengadakan aktiviti promosi bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai hak asasi manusia. Selain itu, bengkel dan seminar turut diadakan mengenai pelbagai isu yang menjejaskan hak Orang Asal.

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

Selain daripada menyiasat aduan, Pejabat Sarawak turut mengadakan perbincangan meja bulat mengenai pelbagai isu termasuk akses kepada air bersih dan dakwaan mengenai pencerobohan ke atas tanah Orang Asal. Pejabat Sarawak juga mengadakan mesyuarat dengan agensi Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil sebagai sebahagian daripada aktiviti promosinya berkaitan hak asasi manusia.

ISU-ISU UTAMA

Dengan keanggotaan baru yang memulakan tugas pada 26 April, Suruhanjaya mengekalkan hala tujunya dalam menegakkan hak asasi manusia di Malaysia secara amnya dan golongan rentan, khususnya. Penahanan arbitrari dan penguatkuasaan undang-undang merupakan antara isu yang masih menjadi perhatian.

1. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG PENAHANAN PENCEGAHAN

Peruntukan undang-undang yang membenarkan penahanan pencegahan, seperti Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) masih menjadi isu tumpuan Suruhanjaya. Suruhanjaya berkongsi sentimen awam terhadap penahanan tanpa bicara, yang bertentangan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 9, 10 dan 11 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Penggunaan undang-undang tersebut kononnya untuk menjamin keselamatan negara adalah pelanggaran serius terhadap hak kebebasan seseorang. Suruhanjaya amat konsisten dalam saranannya untuk mengkaji semula atau memansuhkan undang-undang penahanan pencegahan serta menggubal undang-undang baru yang berfungsi sebagai undang-undang keselamatan yang mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia. Sebarang pindaan perlu memastikan, antara lain, hak kepada perbicaraan yang adil dan hak untuk dianggap tidak bersalah sehingga didapati sebaliknya di mahkamah.

2. KEBEBASAN BERHIMPUN

Suruhanjaya menyedari bahawa terdapat beberapa permohonan permit untuk menganjurkan perhimpunan aman ditolak atau hanya diberikan kepada kumpulan tertentu sahaja. Suruhanjaya berpendapat bahawa walaupun Polis DiRaja Malaysia mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan permohonan mengadakan perhimpunan awam, ia harus bertindak secara adil, bebas dan profesional dalam menghormati hak setiap warganegara. Penolakan ringkas permohonan tanpa alasan, walaupun sah dari sudut perundangan, tidak selari dengan maksud penguatkuasaan yang terkandung dalam Akta Polis 1967. Sehubungan itu, Suruhanjaya menyeru pemansuhan subseksyen (2), (2A)-(2D), (4), (4A), (5), (5A)-(5C), (7) dan (8) Seksyen 27 dan Seksyen 27A Akta Polis 1967 dan mengesyorkan agar polis menggunakan cara yang sederhana dan tanpa keganasan sekiranya mereka mendapati ianya perlu untuk mengawal atau menyuraikan sesuatu perhimpunan.

Suruhanjaya dengan tegasnya mengulangi pendirian bahawa setiap orang mempunyai hak untuk menyertai perhimpunan aman sebagaimana dijamin Artikel 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Kebebasan berhimpun juga dijamin di bawah Artikel 20(1) UDHR.

3. KEBEBASAN BERSUARA DAN MAKLUMAT

Kebebasan bersuara termaktub dalam UDHR dan mewakili nilai demokrasi yang penting. Walau bagaimanapun, penggunaan pelbagai undang-undang arbitrari seperti ISA, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 telah menyebabkan pengharaman sesetengah penerbitan tertentu di Malaysia. Penggantungan atau pembatalan lesen penerbitan kononnya untuk mengekalkan ketenteraman sosial telah menyekat kebebasan bersuara dan maklumat.

Suruhanjaya terus menyeru supaya Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 19 UDHR dihormati. Artikel 19 UDHR menyatakan bahawa setiap orang mempunyai hak kepada kebebasan berpendapat dan bersuara, termasuk kebebasan memberi pendapat tanpa sekatan dan untuk memperoleh, menerima dan menyebarkan maklumat dan idea melalui media, tanpa sempadan. Suruhanjaya mengesyorkan pembentukan majlis media yang bebas untuk membolehkan media mengawal selia sendiri, menyelesaikan pertikaian atau aduan dan memantau pematuhan kod etika profesional industri.

4. KEBEBASAN BERAGAMA – ISU-ISU PENUKARAN AGAMA

Pada bulan Oktober 2009, Suruhanjaya telah menghantar memorandum kepada Majlis Raja-Raja yang mengetengahkan isu-isu penukaran agama oleh pasangan dalam sesebuah perkahwinan yang menimbulkan masalah-masalah lain termasuk hak penjagaan dan nafkah anak. Ini berpunca daripada ketiadaan peruntukan dalam menangani isu-isu seumpama ini dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam sesetengah negeri dan Akta Wilayah Persekutuan. Oleh itu, dalam representasi yang dibuat kepada Majlis Raja-Raja, Suruhanjaya menyeru agar pentadbiran undang-undang Syariah dan Wilayah Persekutuan diseragamkan dan satu prosedur yang jelas berkenaan kes-kes penukaran agama diperuntukkan.

Pada bulan November, Suruhanjaya telah menghantar sepucuk surat kepada Jabatan Peguam Negara sebagai tindakan susulan berhubung perkara tersebut. Pada bulan Disember, Suruhanjaya telah menerima maklum balas daripada Jabatan Peguam Negara menyatakan bahawa Jabatan berkenaan sedang berusaha meminda beberapa undang-undang berkaitan, bagi menyelesaikan masalah tersebut.

5. ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG

Suruhanjaya mengalu-alukan pindaan ke atas Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007 (ATIP), dengan mengambil kira situasi terkini di Malaysia. Namun demikian, Suruhanjaya memandang berat akan pindaan Akta tersebut yang turut merangkumi penyeludupan migran. Pemerdagangan orang dan penyeludupan migran harus dilihat sebagai dua isu berlainan, bagi mengelakkan kekeliruan dalam mengenalpasti mangsa pemerdagangan orang. Pencabulan hak asasi akan berlaku sekiranya mangsa pemerdagangan orang dikenal pasti sebagai migran yang diseludup, yang mungkin mengakibatkan mangsa dihantar pulang ke negara asal, atas kesalahan melanggar undang-undang imigresen. Sebaliknya, migran yang diseludup pula mungkin akan mendapat perlindungan yang sepatutnya tidak diberikan kepada mereka di rumah perlindungan.

6. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Kebanyakan aduan terhadap polis adalah berkenaan dakwaan ketiadaan tindakan polis dalam menjalankan siasatan, dakwaan penggunaan kekerasan melampau semasa soal-siasat dan penyalahgunaan kuasa dalam prosedur reman. Sebahagian situasi ini timbul daripada persepsi masyarakat bahawa tiada sebuah badan di dalam sistem yang digunapakai sekarang mempunyai kuasa untuk mengawalselia perlakuan anggota-anggota polis. Sehubungan itu, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya supaya satu badan bebas ditubuhkan bagi melaksanakan fungsi ini.

Adalah juga penting dinyatakan bahawa satu seksyen dalam Kanun Prosedur Jenayah tidak digunakan sepenuhnya oleh orang awam untuk menuntut hak mereka atas dakwaan kegagalan polis menjalankan siasatan. Di bawah Seksyen 107A Kanun Prosedur Jenayah, pengadu berhak mendapat status laporan siasatan terhadap laporan polis yang dibuatnya daripada Ketua Balai Polis yang berkenaan, tertakluk kepada beberapa pengecualian yang terdapat di bawah seksyen tersebut. Penggunaan seksyen ini akan memastikan polis memberi perhatian sewajarnya terhadap aduan-aduan yang dilaporkan kepada mereka.

Kematian beberapa individu akibat tembakan pihak polis telah dipaparkan secara meluas dalam media pada tahun ini. Suruhanjaya berpendapat bahawa senjata api hanya boleh digunakan oleh polis untuk mempertahankan diri dan Prosedur Operasi Standard (SOP) mengenai penggunaan senjata api dan melepaskan tembakan harus dikaji semula. Pihak polis wajar mengunapakai Kod Etika Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Anggota Penguatkuasa Undang-Undang 1979 dan Prinsip-Prinsip Asas tentang Penggunaan Kuasa dan Senjata Api oleh Anggota Penguatkuasa Undang-Undang 1990 di dalam melaksanakan tugas mereka.

7. HAK-HAK GOLONGAN RENTAN

(a) Wanita dan Kanak-kanak

Suruhanjaya mengalu-alukan langkah Kerajaan menarik balik reservasi kepada Artikel 5(a), 7(b) dan 16(2) Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) dan Artikel 1, 13 dan 15 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) pada bulan Julai. Suruhanjaya akan terus memantau pelaksanaan kedua-dua Konvensyen ini dan akan berusaha keras dalam penarikan balik reservasi selebihnya terhadap CEDAW and CRC.

Isu pembuangan bayi telah meningkatkan kebimbangan semua lapisan masyarakat. Wanita mempunyai hak untuk melahirkan bayi tanpa mengira persepsi negatif orang awam atau berasa takut terhadap undang-undang yang menjadikan perlakuan pembuangan bayi sebagai satu kesalahan jenayah. Suruhanjaya berpendapat bahawa hak wanita dan kanak-kanak perlu dipertahankan dan akan terus bekerjasama dengan agensi yang berkenaan serta badan bukan Kerajaan dalam perkara ini.

Suruhanjaya juga menyokong penuh langkah-langkah yang diambil Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam mengumpul maklumat untuk undang-undang Kesaksamaan Gender. Suruhanjaya berharap agar cadangan undang-undang baru ini akan dapat melindungi hak-hak wanita di Malaysia.

Dalam memerhati dan memantau pelaksanaan Kerajaan terhadap kedua-dua Konvensyen CEDAW dan CRC, Suruhanjaya sedang melaksanakan beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa CEDAW dan Jawatankuasa CRC untuk mengukuhkan perlindungan hak wanita dan kanak-kanak.

(b) Orang Asal/Asli

Isu tanah merupakan isu paling utama selepas isu berkaitan kewarganegaraan dan kedua-dua aduan ini diterima kebanyakannya daripada masyarakat Orang Asal/Asli. Tuduhan yang lebih serius adalah berkenaan pelanggaran hak ke atas tanah adat yang dituntut sama ada sebagai harta individu atau harta kolektif. Aduan lain termasuk diskriminasi; perkosaan gadis dan wanita Penan di Sarawak; peluang terhad bagi masyarakat Orang Asal/Asli untuk menentukan keutamaan terhadap pembangunan mereka sendiri; dan kurang penglibatan efektif dalam proses membuat keputusan yang mempengaruhi tanah dan cara hidup mereka.

Melalui pelbagai penglibatan dengan masyarakat Orang Asal/Asli, Suruhanjaya juga mengenalpasti bahawa masyarakat Orang Asal/Asli mempunyai akses yang terhad kepada pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan asas yang lain. Selain itu, terdapat keperluan untuk mengiktiraf dan mempromosi sektor pendidikan, kesihatan dan sistem perundangan dari sudut pandangan masyarakat Orang Asal/Asli.

(c) Orang Kelainan Upaya (OKU)

Kerajaan telah meratifikasi Konvensyen mengenai Hak Orang Kelainan Upaya (CRPD) pada bulan Julai. Suruhanjaya telah mengkaji semula peruntukan-peruntukan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) dan mendapati bahawa tiada sebarang percanggahan di antara CRPD, Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Dasar Negara. Namun, Suruhanjaya berpendapat perlunya satu akta yang komprehensif bagi mencerminkan Konvensyen tersebut dan merangkumi kesemua hak OKU.

Pada masa yang sama, Suruhanjaya berpendapat bahawa terdapat keperluan pada semua agensi Kerajaan untuk melaksanakan garis panduan dan undang-undang kecil sedia ada berkenaan OKU bagi memastikan mereka mendapat akses terhadap kemudahan yang disediakan Kerajaan.

Berdasarkan Artikel 33(2) CRPD, Suruhanjaya berharap Kerajaan akan memberi perhatian terhadap syor Suruhanjaya untuk Mekanisme Pemantauan Nasional (NMM) memainkan peranan dalam memerhati pelaksanaan Konvensyen ini.

(d) Lesbian, Gay, Bi-Seksual dan Transgender (LGBT)

Suruhanjaya amat bimbang akan aduan yang kerap diterima mengenai pencabulan hak asasi ke atas golongan seksual minoriti, iaitu kumpulan lesbian, gay, bi-seksual dan transgender (LGBT). Terdapat banyak dakwaan bahawa mereka sering dibuli, dimalukan dan dianiaya disebabkan orientasi seksual mereka. Suruhanjaya menegaskan bahawa sebagai manusia, hak asasi mereka harus dihormati dan dipertahankan. Tidak ada sebarang alasan untuk golongan ini dianiaya, walaupun tindakan mereka sebagai LGBT dianggap berbeza dan tidak dapat diterima ramai.

(e) Pekerja Migran, Pencari Suaka dan Orang Pelarian

(i) Hak-Hak Pekerja Migran

Berdasarkan kajian Suruhanjaya, masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pekerja migran adalah buruh paksaan, waktu bekerja yang tidak menentu, pembayaran gaji yang tidak lengkap dan tidak menentu, keadaan tempat tinggal yang daif, penderaan fizikal, psikologi dan seksual, gangguan oleh anggota penguatkuasa undang-undang, penafian hak untuk menyertai atau menubuhkan kesatuan, yuran pemprosesan yang sangat tinggi, kontrak kerja, pengambilan pekerja menggunakan khidmat luar dan pertikaian/prosiding mahkamah.

Pada Januari 2008, Suruhanjaya telah mengetuai satu kajian bersama mengenai pekerja migran yang bertajuk *Kajian tentang Pekerja Migran yang Merangkumi Isu dan Masalah Negara-negara Penghantar dan Penerima: Pelaksanaan Perisytiharan ASEAN mengenai Perlindungan dan Promosi Hak-hak Pekerja Migran*.¹

Antara syor-syor utama yang dikemukakan terhadap Kerajaan Malaysia adalah:

- Mengkaji semula undang-undang dan dasar-dasar yang tidak sejajar dengan konvensyen UN dan ILO yang mana Malaysia adalah ahli;
- Meminda undang-undang buruh bagi memasukkan “pekerjaan domestik” di bawah rangkuman perundangan;
- Meluluskan permohonan daripada Pelapor Khas tentang Hak Asasi Manusia Pekerja Migran untuk membuat lawatan rasmi ke Malaysia;
- Melancarkan satu kempen awam untuk membanteras rampasan pasport pekerja-pekerja migran oleh majikan;
- Menghapuskan sistem perkhidmatan luar (*outsourcing*) dan menggantikannya dengan satu sistem yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia;
- Memastikan keadaan di pusat-pusat tahanan mematuhi standard hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa;
- Menempatkan pegawai kesihatan secara tetap di Pusat-pusat Tahanan Imigresen;
- Bekerjasama rapat dengan kerajaan negara-negara penghantar dalam menyelesaikan masalah pekerja migran;
- Membentuk rangka kerja perundangan dan dasar yang menyeluruh bagi mengawal selia pengambilan, kemasukan, penempatan, layanan dan penghantaran balik pekerja migran; dan
- Membentuk langkah-langkah bagi mengenalpasti pemerdagangan orang di kalangan pekerja migran.

¹ Tujuan projek tersebut, yang dikendalikan di bawah SEANF, adalah untuk mengenalpasti situasi pekerja migran dari kedua-dua negara penghantar dan penerima, dan untuk menyokong tindakan-tindakan yang sesuai diambil oleh kerajaan-kerajaan ASEAN dalam menangani isu pekerja migran. Sila rujuk Bab 5 laporan ini untuk butiran mengenai projek ini.

Syor-syor ini dibentuk bagi meningkatkan pertimbangan di kalangan penggubal dasar mengenai pentingnya mengutamakan hak asasi manusia dalam perbincangan penggubalan dasar serta dalam perangkaan Instrumen ASEAN untuk Perlindungan dan Promosi Hak-hak Pekerja Migran.

(ii) Hak Pencari Suaka dan Orang Pelarian

Pada ketika ini, tiada undang-undang yang melindungi pencari suaka dan orang pelarian di Malaysia. Oleh itu, hak-hak orang pelarian amat terhad. Pencari suaka dan orang pelarian masih ditangkap, ditahan, dan dijatuhkan hukuman akibat kesalahan imigresen, termasuklah mereka yang mempunyai dokumentasi Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR).

Dalam hal ini, Suruhanjaya menegaskan bahawa Malaysia, sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Hak Asasi Manusia, bertanggungjawab untuk melindungi dan membantu pencari suaka dan orang pelarian, walaupun negara ini belum lagi mengesahkan konvensyen-konvensyen antarabangsa yang relevan.

Suruhanjaya akan melaksanakan cadangan-cadangan terdahulu² dan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri dan UNHCR untuk merealisasikan persetujuan kepada konvensyen-konvensyen antarabangsa berkaitan orang pelarian. Suruhanjaya juga mengesyorkan agar Kerajaan menyediakan keadaan hidup yang lebih baik bagi orang pelarian di Malaysia.

8. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Suruhanjaya berpuas hati dengan langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) sebagai sebahagian daripada usaha progresif untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini.

Suruhanjaya mengakui bahawa agensi fokal Kerajaan mempunyai peranan utama dalam penghasilan NHRAP, dan berpendapat bahawa semua sektor masyarakat harus menyertai secara langsung dan tidak langsung dalam persiapan dan penghasilan NHRAP, kerana pelan ini dimiliki semua rakyat. Dalam hal ini, Suruhanjaya telah mencadangkan pembentukan sebuah jawatankuasa sementara yang terdiri daripada wakil-wakil pihak berkepentingan untuk membantu agensi fokal di peringkat persiapan, dan dengan kajian dasar bagi mengenalpasti masalah utama yang harus ditangani dalam NHRAP.

² Rujuk muka surat 107 Laporan Tahunan SUHAKAM 2007.

Sebagai institusi nasional hak asasi manusia (NHRI), Suruhanjaya akan memainkan peranan penting dalam perangkaan dan pemantauan pelaksanaan NHRAP. Suruhanjaya menghargai inisiatif Kerajaan dalam melibatkan Suruhanjaya pada peringkat persiapan dan berharap hubungan ini akan diperkukuhkan melalui perundingan dan perjumpaan dari semasa ke semasa.

9. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Walaupun Kerajaan mempunyai tanggungjawab utama dalam melaksanakan syor-syor Penilaian Penggalan Sejagat (UPR), institusi berkepentingan seperti NHRI juga memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan syor-syor tersebut. Oleh itu, Suruhanjaya telah mengambil langkah-langkah berikut sebagai tindakan susulan:

- Menubuhkan sebuah jawatankuasa dalaman berkaitan tindakan susulan UPR;
- Menyebarkan maklumat tentang proses dan syor-syor UPR kepada badan-badan berkepentingan;
- Mengadakan sesi perundingan bersama pihak berkepentingan, termasuk agensi-agensi Kerajaan, untuk memperoleh maklumat terkini tentang pelaksanaan syor-syor UPR oleh Kerajaan;
- Menyediakan satu senarai semak yang mengandungi semua syor UPR dan perkembangan implementasi syor-syor tersebut oleh Kerajaan.

Malaysia sedang menghampiri pertengahan kedua penggal empat tahunnya untuk melaksanakan kesemua syor yang diterimapakai pada tahun 2009. Kemajuan pelaksanaan tersebut akan diambilkira oleh Kumpulan Kerja UPR dalam penilaian akan datang. Suruhanjaya berpuas hati atas inisiatif Kerajaan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Antara Agensi untuk melaksanakan segala syor UPR. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpendapat bahawa pelaksanaan syor-syor tersebut hanya dapat dinilai setelah berlaku perubahan-perubahan yang boleh memajukan keadaan hak asasi manusia. Dalam hal ini, Suruhanjaya akan meneruskan kerjasama dengan Kerajaan dan badan-badan berkepentingan lain untuk memastikan tindakan susulan terhadap syor-syor UPR berjaya.

10. RATIFIKASI INSTRUMEN TERAS HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA

Sejak penubuhannya, Suruhanjaya terus mendorong Kerajaan untuk meratifikasi atau mengesahkan kesemua instrumen hak asasi manusia antarabangsa termasuk Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sipil dan Politik (ICCPR), Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR), Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT), Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD), Kovenan Antarabangsa tentang Perlindungan Hak-hak Semua Pekerja Migran dan Ahli-ahli Keluarga mereka (ICRMW) dan Konvensyen Antarabangsa terhadap Perlindungan Semua Orang daripada Kehilangan secara Paksaan (CED).

Pada 2004, Suruhanjaya mengulangi saranannya kepada Kerajaan untuk meratifikasi ICCPR, ICESCR, CAT dan Protokol Pilihan kepada CRC tanpa melenghkannya. Ini adalah instrumen-instrumen penting bagi membuktikan komitmen Kerajaan dalam menghapuskan kemiskinan, melindungi hak-hak sosio-ekonomi, meningkatkan maruah manusia dan mempromosikan hak-hak sivil dan politik kepada semua anggota masyarakat.

Suruhanjaya sekali lagi menyarankan agar Kerajaan memperkukuh dan mempertingkatkan kuasa Suruhanjaya supaya dapat memainkan peranan yang penting dalam memerhati dan memantau pelaksanaan Kerajaan menerusi instrumen-instrumen ini.

LAPORAN KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN DAN PROMOSI

Tumpuan pada tahun ini adalah pada kerja-kerja susulan bagi program-program yang telah dijalankan untuk memastikan kesinambungan berkesan dalam meningkatkan kesedaran tentang hak asasi di kalangan kumpulan sasaran.

Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi (EWG) menjalankan program pendidikan hak asasi manusia di sekolah-sekolah, institut pengajian tinggi, dan kepada Orang Asli, wanita, belia dan agensi penguatkuasaan undang-undang. EWG turut menerbitkan dua buah laporan, iaitu Status Hak Pendidikan di kalangan Kanak-kanak Orang Asli dan Status Hak Asasi Wanita di Malaysia.

1. HAK KEPADA PENDIDIKAN

(a) Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah

Pada Jun 2009, Suruhanjaya telah mempelopori satu projek yang dinamakan Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. EWG sejak tarikh tersebut telah bekerjasama dengan lima buah sekolah menengah terpilih bagi menyediakan garis panduan tentang cara pelaksanaan program ini dalam lawatan ke semua sekolah ini sebanyak tiga kali sepanjang tahun. Lawatan-lawatan ini banyak membantu Suruhanjaya dalam memantau kemajuan program ini dan memastikan ianya bertepatan dengan matlamat asal. Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Pendidikan Hak Asasi Manusia di Sekolah turut mengikuti lawatan ke sekolah-sekolah terbabit bagi memberi pendapat dan pandangan bidang kepakaran masing-masing.

Maklum balas daripada sekolah-sekolah tersebut amat memberansangkan. Kelima-lima sekolah ini menjalankan pelbagai aktiviti bagi menerapkan nilai hak asasi manusia di kalangan pelajar dan warga sekolah.

(i) SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak.

Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa jumlah disiplin di sekolah telah menurun sejak memperkenalkan pilihanraya bagi memilih pengawas sekolah. Pelajar kini lebih mempercayai dan menghormati pengawas-pengawas yang dipilih pelajar sendiri. Suruhanjaya mendapati bahawa pilihanraya sebegini boleh dijalankan dengan teratur dan efektif apabila sekolah-sekolah diberi garis panduan yang betul selain memberi ruang kepada pelajar untuk turut serta.

(ii) SMK Seksyen 9, Shah Alam, Selangor

'Peti Suara Hati' memberi ruang kepada pelajar untuk turut serta memberi pendapat dalam perkara yang melibatkan mereka. Pelajar dapat menyuarakan sebarang ketidakpuasan hati, kritikan atau cadangan kepada pihak sekolah. Pelajar berasa dihargai apabila cadangan dan luahan mereka diambil kira oleh pihak sekolah. Pelajar turut diingatkan bahawa mereka seharusnya menggunakan hak yang telah dipertanggungjawabkan. Pihak sekolah turut menawarkan peluang pendidikan yang sama rata kepada kanak-kanak istimewa di sekolah tersebut. Suruhanjaya mendapati bahawa kanak-kanak ini tidak berasa dipinggir atau didiskriminasi oleh warga sekolah.

(iii) SMK Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur

Pihak sekolah membenarkan para pelajar merancang dan menjalankan beberapa program atas usaha mereka sendiri dengan pemantauan dan bantuan yang minimum daripada guru. Sebagai contoh, para pelajar menganjurkan 'Majlis Makan Malam Badan Pengawas' di sebuah hotel di Kuala Lumpur. Ia turut menggalakkan para ibu bapa untuk menyertai aktiviti-aktiviti di sekolah bagi mengeratkan kerjasama dan persefahaman.



*Pilihanraya Pengawas di SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak.
Seorang pelajar istimewa dibantu untuk membuang undi*

(iv) SMK Datuk Mansur, Bahau, Negeri Sembilan

Sekolah ini menganjurkan aktiviti pertandingan karangan dan lukisan tentang hak asasi manusia. Sekolah ini juga melancarkan 'Minggu Hak Asasi Manusia' di mana aktiviti berkaitan hak asasi manusia dijalankan, termasuk lukisan mural di dinding sekolah berdasarkan artikel-artikel Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak.

(v) SMK Munshi Abdullah, Batu Berendam, Melaka

Sekolah ini menyediakan ruang khas yang dipanggil 'Pondok Hak Asasi', yang mempamerkan semua bahan berkenaan hak asasi manusia untuk kegunaan para pelajar. Pihak sekolah juga menggunakan siaran radio sekolah untuk menyebarkan maklumat dan aktiviti berkenaan hak asasi manusia.

Berdasarkan pemantauan yang telah dijalankan, Suruhanjaya berpendapat kelima-lima buah sekolah ini perlu mengambil tindakan yang berikut:

- Memajukan dokumentasi tentang aktiviti yang dijalankan di bawah program ATHAM bagi memudahkan proses penilaian dan rujukan;
- Membabitkan lebih ramai guru dan warga sekolah dalam menjalankan program ATHAM kerana usaha untuk membudayakan hak asasi manusia di sekolah-sekolah memerlukan kerjasama dan pembabitkan menyeluruh; dan
- Meningkatkan integrasi sesama pelajar terutamanya di kalangan pelajar menengah rendah bagi mengurangkan masalah buli dan pergaduhan antara kaum dan juga masalah-masalah disiplin yang melibatkan pencabulan hak asasi manusia.

Bagi menilai keberkesanan program ATHAM, Suruhanjaya mengadakan kerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak bagi menjalankan kajian kerja (*formative study*). Ini akan membantu Suruhanjaya menilai dengan tepat keberkesanan ATHAM, sebelum menjalankan program ini di sekolah-sekolah lain.

(b) Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli

Undang-undang di peringkat domestik dan antarabangsa menjamin hak pendidikan Orang Asli. Kebanyakan agensi Kerajaan berpendirian bahawa Orang Asli dan kanak-kanak Orang Asli harus menerima pendidikan kebangsaan di bawah prinsip kesamarataan.

Laporan *Expert Mechanism* Mengenai Hak Orang Asli¹ menyokong pelaksanaan satu sistem pembelajaran yang merangkumi budaya, sejarah, adat dan kepercayaan Orang Asli. Malaysia menyokong Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP) pada tahun 2007 yang telah membangkitkan perkara yang sama:

- Artikel 14(1): Orang Asli berhak untuk membentuk dan mengawal sistem pendidikan dan institusi yang menyediakan pendidikan dalam bahasa mereka sendiri, dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan budaya mereka.
- Artikel 14(3): Negara-Negara mesti bersama-sama dengan Orang Asli mengambil langkah yang berkesan, agar Orang Asli, terutamanya kanak-kanak termasuk mereka yang tinggal di luar komuniti mereka untuk mengakses apabila mungkin, pendidikan dalam budaya mereka sendiri dan disediakan dalam bahasa mereka sendiri.
- Artikel 15: Orang Asli berhak atas martabat dan kepelbagaian budaya, tradisi, sejarah dan aspirasi mereka yang seharusnya digambarkan secara bersesuaian dalam pendidikan dan maklumat awam.

Atas kesedaran ini, aktiviti utama EWG bagi tahun ini adalah untuk melihat dan menilai status pendidikan komuniti Orang Asli.



Ibu bapa Orang Asli memberikan pandangan sewaktu sesi dialog susulan bersama agensi Kerajaan.

¹ <http://www.ohchr.org/EN/NewsEvents/Pages/QualityEducationForIndigenousPeoples.aspx>

Jadual 1: Aktiviti Mengenai Status Pendidikan Komuniti Orang Asli

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Perbincangan Meja Bulat Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli	4 Mac	Kuala Lumpur
2.	Lawatan Ke Sekolah dan Kawasan Orang Asli	13 Mei	Lanchang, Pahang
3.	Mesyuarat Susulan Perbincangan Meja Bulat Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli	8 Jun	SK Lanchang, Pahang
4.	Lawatan Ke Sekolah dan Kawasan Orang Asli	20 Julai	Raub, Pahang
5.	Lawatan Ke Sekolah dan Kawasan Orang Asli	21-24 Jun	Gua Musang, Kelantan
6.	Mesyuarat Susulan Perbincangan Meja Bulat Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli	14-15 Julai	SK Kuala Betis, Kelantan
7.	Lawatan Ke Sekolah dan Kawasan Orang Asli	16-20 Ogos	Daerah Batang Padang, Perak
8.	Lawatan Ke Sekolah dan Kawasan Orang Asli	26 Sept - 1 Okt	Daerah Hulu Perak, Perak
9.	Lawatan Anggota Suruhanjaya ke Sekolah dan Kawasan Orang Asli	13 Okt	SK Sungai Tiang, Kampung Sungai Kejar, Perak
10.	Mesyuarat Susulan Perbincangan Meja Bulat Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli	14 Okt	Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Perak, Gerik, Perak

(i) Perbincangan Meja Bulat Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli

Perbincangan ini telah dihadiri oleh agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pendidikan kanak-kanak Orang Asli. Kementerian dan agensi yang hadir adalah Kementerian Pelajaran (KPM), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Kementerian Kesihatan (KKM), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kementerian dan agensi ini telah menerima positif isu-isu yang dikemukakan oleh Suruhanjaya. Ada juga yang telah mengambil tindakan ke atas isu yang dibangkitkan seperti pendaftaran Mykad; sistem pengangkutan di Kelantan; pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP); dan pentadbiran rancangan makanan tambahan dan rancangan bantuan makanan oleh JHEOA.

Suruhanjaya telah menerbitkan laporan perbincangan meja bulat tersebut sebagai rujukan untuk tindakan susulan oleh pihak-pihak berkenaan.

(ii) Lawatan ke Sekolah dan Kawasan Orang Asli

Tujuan lawatan ialah untuk melihat tindakan-tindakan yang dijalankan oleh agensi berkenaan ke atas isu-isu yang dibangkitkan semasa perbincangan meja bulat tersebut. Semasa mesyuarat susulan pertama yang diadakan di Kuala Gandah, Lanchang, Pahang, Suruhanjaya mendapati beberapa agensi memberi maklum balas yang tidak menggambarkan keadaan sebenar di lapangan.

Oleh itu, Suruhanjaya mengadakan lawatan ke beberapa sekolah dan kawasan Orang Asli untuk memantau keadaan secara langsung. Lawatan ini adalah dengan kerjasama dengan JHEOA, KPM, UPSI, Institut Aminuddin Baki dan Institut Pendidikan Guru.

(iii) Perbincangan dengan Masyarakat Orang Asli, Pihak Sekolah dan Agensi Tempatan

Beberapa isu baru ditemui hasil perbincangan dengan masyarakat Orang Asli, pihak sekolah dan agensi tempatan:

- Projek Bekalan Air Bersih ke Sekolah Luar Bandar oleh KPM yang gagal membekalkan air bersih di daerah Batang Padang dan Hulu Perak.
- Bekalan elektrik 24 jam tidak dapat disediakan atas sebab sama ada melalui talian grid (masalah pendawaian) atau generator (kurang bekalan minyak atau rosak) atau solar hybrid (tidak dapat menampung keperluan sekolah).
- Jalan penghubung ke daerah pedalaman tidak diselenggara secara berkala yang mengakibatkan kenderaan cepat rosak dan membahayakan murid dan guru.
- Tidak ada warden di asrama SK Bidor dan seramai 130 orang pelajar hanya diawasi oleh Jaga Sekolah pada sebelah malam.
- Kemudahan asrama-asrama yang dilawati di SK Bidor - Batang Padang, SMK Tengku Kudin, Raub dan SMK Sultan Idris, Hulu Perak didapati sesak, kemudahan asas kurang begitu juga keselesaan dan keselamatan penghuni.
- Kurikulum alternatif yang seharusnya dilaksanakan di beberapa sekolah pilihan tidak dijalankan dengan sempurna, malahan kebanyakan sekolah telah berhenti menggunakan kurikulum ini kerana kekaburan arahan daripada agensi bertanggungjawab. Suruhanjaya mendapati guru-guru baru tidak diberi latihan mengenai penggunaan kurikulum ini, bahan pengajaran dan pembelajaran bagi Tahun 4 tidak dibekalkan sehingga lewat Ogos. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa kurikulum ini akan diganti dengan kurikulum baru yang lebih menyerupai kurikulum kebangsaan.

(iv) Mesyuarat Susulan

Suruhanjaya mendapati ada beberapa isu yang dibentangkan dalam perbincangan meja bulat masih belum dapat diselesaikan:

- Kanak-kanak tidak bersekolah langsung kerana kemudahan sekolah tidak disediakan di kawasan mereka.
- Masalah pengangkutan di negeri Pahang dan Perak.
- Kehadiran murid yang rendah.
- Masalah pelaksanaan kurikulum alternatif seperti diperuntukkan dalam CRC dan UNDRIP.

Syor-Syor Suruhanjaya

1. Agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan pendidikan kanak-kanak Orang Asli iaitu KPM dan JHEOA harus meningkatkan sistem penyampaian supaya isu-isu yang berlarutan dapat diselesaikan secepat mungkin.
2. Pegawai-pegawai yang terlibat seharusnya mempunyai sikap, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tugas yang berkenaan bagi memastikan keberkesanan melunaskan tanggungjawab masing-masing. Oleh itu, pembangunan kapasiti personel khususnya mengenai kehidupan Orang Asli harus diadakan secara terancang dan berkala. Pemilihan personel yang sesuai juga penting bagi memastikan segala dasar, peraturan, keputusan, perancangan dan pelaksanaan pendidikan menepati akses kepada pendidikan berkualiti. Selain itu, pendidikan yang dirancang menepati keperluan dan bermakna kepada kehidupan mereka.
3. Agensi berkenaan tidak harus melakukan diskriminasi terhadap Orang Asli dalam usaha penyertaan komuniti ini dalam perkembangan arus perdana. Kepentingan terbaik masyarakat Orang Asli perlu diambil kira tanpa mengabaikan keperluan unik mereka. Setiap keputusan yang diambil mesti mengambilkira budaya dan adat resam Orang Asli.
4. Agensi-agensi harus melibatkan Orang Asli daripada semua lapisan masyarakat dan suku kaum dalam menentukan perkara-perkara yang melibatkan pendidikan mereka atau anak-anak mereka.
5. Penglibatan badan-badan bukan Kerajaan, sukarelawan dan badan korporat harus digalakkan bagi membantu mempercepatkan proses pendidikan berkualiti bagi golongan Orang Asli.

(c) Isu-Isu Lain Berkenaan Pendidikan

- (i) Cadangan Pembubaran Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR)

Sistem pendidikan di Malaysia dikaji dari semasa ke semasa bagi menjamin kualiti dan keberkesanan sistem tersebut. Atas sebab ini, Kementerian Pelajaran telah mengemukakan cadangan untuk membubarkan peperiksaan UPSR dan PMR. Format baru yang dicadangkan akan diperkenalkan pada tahun 2016. Peperiksaan UPSR akan dinaiktaraf, manakala peperiksaan PMR akan digantikan dengan sistem penilaian sekolah.

Sistem pendidikan di Malaysia adalah berdasarkan penilaian melalui peperiksaan. Ini bermakna, para pelajar yang bijak dalam bidang akademik mempunyai peluang yang lebih cerah. Suruhanjaya berpendapat bahawa sistem pendidikan harus dikemaskini untuk memberi semua pelajar peluang yang sama rata.

- (ii) Ungkapan Berbaur Perkauman Di Sekolah

Terdapat dua insiden yang menunjukkan pencabulan hak asasi yang berbaur sentimen perkauman terhadap sebilangan pelajar di dua buah sekolah di Johor dan Kedah. Seharusnya, tidak ada tempat untuk sebarang sentimen diskriminasi dan perkauman dalam bidang pendidikan; lebih-lebih lagi daripada tenaga pengajar. Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman menggalakkan semua Kerajaan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan tiada manifestasi yang berbaur perkauman, keagamaan ataupun kebencian berdasarkan kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, Malaysia merupakan antara 16 negara yang bukan negara ahli kepada konvensyen tersebut.

2. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA UNTUK GOLONGAN BELIA

Suruhanjaya meneruskan usahanya dalam menganjurkan satu siri bengkel hak asasi manusia kepada para pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Matlamat program sebegini adalah untuk menjadikan para pelajar lebih peka dengan isu-isu berkaitan hak asasi manusia, dan untuk memberi ruang bagi mengutarakan pandangan masing-masing. Para peserta menunjukkan minat dalam isu seperti kebebasan bersuara. Sebagai contoh, sesetengah universiti telah menubuhkan "Ruang Pidato" bagi membolehkan pelajar meluahkan pandangan mereka. Walaupun ini merupakan satu perkembangan yang positif, Suruhanjaya berpendapat banyak yang mampu dilakukan untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan oleh pelajar.

Tambahan pula, bengkel tersebut telah dianjurkan kepada belia yang bergiat dalam badan-badan bukan kerajaan. Peserta membincangkan peranan mereka dalam mempertahankan hak asasi manusia masing-masing dan menjalankan tanggungjawab mereka. Peserta juga berpendapat bahawa mereka seharusnya dirujuk apabila Kerajaan merangka polisi tentang isu yang berkaitan bidang mereka.

3. HAK ASASI WANITA

EWG telah menghasilkan laporan Status Hak Asasi Wanita di Malaysia, yang mengumpulkan hasil perbincangan dan pelbagai program yang telah dijalankan tentang wanita dan hak kepada pendidikan, kesihatan dan pekerjaan. Laporan ini juga menyentuh isu pemerdagangan wanita, gangguan seksual terhadap wanita di tempat kerja dan hak wanita kekurangan peluang merangkumi hak wanita kelainan upaya, hak wanita Orang Asli dan juga hak wanita pekerja asing di Malaysia. Laporan ini menyarankan penggubalan undang-undang untuk memberi kesan kepada Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

EWG berhasrat untuk terus menyediakan latihan kepada Pegawai Khas Gender (GFP). Pada tahun sebelumnya, latihan telah dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Walau bagaimanapun, Suruhanjaya tidak dapat menjalankan latihan tersebut pada tahun ini disebabkan beberapa masalah dalaman GFP.

4. LATIHAN HAK ASASI MANUSIA KEPADA AGENSI- AGENSI PENGUATKUASAAN

(a) Latihan untuk Pasukan Polis di Raja Malaysia

Program berterusan ini melibatkan 149 orang Ketua Polis Balai (OCS) dari seluruh Kelantan, Terengganu dan Pahang sepanjang bulan Mei hingga Oktober. Wakil dari beberapa organisasi hak asasi manusia telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja yang berkisarkan hak asasi manusia, yang bertemakan polisi dan tanggungjawab seharian seorang OCS. Para peserta turut diminta untuk mendalami isu-isu yang terdapat dalam kajian kes yang diberi, seperti isu dan prosedur yang terlibat dalam menguruskan kematian dalam tahanan, perintah reman, keganasan domestik, keganasan terhadap kanak-kanak, kebebasan untuk berkumpul dan proses soal-jawab. Isu hak asasi manusia yang turut dibincangkan sepanjang bengkel tersebut meliputi hak sewaktu penangkapan dan penahanan, hak sebagai pegawai polis dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai polis.

Bengkel tersebut memberi perhatian kepada pendirian Suruhanjaya berkenaan proses penyiasatan. Peserta diingatkan bahawa polis tidak berhak menahan seseorang tanpa bicara kerana ini adalah bertentangan dengan standard hak asasi manusia antarabangsa, dan juga bertentangan dengan prinsip asas hak asasi manusia. Berdasarkan aduan yang diterima, undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa bicara seperti Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 (EO) memberi ruang untuk pelanggaran hak asasi manusia yang berleluasa. Suruhanjaya percaya bahawa setiap manusia mempunyai hak untuk dibicarakan di mahkamah.

Satu lagi isu penting yang menjadi fokus dalam program latihan ini ialah hak untuk berhimpun. Sejak kewujudannya, Suruhanjaya ini telah menjalankan tiga siasatan awam² berkaitan hak untuk berhimpun. Laporan hasil daripada siasatan ini menggariskan panduan-panduan yang harus digunapakai oleh polis dan penganjur sewaktu berhimpun. Antara panduan yang digariskan adalah:

- Undang-undang berkenaan hak untuk berhimpun harus dilaksanakan secara adil dan sama rata tanpa sebarang diskriminasi.
- Satu model kerjasama antara polis dan penganjur dilaksanakan. Penganjur perlu memaklumkan kepada polis tentang perhimpunan yang bakal dianjurkan, supaya tidak perlu untuk memohon lesen bagi mengadakan perhimpunan aman.
- Pihak berkuasa, termasuk pihak yang bertanggungjawab atas kawasan-kawasan awam yang ingin digunapakai, harus membenarkan kawasan tersebut digunapakai bergantung kepada kesesuaian program, tanpa sebarang diskriminasi.
- Sekatan jalanraya tidak seharusnya diadakan semata-mata untuk menghalang perjalanan peserta berhimpun.
- Pegawai polis harus memaparkan identiti masing-masing, terutamanya pada perisai badan.

Suruhanjaya menekankan bahawa sekiranya perhimpunan dilangsungkan secara aman, pihak polis harus memberikan kerjasama yang sewajarnya agar perhimpunan berlangsung dengan aman dan keselamatan peserta terjamin. Malangnya, terdapat insiden di mana pihak polis menghalang peserta daripada menghadiri perhimpunan sebegini atas sebab keselamatan tanpa justifikasi risiko keselamatan.

Suruhanjaya mengesyorkan agar polis menjalankan tugas mereka berlandaskan undang-undang yang ditetapkan, tanpa sebarang diskriminasi, sama ada berdasarkan fahaman politik, agama atau lain-lain. Suruhanjaya mengamati terdapat insiden di mana polis mengambil tindakan terhadap program anjuran pembangkang, tetapi tiada tindakan sepertinya diambil terhadap penganjur program parti kerajaan. Para peserta diingatkan bahawa pihak polis tidak boleh mengambil keputusan sewenang-wenangnya berasaskan andaian dan anggapan, tetapi haruslah berasaskan bukti dan fakta yang nyata.

² *Inquiry on Its Own Motion into the 5th November at the KESAS Highway, Public Inquiry: Incident at KLCC on 28 May, 2006, dan SUHAKAM Public Inquiry into the Arrest and Detention of 5 Lawyers at the Brickfields Police Station.*

Isu ini telahpun diketengahkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2008, yang mana pihak kementerian dan agensi Kerajaan memetik Artikel 4³ dan 21⁴ Kovenan Mengenai Hak Sipil dan Politik (ICCPR) sebagai justifikasi tindakan yang telah diambil dalam menyekat kebebasan untuk berkumpul. Ini adalah tidak patut, lebih-lebih lagi kerana Malaysia merupakan antara negara ahli PBB yang masih belum menerimapiakai ICCPR.⁵

Sewaktu program latihan, peserta telah mengajukan soalan berkenaan pegawai polis yang berinteraksi dengan suspek yang menunjukkan simptom-simptom penyakit kritikal. Suruhanjaya menasihatkan agar semua anggota polis diberi suntikan vaksin yang sewajarnya dan peralatan yang perlu sebagai langkah-langkah pencegahan.



Pegawai-pegawai polis membentangkan hasil perbincangan mereka tentang isu hak asasi wanita dan kanak-kanak.

³ Artikel 4(1): Pada saat keadaan darurat yang mengancam keselamatan negara dan kewujudannya, yang diumumkan secara rasmi, Negara-negara Pihak Kovenan boleh mengambil tindakan-tindakan yang boleh menyeleweng daripada kewajiban mereka dibawah kovenan ini sejauhmana langkah tersebut benar-benar diperlukan oleh keadaan yang terdesak, asalkan tindakan-tindakan tersebut tidak bertentangan dengan kewajiban-kewajiban mereka yang lain yang terdapat didalam undang-undang antarabangsa dan tidak melibatkan diskriminasi semata-mata berdasarkan bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama atau asal-usul sosial.

(2):Penyelewengan daripada Fasal 6,7,8 (perenggan 1 dan 2), 11, 15 dan 18 adalah sama sekali tidak dibenarkan dibawah peruntukan ini.

(3): Mana-mana Negara Pihak Kovenan ini yang menggunakan hak penyelewengan ini harus segera memberitahu Negara-negara Pihak Kovenan yang lain, melalui Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, mengenai peruntukan yang diseleweng dan sebab-sebab yang memaksanya berbuat demikian. Pemberitahuan yang seterusnya harus dibuat, melalui perantara yang sama, mengenai tarikh ia akan menghentikan penyelewengan tersebut.

⁴ Artikel 21: Hak untuk berkumpul secara aman perlu diakui. Tiada halangan yang boleh dikenakan terhadap pelaksanaan hak ini melainkan yang ditetapkan dalam undang-undang dan yang perlu dalam masyarakat demokratik demi kepentingan keselamatan negara, keselamatan umum, ketenteraman awam, perlindungan terhadap kesihatan dan moral umum atau perlindungan hak-hak dan kebebasan orang lain.

⁵ Negara ahli lain yang masih belum menerimapiakai Konvensyen tersebut termasuklah Bhutan, Myanmar, Oman, Qatar, Saudi Arabia dan UAE.

Pada bulan Ogos, Suruhanjaya buat pertama kali menganjurkan Bengkel tentang Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) kepada Pegawai Penyiasat dari Unit Seksual, Penderaan dan Kanak-Kanak, Bahagian Siasatan Jenayah (D11). Peserta telah diperkenalkan kepada konvensyen antarabangsa, khususnya CRC dan CEDAW, dan bagaimana ia boleh digunapakai dalam tugas harian mereka.

Pegawai penyiasat telah dinasihatkan supaya sensitif dan peka kepada hak kanak-kanak dan hak wanita dalam mengendalikan kes-kes melibatkan golongan ini. Perlindungan harus diberikan kepada mangsa rogol atau mangsa keganasan rumahtangga yang membuat aduan kepada polis. Pegawai yang bertugas harus mengambil aduan secara profesional dan penuh hemah. Pegawai tersebut juga harus mengikuti latihan bagaimana menangani kes-kes yang melibatkan kanak-kanak dan wanita bagi memastikan kerjasama daripada semua pihak. Kerjasama yang tidak memberansangkan akan menyukarkan proses penyiasatan. Inisiatif terbaru yang dikenalpasti adalah untuk membenarkan pengadu wanita dan kanak-kanak dibawa ke bilik yang berasingan apabila mereka hadir membuat aduan.

Di penghujung program tersebut, peserta telah diminta menyediakan satu pelan tindakan, dan berkongsi bagaimana merealisasikan pelan tindakan tersebut kepada pihak atasan masing-masing. Dalam menyediakan pelan tersebut, peserta telah diingatkan tentang pihak yang akan membaca pelan tersebut, keberkesanan menjalankan pelan tersebut dan masa yang perlu untuk merealisasikan pelan tersebut. Suruhanjaya akan memantau pelan tindakan tersebut dengan mengadakan program untuk mengkaji dan menyemak keberkesanan pelan tindakan tersebut dalam masa tiga bulan.

(b) Latihan untuk Pegawai Penjara

Sebanyak empat bengkel hak asasi manusia telah dianjurkan kepada pegawai penjara pada tahun ini. Program pertama telah dijalankan pada 14-16 April, kedua pada 27-30 Jun, ketiga pada 26-29 September dan yang keempat pada 29 November-1 Disember. Program ini telah dianjurkan dengan kerjasama pihak Akademi Koreksional Penjara dan peserta terdiri daripada 140 pegawai kanan penjara.

Peserta telah dimaklumkan bahawa mereka mempunyai peranan dalam usaha untuk memperjuangkan dan melindungi hak-hak asasi manusia, dan mereka harus mengamalkannya dalam kerja mereka sehari-hari. Bengkel ini juga menekankan tanggungjawab penjara untuk memberi peluang kepada tahanan dalam jagaan mereka dan bukan untuk menghukum. Peserta turut melihat standard hak asasi manusia antarabangsa yang relevan dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Antara topik perbincangan adalah berkenaan hak asasi kanak-kanak dan wanita, hak kepada integriti fizikal dan moral, hak kepada taraf hidup bersesuaian, hak kepada kesihatan, menjadikan pusat tahanan dan penjara sebagai tempat yang selamat dan penggunaan terbaik pusat tahanan dan penjara, kategori istimewa tahanan-tahanan termasuk tahanan kanak-kanak, wanita dan mereka yang ditahan tanpa bicara. Aktiviti lakonan '*role play*' dan perbincangan pelbagai kajian kes telah digunakan sebagai kaedah penyampaian sewaktu latihan ini.

(c) Ceramah kepada Ahli RELA

Suruhanjaya telah mempertingkatkan fokus kepada ahli Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dalam program hak asasi manusianya. Suruhanjaya telah dijemput memberi ceramah berkenaan isu-isu hak asasi manusia semasa program latihan kepada ahli RELA yang diadakan di pusat-pusat latihan RELA di seluruh Malaysia. Selain itu, Suruhanjaya turut menganjurkan dua program latihan kepada pelatih bagi pegawai kanan RELA.

Suruhanjaya yang telah menganjurkan program latihan hak asasi manusia kepada ahli RELA sejak 2007, turut memantau aduan terhadap anggotanya. Pada tahun 2008, sebanyak enam aduan telah diterima Suruhanjaya. Dari tahun 2009 sehingga Ogos 2010, Suruhanjaya tidak menerima sebarang aduan terhadap salah laku RELA yang melibatkan pelanggaran hak asasi manusia. Laporan tahunan 2009 SUARAM⁶ (Suara Rakyat Malaysia) turut melaporkan tidak menerima sebarang aduan terhadap RELA.

Dua kemungkinan boleh dirungkaikan atas penurunan aduan. Pertama, mungkin disebabkan kejayaan dan keberkesanan program kesedaran hak asasi manusia yang dianjurkan Suruhanjaya dan juga peningkatan dalam Prosedur Operasi Standard RELA yang diperkenalkan. Kedua, RELA tidak lagi menjalankan operasi dengan sendiri, tetapi membantu agensi-agensi lain seperti Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Walau bagaimanapun, pemilihan dan kelayakan menjadi anggota RELA haruslah melalui proses yang ketat dan pemeriksaan terhadap latar belakang calon adalah penting bagi memastikan mereka benar-benar layak, lebih-lebih lagi apabila RELA mahu mencapai 2.5 juta anggota⁷ sebelum 2012, yang terbuka kepada mereka yang berumur 16-40 tahun. Suruhanjaya mencadangkan bahawa kursus perlantikan ahli RELA yang baru disemak semula dan kursus orientasi yang lebih lama dan komprehensif diberikan kepada semua lantikan RELA yang baru, memandangkan latihan yang sedia ada hanya untuk tujuh hari. Latihan yang lebih panjang dan menyeluruh haruslah diberi sebelum seseorang diterima menjadi anggota.

⁶ Laporan SUARAM: *Malaysia Human rights Report 2009: Civil Political Rights*

⁷ http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/8/4/mstar_berita/20100804113819&sec=mstar_berita

5. PROGRAM LATIHAN DALAMAN

EWG menganjurkan program latihan dalaman berkenaan isu-isu hak asasi manusia kepada warga Suruhanjaya sendiri bagi mempertingkatkan kefahaman tentang hak asasi manusia. Beberapa penceramah yang arif dalam bidang masing-masing telah dijemput untuk mengendalikan sesi latihan:

Jadual 2: Program Latihan

NO.	TAJUK	TARIKH
1.	Tayangan Filem: Gadoh	19 Feb
2.	Ceramah Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan	3 Mac
3.	Ceramah Hak Orang Asal	24 Mei
4.	Tayangan filem dan perbincangan: 10 Tahun Sebelum Merdeka	11 Jun
5.	Ceramah Hak Asasi Manusia dan Alam Sekitar	25 Jun
6.	Latihan Mengenai Tiada-Diskriminasi	2-3 Nov
7.	Ceramah Motivasi mengenai Etika Kerja	12 Nov

6. PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Suruhanjaya merupakan satu-satunya perpustakaan hak asasi manusia di Malaysia. Perpustakaan ini mengandungi sejumlah koleksi bahan-bahan berkenaan hak asasi manusia yang digunakan dalam kerja sehari-hari di Suruhanjaya dan pihak yang berminat. Perpustakaan ini mengumpulkan bahan bacaan, jurnal dan juga bahan arkib.


Selari dengan matlamatnya untuk meluaskan perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat, Suruhanjaya telahpun memutuskan bahawa semua mantan anggota Suruhanjaya dan bekas kakitangan dialu-alukan untuk membuat pinjaman bahan rujukan koleksi perpustakaan ini. Bahan rujukan yang terdapat di perpustakaan juga terbuka kepada orang awam.

LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 menyatakan bahawa salah satu fungsi utama Suruhanjaya ialah menyiasat aduan-aduan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia. Kuasa dan fungsi Suruhanjaya di bawah Seksyen 4 untuk menyiasat dakwaan-dakwaan tersebut dilaksanakan oleh Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan (CIWG).

1. PENYELESAIAN ADUAN

Sepanjang tahun, Suruhanjaya menerima 1,005 aduan (Rajah 1) di pejabatnya di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching, 42 daripada aduan tersebut adalah dalam bentuk memorandum.



Rajah 1: Aduan yang diterima

Suruhanjaya mendapati bahawa 437 aduan adalah di luar bidang kuasanya. Aduan tersebut termasuklah:

- Isu-isu pentadbiran yang sewajarnya dapat diselesaikan segera oleh agensi-agensi yang berkaitan;

- Aduan-aduan yang melibatkan jenayah dan memerlukan siasatan jenayah, oleh itu ia dirujuk kepada pihak polis atau agensi penguatkuasaan yang lain;
- Aduan-aduan yang masih dalam perbicaraan di mahkamah atau telah diselesaikan oleh mahkamah; dan
- Aduan-aduan yang berada di bawah bidang kuasa badan-badan profesional yang lain.

Aduan-aduan yang diklasifikasikan sebagai 'kes-kes di luar bidang kuasa Suruhanjaya' dipanjangkan kepada agensi yang bersesuaian untuk tindakan yang sewajarnya.


Daripada 572 jumlah aduan yang diterima (Jadual 1), Suruhanjaya telah menyelesaikan 215 kes, manakala selebihnya masih dalam siasatan (Rajah 2).

Jadual 1: Pecahan Aduan Pelanggaran Hak Asasi Manusia 2010

NO	JENIS ADUAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
1.	Agensi Kerajaan			
	(i) Pasukan Polis			
	(a) Ketiadaan tindakan	57	9	11
	(b) Penggunaan kekerasan melampau	30		
	(c) Penyalahgunaan kuasa	18		
	(ii) Jabatan Pendaftaran Negara	15	56	
	(iii) Jabatan Imigresen	9		
	(iv) Jabatan Penjara	7		
2.	Undang-undang Penahanan Pencegahan			
	(i) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969	64	5	
	(ii) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985	11		
	(iii) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	2		
3.	Hal-hal Tanah	9	92	27
4.	Pekerja Migran	33		
5.	Pelarian	30		
6.	Kebebasan beragama	2		
7.	Kebebasan bersuara & berhimpun	2		
8.	Lain-lain	52	29	2
	JUMLAH	341	191	40

Jenis-jenis aduan yang diterima mengikut lokasi adalah seperti berikut:

- Di Semenanjung, kebanyakan aduan berkenaan penahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 (64 kes) dan kelewatan tindakan polis (57 kes).
- Di Sabah, kebanyakan ketidakpuasan hati ialah berkenaan isu kewarganegaraan (56 kes) dan hak tanah (92 kes).
- Di Sarawak, kebanyakan aduan yang dilaporkan kepada Suruhanjaya adalah kes-kes berkenaan dakwaan pelanggaran hak ke atas tanah Orang Asal (27 kes).



Rajah 2: Jumlah Kes Selesai dan Dalam Siasatan

2. ISU-ISU UTAMA ADUAN

(a) Aduan terhadap Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

Sebanyak 125 aduan yang diterima adalah berkaitan dakwaan kelewatan tindakan polis dalam menyiasat laporan polis yang dibuat, penggunaan kekasaran melampau atau tindakan ganas dan penyalahgunaan kuasa.

Suruhanjaya berpendapat bahawa jumlah aduan yang tinggi terhadap polis pada setiap tahun adalah berkemungkinan disebabkan harapan masyarakat terhadap PDRM untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara, di samping kuasa besar diperuntukkan undang-undang kepada polis bagi menjalankan tanggungjawab tersebut.

Pada 3 Mei, Suruhanjaya menerima memorandum daripada Pakatan Rakyat berkenaan insiden tembakan adik Allahyarham Aminulrasyid Amzah yang berusia 15 tahun ketika sedang memandu kenderaan kakaknya. Beliau ditembak mati oleh anggota polis apabila tidak menghentikan kenderaan yang dipandu setelah diarahkan polis di Seksyen 11, Shah Alam, Selangor pada 26 April. Sejurus selepas kejadian tersebut, pihak polis membuat kenyataan umum mendakwa bahawa remaja tersebut disyaki terlibat dalam aktiviti jenayah. Polis turut mendakwa bahawa mereka menemui sebilah parang di dalam kenderaan. Keluarga remaja tersebut mengeluarkan kenyataan menafikan dakwaan polis. Kejadian itu telah menimbulkan kemarahan orang ramai dan menyebabkan Kerajaan menubuhkan panel siasatan yang terdiri daripada lapan individu yang diketuai oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, untuk memantau siasatan polis berhubung kejadian tersebut dan meneliti prosedur penggunaan senjata api oleh anggota polis. Pada 10 Mei, seorang anggota polis berpangkat Koperal telah didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam di bawah Seksyen 304A¹ Kanun Keseksaan kerana kecuaiannya sehingga menyebabkan kematian.

Oleh kerana perkara tersebut telah dibawa ke mahkamah, Suruhanjaya mengambil keputusan untuk tidak menjalankan siasatan lanjut berhubung kejadian berkenaan. Walau bagaimanapun, pada bulan Ogos, Suruhanjaya meminta maklumat daripada ketua panel siasatan mengenai tindakan dan cadangan panel berkenaan peraturan penggunaan senjata api oleh anggota polis. Dalam jawapannya, Timbalan Menteri Dalam Negeri memaklumkan bahawa pihak panel berpuas hati dengan siasatan polis kerana ia telah dijalankan dengan telus, cekap dan meliputi segala aspek. Beliau juga memaklumkan bahawa panel telah mencadangkan beberapa pindaan kepada Hukuman Tetap Ketua Polis Negara. Walau bagaimanapun, tiada maklumat lanjut diberikan berhubung cadangan pindaan tersebut.

¹ Seksyen 304A Kanun Keseksaan: Menyebabkan kematian dengan cuai: Barang siapa menyebabkan kematian seseorang, dengan melakukan apa-apa perbuatan gopoh atau cuai yang tidak terjumlah kepada mematikan orang yang salah, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Suruhanjaya berpendapat bahawa penggunaan senjata api adalah sebagai langkah melampau. Senjata yang tidak membawa maut seperti senjata perenjat elektrik sepatutnya digunakan bagi mengelakkan kes kematian. Sekiranya penggunaan senjata api tidak dapat dielakkan, penggunaan tersebut sewajarnya dihadkan bagi tujuan mempertahankan diri atau melemahkan suspek dan bukan untuk menyebabkan kematian. Oleh yang demikian, Suruhanjaya mencadangkan polis supaya memberi perhatian kepada Kod Etika Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Anggota Penguatkuasa Am Undang-undang 1979 dan Prinsip-Prinsip Dasar tentang Penggunaan Kuasa dan Senjata Api oleh Anggota Penguatkuasa Am Undang-undang 1990 semasa menjalankan tugas. Di samping memberi penekanan tegas terhadap penggunaan senjata api oleh anggota polis, orang ramai juga perlu peka dengan undang-undang di negara ini. Rakyat Malaysia perlu belajar daripada insiden yang berlaku bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang di masa hadapan.

Perlu dicatatkan bahawa kebanyakan kes berkenaan dakwaan kelewatan tindakan polis, kebanyakan pengadu tidak menyedari tentang Seksyen 107A² Kanun Prosedur Jenayah yang memberikan hak statutori kepada pengadu untuk mendapatkan status laporan siasatan daripada Pegawai Polis Daerah bergantung kepada had yang ditentukan dalam seksyen tersebut. Sementara Suruhanjaya memuji tindakan positif pihak polis yang mematuhi peruntukan tersebut, Suruhanjaya juga menggesa polis supaya meningkatkan usaha menyiasat laporan yang dibuat.

² Seksyen 107A Kanun Prosedur Jenayah: Laporan mengenai status penyiasatan.

(1) Mana-mana orang yang telah memberi maklumat di bawah Seksyen 107 boleh meminta laporan mengenai status penyiasatan kesalahan yang diadu di dalam maklumatnya daripada ketua balai polis di mana ia memberi maklumat itu.

(2) Ketua balai polis hendaklah memberi laporan status mengenai penyiasatan kesalahan itu kepada si pemberitahu tidak lebih daripada dua minggu daripada tarikh penerimaan permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(3) Walau apa pun subseksyen (2), tiada seorang ketua balai polis harus dikehendaki memberi laporan status mengenai penyiasatan suatu kesalahan –

- (a) melainkan jika kesalahan yang diadukan adalah kesalahan boleh tangkap;
- (b) melainkan jika tempoh empat minggu telah tamat daripada tarikh pemberian maklumat itu di bawah seksyen 107; dan
- (c) yang mengandungi apa-apa perkara yang berkemungkinan akan menjejaskan penyiasatan terhadap kesalahan atau pendakwaan kesalahan itu.

(4) Jika suatu permintaan telah dibuat di bawah subseksyen (1) dan ketua balai polis itu telah gagal untuk memberikan laporan status kepada si pemberitahu dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2), tetapi tertakluk kepada subseksyen (3), si pemberitahu boleh membuat laporan mengenai kegagalan itu kepada Pendakwa Raya.

(5) Selepas menerima laporan di bawah subseksyen (4), Pendakwa Raya hendaklah mengarahkan Ketua Polis Daerah untuk memberi kepadanya suatu laporan status lengkap mengenai penyiasatan yang telah dijalankan oleh polis berhubung dengan kesalahan di dalam maklumat yang diberikan oleh si pemberitahu.

(6) Pendakwa Raya hendaklah menyebabkan untuk diberikan kepada si pemberitahu, atau mengarahkan Ketua Polis Daerah untuk memberikan kepada si pemberitahu, laporan status yang mengandungi maklumat sepertimana yang diarahkan oleh Pendakwa Raya.

(b) Inkuiri Awam

Suruhanjaya telah menggesa pihak polis supaya memastikan bahawa hak statutori tahanan untuk merujuk kepada peguam dipatuhi sepenuhnya. Ini adalah selari dengan Seksyen 28A Kanun Prosedur Jenayah yang memerlukan polis memaklumkan kepada tahanan sebab dia ditahan dan juga haknya untuk menghubungi peguam dan keluarga. Isu tersebut telah dibincangkan pada Inkuiri Awam yang dijalankan terhadap lima peguam daripada Pusat Bantuan Guaman yang ditahan pada 7 Mei 2009 di Balai Polis Brickfields, Kuala Lumpur seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2009. Inkuiri tersebut berakhir pada April 2010 dan panel Inkuiri berpendapat bahawa tindakan polis menangkap dan menahan lima peguam daripada Pusat Bantuan Guaman tersebut adalah satu penafian hak untuk diwakili peguam dan melanggar Artikel 5(3)³ Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 28A⁴ Kanun

³ Artikel 5(3) Perlembagaan Persekutuan: Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya.

⁴ Seksyen 28A Kanun Prosedur Jenayah: Hak orang yang ditangkap.

(1) Seseorang yang ditangkap tanpa waran hendaklah diberitahu alasan penangkapannya dengan seberapa segera yang boleh oleh pegawai polis yang menangkapnya.

(2) Pegawai polis hendaklah, sebelum memulakan sebarang cara penyoalan atau rakaman mana-mana pernyataan daripada orang yang ditangkap, memberitahu orang itu bahawa dia boleh –

- (a) berkomunikasi atau cuba berkomunikasi, dengan saudara atau kawan untuk memberitahu di mana dia berada; dan
- (b) berkomunikasi atau cuba berkomunikasi dan berunding dengan pengamal undang-undang pilihannya.

(3) Di mana orang yang tertangkap berhasrat untuk berkomunikasi atau cuba berkomunikasi dengan orang-orang yang dirujuk di dalam perenggan (2)(a) dan (b), pegawai polis itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, membenarkan orang yang ditangkap itu berbuat sedemikian.

(4) Di mana orang yang ditangkap telah meminta pengamal undang-undang untuk dirunding, pegawai polis itu hendaklah membenarkan suatu masa yang munasabah –

- (a) bagi pengamal undang-undang untuk hadir untuk berjumpa dengan orang yang ditangkap di tempat tahananannya; dan
- (b) bagi rundingan dijalankan.

(5) Rundingan di bawah subseksyen (4) hendaklah dalam penglihatan seorang pegawai polis dan dalam keadaan, sejauh mana yang praktik, dimana komunikasi mereka tidak dapat didengar.

(6) Pegawai polis itu boleh menangguh mana-mana penyoalan atau rakaman mana-mana pernyataan daripada orang yang ditangkap untuk masa yang munasabah sehingga komunikasi atau cubaan komunikasi di bawah perenggan 2(b) atau rundingan di bawah subseksyen (4) telah dibuat.

(7) Pegawai polis itu hendaklah menyediakan kemudahan yang munasabah untuk komunikasi dan rundingan di bawah seksyen ini dan semua kemudahan yang disediakan hendaklah percuma.

(8) Keperluan-keperluan di bawah subseksyen (2), (3), (4), (5), (6) dan (7) hendaklah tidak terpakai di mana pegawai polis itu dengan semunasabahnya percaya bahawa –

- (a) pematuhan mana-mana keperluan mungkin akan mengakibatkan –
 - (i) rakan jenayah orang yang ditangkap mengambil langkah untuk menghindari dari diberkas; atau
 - (ii) penyembunyian, pemalsuan atau kemusnahan keterangan atau menakuti saksi; atau
- (b) setelah mengambil kira keselamatan orang lain penyoalan atau rakaman mana-mana pernyataan adalah begitu penting menyebabkannya tidak boleh ditangguh.

(9) Subseksyen (8) hendaklah hanya terpakai selepas kebenaran oleh pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Timbalan Penguasa Polis.

(10) Pegawai polis yang memberi kebenaran di bawah subseksyen (9) hendaklah merekod alasan-alasan yang dipercayainya bahawa syarat-syarat yang dinyatakan di bawah subseksyen (8) akan timbul dan rekod itu hendaklah dibuat dengan seberapa segera yang praktik.

(11) Pegawai penyiasat hendaklah mematuhi keperluan-keperluan di bawah subseksyen (2), (3), (4), (5), (6) dan (7) dengan seberapa segera selepas syarat-syarat yang dinyatakan di bawah subseksyen (8) telah tidak lagi terpakai di mana orang yang ditangkap masih dalam tahanan di bawah seksyen ini atau seksyen 117.

Prosedur Jenayah. Panel juga menyifatkan pegawai yang memberi arahan tersebut telah berkelakuan *mala fide* dan berniat tidak baik untuk menafikan akses kepada peguam. Walaupun di bawah seksyen tersebut dinyatakan bahawa hak tersebut boleh dinafikan sementara waktu, Suruhanjaya menggesa pihak polis menggunakan pengecualian yang dinyatakan di bawah Seksyen tersebut hanya dalam kes yang wajar sahaja.

(c) Aduan daripada Kumpulan Orang Asal/Asli

Pada bulan Mac, Suruhanjaya menerima memorandum daripada kumpulan yang dikenali sebagai Jaringan Perpaduan Orang Asli (JPOA). Pada 24 Februari, kumpulan tersebut telah mengadakan bantahan di hadapan Hospital Orang Asli di Gombak, Selangor kerana tidak berpuas hati dengan pengurusan hospital oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah dakwaan perkhidmatan "*Flying Doctor*" yang disediakan oleh pihak hospital tidak sampai ke kawasan Orang Asli di pedalaman, masalah kurang zat makanan kanak-kanak Orang Asli, layanan kakitangan hospital yang tidak adil terhadap pesakit Orang Asli, jumlah Orang Asli yang diberi pekerjaan di hospital terlalu sedikit dan kekurangan latihan kerja diberikan kepada Orang Asli. Mereka juga mencadangkan supaya hospital tersebut diambil alih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pada 15 Mac, Suruhanjaya telah menemui pihak pengurusan hospital serta mengetengahkan permasalahan Orang Asli. Sebagai susulan kepada mesyuarat tersebut, Suruhanjaya telah menulis kepada Ketua Setiausaha Negara dengan mengemukakan syor-syor berikut:

- Melaksanakan secara berkala perkhidmatan "*Flying Doctor*" kepada Orang Asli termasuk yang tinggal di kawasan pedalaman. Sebagai usaha untuk memantapkan perkhidmatan tersebut, Suruhanjaya menggesa Kerajaan supaya mengisi enam kekosongan jawatan doktor di hospital tersebut.
- Menyediakan latihan perlu kepada Orang Asli bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran supaya mereka dapat menjalankan tugas di Hospital Orang Asli dan juga agensi Kerajaan yang lain.
- Mendapatkan maklum balas dan cadangan Orang Asli dan juga organisasi berkaitan Orang Asli tentang sebarang polisi atau program yang akan dilaksanakan oleh JHEOA. Langkah sebegini dapat membantu membina hubungan yang lebih baik di antara Orang Asli dan JHEOA. Pada masa yang sama, ia dapat membantu kedua-dua pihak menyelesaikan aduan secara sepakat.
- Mempertimbangkan permohonan Orang Asli untuk Hospital Gombak diuruskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Secara alternatif, penambahbaikan perlu dilakukan terhadap perkhidmatan hospital di bawah pengurusan semasa.

(d) Aduan Berkenaan Undang-Undang Penahanan Pencegahan

Suruhanjaya menerima beberapa aduan daripada individu, parti politik dan kumpulan masyarakat awam berkenaan penahanan di bawah undang-undang pencegahan. Aduan-aduan tersebut timbul daripada penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

Terdapat banyak instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang berkaitan hak tahanan, khususnya dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan Kovenan Antarabangsa berkenaan Hak Sivil dan Politik bagi memastikan kebebasan dan keselamatan setiap orang dihormati, dan hak untuk dibicarakan secara adil. Tahanan reman 60 hari, perintah tahanan dua tahun atau perintah sekatan dua tahun telah menjadi subjek aduan yang diajukan kepada Suruhanjaya. Kebanyakan aduan dibuat oleh saudara terdekat tahanan yang menyatakan harapan agar siasatan dijalankan secara adil dan membenarkan tahanan mendapat percikaraan yang saksama dan adil. Kebanyakan mereka yang ditahan didakwa sebagai orang yang mencari nafkah untuk keluarga yang berpendapatan sederhana atau rendah. Oleh itu, penahanan tersebut memberi kesan kepada pendapatan dan masa depan keluarga.

Suruhanjaya menyedari bahawa di bawah undang-undang penahanan pencegahan, tahanan diberikan peluang untuk membuat bantahan terhadap perintah penahanan tersebut kepada Jawatankuasa Penasihat sebagaimana yang ditetapkan oleh Perkara 151⁵ Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, seseorang sewajarnya dibenarkan untuk mendapatkan percikaraan terbuka di mahkamah kerana sistem kehakiman adalah cara yang terbaik untuk menegakkan keadilan dan peraturan undang-undang. Sistem kehakiman dapat melindungi daripada sebarang penahanan tanpa sebab yang munasabah, mengurangkan pelbagai bentuk pencabulan dan memastikan kebertanggungjawaban agensi-agensi Kerajaan yang menguatkuasakan undang-undang penahanan pencegahan.

⁵ Artikel 151 Perlembagaan Persekutuan: Sekatan ke atas tahanan pencegahan.

(1) Jika mana-mana undang-undang atau ordinar yang dibuat atau dimasyhurkan menurut Bahagian ini membuat peruntukan bagi tahanan pencegahan—

- (a) pihak berkuasa yang atas perintahnya mana-mana orang ditahan di bawah undang-undang atau ordinar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu orang itu alasan dia ditahan dan, tertakluk kepada Fasal (3), pengatahan fakta yang berasaskannya perintah itu dibuat, dan hendaklah memberikan peluang kepadanya untuk membuat representasi terhadap perintah itu dengan seberapa segera yang boleh;
- (b) tiada warganegara boleh ditahan seterusnya di bawah undang-undang atau ordinar itu melainkan jika suatu lembaga penasihat yang ditubuhkan sebagaimana yang disebut dalam Fasal (2) telah menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh warganegara itu di bawah perenggan (a) dan membuat syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa tiga bulan setelah menerima representasi itu, atau dalam tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Sesuatu lembaga penasihat yang ditubuhkan bagi maksud Perkara ini hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan yang menjadi atau pernah menjadi atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang pernah menjadi seorang hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia, dan dua orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(3) Perkara ini tidak menghendaki mana-mana pihak berkuasa mendedahkan fakta yang pendedaahannya pada pendapat pihak berkuasa itu akan bertentangan dengan kepentingan negara.



Penyerahan memorandum berkenaan penahanan pelakon, Benjiy di bawah undang-undang penahanan pencegahan

Pada bulan Mac, Suruhanjaya menerima memorandum daripada Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) mengenai penahanan 10 individu termasuk sembilan warganegara asing di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di Sungai Cincin, Gombak. Media melaporkan bahawa penahanan tersebut dibuat kerana mereka disyaki mempunyai hubungan dengan organisasi pengganas. Walau bagaimanapun, keluarga-keluarga individu yang ditahan tersebut menolak dakwaan tersebut dan mendakwa bahawa penahanan dibuat kerana individu berkenaan mengamalkan aliran *salafi*, satu ciri pemahaman agama Islam.

Berikutan memorandum tersebut, Suruhanjaya mengadakan perjumpaan dengan Pasukan Petugas Khas (Operasi/Menangani Keganasan) pada 4 Mac untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas berikutan isu penahanan individu-individu tersebut. Pihak polis menafikan dakwaan ahli keluarga tahanan. Pihak polis menekankan bahawa mereka telah menerima maklumat risikan bahawa kumpulan yang ditahan mempunyai kaitan dengan aktiviti pengganas yang dijalankan di luar negara, dan polis telah memerhati kegiatan kumpulan tersebut sejak beberapa tahun.

Susulan mesyuarat tersebut, Suruhanjaya menulis kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) menggesa agar Kementerian mendakwa individu tersebut di mahkamah undang-undang atau membebaskan mereka selepas tempoh 60 hari penahanan tamat. Pendirian ini selari dengan Polisi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Menangani Keganasan yang menyatakan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani keganasan mestilah selaras dengan undang-undang antarabangsa, terutamanya undang-undang hak asasi manusia, undang-undang

pelarian dan undang-undang kemanusiaan. Sementara permohonan *habeas corpus* yang difailkan oleh individu berkenaan masih dalam mahkamah, mereka telah dihantar pulang ke negara masing-masing secara paksa.

Walaupun Suruhanjaya mengakui bahawa perlunya mempunyai keseimbangan yang saksama antara kepentingan keselamatan negara dan kebebasan asasi seseorang individu, Suruhanjaya berpendapat bahawa penahanan tanpa perbicaraan adalah satu pelanggaran hak asasi. Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan memansuhkan kesemua undang-undang penahanan pencegahan selari dengan instrumen-instrumen hak asasi antarabangsa.

(e) Aduan berkenaan Kebebasan Beragama

Pada 25 Januari, Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada beberapa ahli parlimen berkenaan serangan ke atas 16 rumah ibadat. Memorandum tersebut menyatakan bahawa serangan tersebut berpunca daripada isu penggunaan kalimah 'Allah' oleh bukan Islam. Mereka mendesak supaya Suruhanjaya mengadakan satu Inkuiri Awam bagi kes serangan ini. Mereka juga mendakwa bahawa Suruhanjaya tidak lantang bersuara dan mendahului dalam menangani kejadian serangan ini. Sebenarnya, Suruhanjaya telah mengeluarkan kenyataan akhbar bertarikh 12 Januari, mengutuk serangan tersebut dan mencadangkan agar:

- (i) Polis menyiasat serangan tersebut secara menyeluruh dan segera bagi menjamin keselamatan orang awam untuk mengamalkan hak beragama masing-masing;
- (ii) Pemimpin agama perlu mengadakan sesi dialog antara agama dan kepada pihak berwajib perlu menyediakan kemudahan bagi menjayakan dialog tersebut;
- (iii) Pemimpin agama perlu mengelak daripada mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan pemahaman dan keharmonian beragama.

Merujuk kepada tuntutan yang dibuat oleh Ahli Parlimen yang meminta supaya satu Inkuiri Awam diadakan, Suruhanjaya berpendapat bahawa isu ini lebih sesuai ditangani dengan mengadakan perbincangan meja bulat di antara pemimpin agama. Tambahan pula, kuasa Suruhanjaya untuk mengadakan Inkuiri Awam mungkin dihadkan kerana kebanyakan kes serangan ini masih di bawah siasatan polis dan beberapa kes telah didakwa di mahkamah. Pada bulan Ogos, dua individu telah dihukum penjara selama lima tahun kerana menyebabkan kebakaran di Gereja Tabernacle, Desa Melawati.

(f) Perhimpunan Aman

Suruhanjaya telah menerima permohonan daripada SUARAM dan GMI untuk membuat pemantauan "*ISA Candle Light Vigil*" pada 1 Ogos di Padang Timur, Dataran MBPJ, Petaling Jaya. *Vigil* tersebut telah diadakan untuk memperingati kewujudan ISA 50 tahun yang lalu dan menyeru agar undang-undang tersebut dimansuhkan. Tema *vigil* tersebut ialah "50 tahun ISA: Mansuh! Bukan Pinda." Suruhanjaya telah menubuhkan satu pasukan pemantau diketuai oleh dua orang anggota Suruhanjaya, Encik Muhammad Sha'ani Abdullah dan Encik James Nayagam dan disertai lima orang pegawai untuk memerhati dan memantau *vigil* tersebut. Walau bagaimanapun, *vigil* yang dirancang tersebut dihalang oleh polis sebelum sempat berhimpun atas alasan bahawa ia tidak mendapat permit polis sepertimana dinyatakan di bawah Seksyen 27(2)⁶ Akta Polis 1967. Beberapa individu telah ditangkap kerana enggan mematuhi arahan polis untuk bersurai.

Pasukan pemantau Suruhanjaya telah berada di tempat *vigil* tersebut dan juga di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya di mana tahanan dibawa. Pasukan pemantau berada di situ sehingga jam 4.50 pagi. Semasa pemantauan tersebut, Suruhanjaya telah menerima kerjasama penuh daripada polis bagi membolehkan Suruhanjaya memantau kejadian tersebut. Kerjasama sekali lagi diberikan oleh polis semasa Suruhanjaya memerhati dan memantau proses rakaman percakapan orang yang kena tangkap semasa berada di Ibu pejabat Polis Daerah Petaling Jaya.

Syor-syor Suruhanjaya berhubung perhimpunan aman telah diterbitkan dalam laporan Siasatan Awam terhadap Insiden di KLCC pada 28 Mei 2006. Dalam laporan tersebut, Suruhanjaya mengesyorkan pemansuhan sub-seksyen (2), (2A)-(2D), (4), (4A), (5), (5A)-(5C), (7) dan (8) Seksyen 27, dan juga Seksyen 27A Akta Polis 1967, dengan itu memansuhkan keperluan memohon lesen untuk mengadakan perhimpunan aman. Sebagai ganti kepada peruntukan-peruntukan ini, Suruhanjaya mengesyorkan individu atau kumpulan individu yang berniat untuk mengadakan perhimpunan atau perarakan aman perlu memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Polis Daerah berkenaan perhimpunan atau perarakan yang dicadangkan. Turut disyorkan ialah satu definisi keselamatan

⁶ Seksyen 27. Akta Polis 1967. Kuasa untuk mengawalselia perhimpunan, perjumpaan dan perarakan

(2) Mana-mana orang yang berniat mengadakan atau mengumpulkan mana-mana perhimpunan atau perjumpaan atau membentuk suatu perarakan di mana-mana tempat awam yang tersebut terdahulu, hendaklah sebelum mengadakan, mengumpulkan atau membentuk perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu, membuat kepada Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu akan diadakan suatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi maksud itu, dan jika pegawai polis itu berpuas hati bahawa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu tidak mungkin memudaratkan kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau membangkitkan kekacauan keamanan, dia hendaklah mengeluarkan suatu lesen dalam bentuk yang ditetapkan dengan menyatakan nama pemegang lesen itu dan menerangkan syarat-syarat atas nama perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu dibenarkan:

Dengan syarat bahawa pegawai polis itu boleh pada bila-bila masa membatalkan lesen itu atas apa-apa alasan yang membolehkan lesen tidak dikeluarkan di bawah subseksyen ini.

negara yang munasabah yang selari dengan prinsip hak asasi manusia. Suruhanjaya seterusnya mengesyorkan, jika polis mendapati perlu mengawal atau menyuraikan orang ramai, cara wajar dengan situasi serta tanpa kekasaran patut digunakan. Walau bagaimanapun, syor-syor tersebut masih belum dilaksanakan sehingga kini.

(g) Kebebasan Bersuara dan Berpendapat

Suruhanjaya telah menerima aduan-aduan berhubung pelanggaran hak bersuara sepertimana yang diperuntukkan dalam Perkara 19⁷ Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan menyedari bahawa hak ini sentiasa dipantau oleh Kerajaan. Ini diperlihatkan melalui keputusan Kementerian Dalam Negeri mengharamkan buku kartun berunsur politik karangan *Zunar* dan keengganan untuk memperbaharui permit penerbitan akhbar *Suara Keadilan* serta amaran yang diberikan kepada *Harakah*. Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam dalam kenyataan media yang dikeluarkan pada 7 Julai, menyeru Kementerian agar menarik balik tindakan tersebut. Beliau juga menyeru agar majlis media yang bebas ditubuhkan untuk kawalan sendiri melalui kod industri yang mandatori dan dikuatkuasakan melalui biro aduan untuk membicara pertikaian atau aduan dan menjalankan pemantauan terhadap pematuhan kepada kod etika.

(h) Kewarganegaraan

Kebanyakan aduan adalah berkaitan permohonan kewarganegaraan, kegagalan mendapatkan MyKad dan pelucutan kewarganegaraan. Kebanyakan aduan ini diterima oleh pejabat Suruhanjaya cawangan Sabah. Perkara yang berkaitan dengan kewarganegaraan terkandung di dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan yang terbahagi kepada tiga bab termasuk penganugerahan dan pelucutan kewarganegaraan. Undang-undang yang mengawalselia kewarganegaraan ialah Peraturan Kewarganegaraan 1964.

Untuk aduan-aduan berkaitan kewarganegaraan, ia akan dirujuk kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Dalam isu pelucutan kewarganegaraan, ia adalah isu yang rumit kerana melibatkan kesan buruk yang bakal dihadapi individu-individu ini. Individu-individu ini yang ditarik kewarganegaraannya akan menjadi 'individu tanpa kerakyatan' sekiranya negara-negara lain tidak mengiktirafnya sebagai warganegara mereka.

⁷ Artikel 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat: Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berpendapat dan mengeluarkan fikiran; hak ini termasuklah kebebasan memegang pendapat tanpa gangguan dan menuntut, menerima dan menyebarkan maklumat dan buah fikiran melalui sebarang media dan tanpa mengira sempadan.

Dalam kes pelucutan kewarganegaraan Mageswari a/p Koothan, Suruhanjaya telah mengadakan perbincangan dengan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri pada 13 Julai. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa keputusan untuk melucutkan kewarganegaraan dilakukan kerana nama pengadu berkenaan terdapat di dalam daftar pemilih Republik India dan pelucutan kewarganegaraan dilakukan secara sah mengikut prosedur yang telah ditentukan. Pengadu kini tergolong sebagai 'individu tanpa kerakyatan' kerana Kerajaan India juga tidak mengiktiraf beliau sebagai warganegara India. Selain kes yang dinyatakan di atas, Suruhanjaya juga menerima aduan yang sama daripada beberapa pengadu lain dan terdapat juga aduan yang dibuat orang lain bagi pihak individu yang mengalami masalah yang sama.

Suruhanjaya ingin menyatakan bahawa kewarganegaraan adalah satu status yang istimewa yang dimiliki seseorang, dengan itu dia diberikan hak tertentu, faedah dan kemudahan kepada individu tersebut. Walaupun Kerajaan mempunyai kuasa melucutkan kewarganegaraan sepertimana yang dinyatakan di bawah Perlembagaan Persekutuan, kuasa berkenaan haruslah dilaksanakan secara terkawal untuk mengelakkan kesusahan kepada individu-individu yang terbabit. Ia juga bertentangan dengan Artikel 15⁸ Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat yang memberikan hak kepada individu untuk menjadi warganegara kepada sesebuah negara.

(i) Pilihanraya

Pada 14 Januari, Suruhanjaya telah bermesyuarat dengan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) di Putrajaya. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Yusof diadakan rentetan daripada Memorandum daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) berkenaan dakwaan salah laku tentang cara undi pos dijalankan semasa pilihanraya Bagan Pinang. Suruhanjaya mengesyorkan beberapa penambahbaikan dilakukan terhadap sistem undi pos seperti berikut:

- (i) SPR perlu memastikan bahawa ejennya (kakitangan kem yang dilantik oleh SPR) menggunakan senarai pengundi yang telah ditetapkan SPR. Sebarang cetakan semula senarai untuk tujuan pentadbiran perlu disahkan oleh pegawai SPR.
- (ii) SPR perlu memastikan bahawa Senarai Pengundi dikemaskini setiap masa. Ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama baik dengan agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Rekod dan Pencen, Angkatan Tentera. Usaha pengemaskini rekod sebegini akan memastikan nama-nama pengundi tidak akan muncul dua kali dalam Senarai Pengundi.

⁸ Artikel 15: Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

1. Setiap orang adalah berhak kepada kewarganegaraan.

2. Tiada sesiapa pun boleh dilucutkan kewarganegaraannya secara sewenang-wenangnya atau dinafikan hak menukar kewarganegaraannya.

- (iii) SPR perlu mewujudkan garis panduan berkenaan penghantaran kertas undi terutamanya cara-cara pengendalian dan juga prosedur penghantaran.
- (iv) Sistem undi pos untuk angkatan tentera dan anggota polis perlu disemak semula. Setiap anggota perlu dibenarkan mengundi di kawasan yang ditentukan. Pengundian secara pos seharusnya dibenarkan kepada individu yang tidak mampu mengundi di kawasan mereka atas alasan yang sah seperti berkhidmat di luar negara. Ini dapat menghapuskan keraguan dan juga kemungkinan berlakunya penipuan.

Pada bulan Oktober, buat pertama kalinya Suruhanjaya memantau proses pilihanraya di DUN N45 Galas dari 25 Oktober hingga 5 November. Tujuan Suruhanjaya berada di Galas adalah untuk memantau proses pilihanraya dan juga memaklumkan kepada masyarakat di Galas mengenai hak mereka mendapatkan pilihanraya yang bebas dan adil. Sepanjang minggu kempen tersebut, Suruhanjaya telah mengedarkan beratus-ratus risalah kepada orang awam, memantau parti politik yang berkempen dan membuka kaunter aduan di Galas.



Anggota Suruhanjaya dan pegawai CIWG sedang menerima aduan semasa pemerhatian Pilihanraya Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas

LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI ANTARABANGSA

Fungsi utama Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-undang dan Triti Antarabangsa (LRITWG) adalah untuk mengkaji dan mencadangkan kepada Kerajaan berkenaan isu penyertaan atau pengesahan triti-triti dan instrumen-instrumen antarabangsa dalam bidang hak asasi manusia. Selain itu, kumpulan kerja ini ditugaskan untuk memastikan semua undang-undang negara ini selaras dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

Pada tahun ini, kumpulan kerja ini terus menjalankan kajian dan mengadakan dialog, mesyuarat dan perbincangan meja bulat bersama masyarakat sivil dan pihak-pihak lain yang berkepentingan, untuk mendapatkan pandangan serta pendapat mereka tentang isu-isu perundangan yang berlaku di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa.

1. MEMANTAU PELAKSANAAN KONVENSYEN MENGENAI PENGHAPUSAN SEGALA BENTUK DISKRIMINASI TERHADAP WANITA (CEDAW)

Pada bulan Februari, Suruhanjaya mengalu-alukan penarikan balik reservasi ke atas Artikel-artikel 5(a), 7(b) dan 16(2) kepada CEDAW. Sebagai ahli Jawatankuasa Teknikal kepada Penarikan Balik Reservasi ke atas CEDAW yang telah dipengerusikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Suruhanjaya telah bekerjasama dalam menyediakan pandangan serta pemerhatian berkenaan penarikan balik reservasi ini.

Sehingga ke hari ini, reservasi ke atas Artikel-artikel 9(2), 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(g) masih kekal, kerana artikel-artikel ini bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Islam. Oleh kerana reservasi terhadap Artikel 16 kepada CEDAW ternyata kompleks, Suruhanjaya telah memutuskan untuk melantik penyelidik luar bagi mengkaji pemakaian dan aplikasi Konvensyen tersebut, khususnya terhadap pemakaian Artikel 16 di negara-negara Islam yang lain. Pada bulan Ogos, kajian tersebut telah dihantar ke KPWKM.

Selain kajian terhadap reservasi yang masih kekal, Suruhanjaya juga bekerjasama dengan KPWK dalam menekankan kepentingan meratifikasi Protokol Pilihan kepada CEDAW. Pada 2006, dalam komen kesimpulannya, Jawatankuasa kepada CEDAW juga telah mendesak kerajaan Malaysia supaya meratifikasi Protokol Pilihan tersebut.

Sebagai tindakan susulan, pada bulan Februari, Suruhanjaya telah menghantar "Kertas Justifikasi untuk Meratifikasi Protokol Pilihan kepada CEDAW" kepada KPWK untuk pertimbangan lebih lanjut. Pada bulan Julai, Suruhanjaya telah menerima jemputan daripada Bahagian Dasar, KPWK untuk menghadiri mesyuarat bagi mengumpul pandangan serta pendapat daripada pelbagai agensi untuk membolehkan Kementerian menyediakan Kertas Jemaah Menteri bagi tujuan ratifikasi terhadap Protokol Pilihan kepada CEDAW. Suruhanjaya juga menyokong penuh usaha meratifikasi Protokol Pilihan ini memandangkan ia boleh meningkatkan pelaksanaan terhadap CEDAW yang telah diratifikasi Malaysia sejak 1995.

Suruhanjaya telah meneruskan usaha mempelopori kemajuan terhadap pembangunan potensi wanita, khususnya memantau usaha-usaha kerajaan Malaysia dalam mematuhi pelaksanaan terhadap cadangan-cadangan yang diutarakan Jawatankuasa CEDAW. Suruhanjaya juga akan memantau dan mengkaji dari semasa ke semasa reservasi yang masih kekal.

2. MEMANTAU PELAKSANAAN KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK (CRC)

(a) Penarikan balik Reservasi

Suruhanjaya meneruskan usaha memantau pelaksanaan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) bagi memastikan kanak-kanak dapat menikmati hak-hak yang termaktub di dalamnya. Suruhanjaya mengambil berat terhadap reservasi yang masih kekal di dalam CRC kerana ia akan menghalang pelaksanaan dasar dan pembaharuan undang-undang berdasarkan prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Konvensyen tersebut.

Suruhanjaya mengalu-alukan langkah Kerajaan dalam penarikan balik reservasi kepada Artikel 1, 3, 15 terhadap CRC sebagai satu langkah besar dalam memajukan hak kanak-kanak di Malaysia. Suruhanjaya berharap Kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian untuk menarik balik reservasi kepada Artikel 2, 7, 14, 28(1)(A) dan 37 demi merealisasikan segala objektif Konvensyen berkenaan, bagi memastikan kanak-kanak menikmati sepenuhnya hak kepada kehidupan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan.

(b) Protokol Pilihan kepada CRC tentang Penjualan Kanak-Kanak, Pelacuran Kanak-Kanak dan Pornografi Kanak-Kanak

Dalam usaha menggesa Kerajaan untuk meratifikasi Protokol Pilihan ini, Suruhanjaya telah menghantar satu kertas kepada KPWKM dan juga Kementerian Luar Negeri dengan memberikan justifikasinya.

Suruhanjaya berpandangan bahawa intipati Protokol Pilihan tersebut sudah termaktub di dalam CRC, tanpa reservasi terhadapnya. Oleh yang demikian, ratifikasi kepada Protokol Pilihan tersebut akan mengukuhkan lagi artikel-artikel berkenaan eksploitasi kanak-kanak di dalam CRC.

Suruhanjaya juga mendapati bahawa sesetengah mekanisme dan amalan untuk menangani eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak yang sedia ada di Malaysia telah mematuhi prinsip-prinsip Protokol Pilihan tersebut. Sebagai contoh, pihak berkuasa sedang mengambil tindakan tegas dalam menangani tarikan pelancongan yang melibatkan aktiviti seksual terhadap kanak-kanak. Undang-undang yang menjadikan pelacuran dan pemerdagangan kanak-kanak sebagai satu jenayah juga dilihat sebagai langkah positif dan wajar yang diambil oleh Kerajaan dalam menjalankan tanggungjawabnya di bawah Konvensyen ini.

(c) Protokol kepada CRC tentang Penglibatan Kanak-Kanak dalam Persengketaan Bersenjata

Pada bulan Julai, Suruhanjaya telah mengulangi sokongannya dalam ratifikasi terhadap Protokol Pilihan ini semasa perjumpaannya dengan KPWKM. Suruhanjaya berpandangan bahawa tiada halangan bagi pihak Kerajaan untuk meratifikasi Protokol Pilihan tersebut yang boleh mempercepatkan pelaksanaan CRC dalam menjamin hak kanak-kanak. Suruhanjaya sangat senang melihat kementerian dan agensi-agensi kerajaan bekerjasama di antara satu sama lain di dalam usaha meratifikasi kedua-dua Protokol Pilihan ini.

(d) Eksploitasi Seksual dan Pornografi Kanak-Kanak

Suruhanjaya turut menekankan keperluan undang-undang terhadap pornografi kanak-kanak dalam penyampaianya berkenaan justifikasi bagi meratifikasi Protokol Pilihan tentang Penjualan Kanak-Kanak, Pelacuran Kanak-Kanak dan Pornografi Kanak-Kanak. Suruhanjaya telah mengesyorkan agar undang-undang tersebut digabungkan di dalam Akta Kanak-Kanak 2001, atau dengan mengadakan satu undang-undang berasingan berkenaan pornografi kanak-kanak. Suruhanjaya mengambil perhatian bahawa Kerajaan perlu melihat isu ini dari pelbagai sudut, dan berharap tindakan wajar akan diambil bagi membanteras pornografi kanak-kanak.

Suruhanjaya juga mengesyorkan agar undang-undang tersebut perlu memasukkan definisi konkrit tentang 'pornografi kanak-kanak'. Tindakan mengeksploitasi kanak-kanak bagi tujuan aktiviti pornografi, menyebar (terutamanya melalui Internet) dan menyimpan bahan-bahan pornografi kanak-kanak, merakam, menjual serta menghasilkan bahan-bahan seumpamanya dan apa jua bentuk penglibatan berkenaan dengannya, harus dikenakan tindakan undang-undang yang keras.

Syor-syor Suruhanjaya adalah disebabkan kebimbangan terhadap kemajuan teknologi yang membolehkan individu tertentu menjadikan kanak-kanak sebagai mangsa seksual di dalam internet. Suruhanjaya turut bimbang berikutan peningkatan kes-kes eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak dan penggunaan kanak-kanak bagi tujuan pornografi. Hal ini dirumitkan lagi apabila pornografi kanak-kanak, belum dikenali dan diiktiraf sebagai satu jenayah di Malaysia, dan mangsa pornografi seringkali digambarkan oleh media sebagai kanak-kanak bermasalah.

(e) Pembuangan Bayi

Suruhanjaya amat bimbang dengan peningkatan insiden-insiden pembuangan bayi. Tindakan membuang bayi merupakan pencabulan hak asasi kanak-kanak, bertentangan dengan prinsip objektif CRC yang menekankan aspek hak kanak-kanak kepada kehidupan, perkembangan dan perlindungan.

Berikutan dengan kebimbangan terhadap peningkatan kes pembuangan bayi ini, forum berkenaan Pembuangan Bayi telah diadakan pada bulan Disember, bertujuan menyediakan tempat untuk membincangkan isu-isu berkaitan dan mencari penyelesaian terhadapnya. Pembentang terkemuka dari agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) telah dijemput untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkenaan isu ini.

Forum tersebut bersetuju bahawa usaha secara bersama di antara semua pihak yang berkepentingan adalah perlu dalam menangani gejala pembuangan bayi secara berterusan. Tiada satu jalan penyelesaian dalam usaha membentasi senario ini. Forum tersebut juga telah mengesyorkan agar Suruhanjaya meneruskan langkah mengambil tindakan bagi membasmi pembuangan bayi, dan terus berinteraksi dengan kumpulan sasaran seperti kumpulan kanak-kanak dan pelajar-pelajar universiti bagi memahami isu ini dengan lebih mendalam.

Forum ini juga telah membincangkan tentang perihal perundangan dan dasar-dasar yang berkenaan kanak-kanak, dan telah mendapati bahawa Akta Kanak-kanak 2001 dan juga mekanisme-mekanisme nasional perlu diperbaiki agar ia sejajar dengan prinsip-prinsip CRC dalam menjamin hak kanak-kanak di Malaysia.



Hjh Amni Yusof dari Jabatan Kebajikan Masyarakat membentangkan kertas kerja mengenai Perkongsian Pengalaman mengenai Pembuangan Bayi

Suruhanjaya mengambil kira beberapa komen umum tentang CRC yang telah diketengahkan semasa forum tersebut dan akan terus menelitinya untuk memantau pelaksanaan dan obligasi negara.

Sebagai salah sebuah institusi hak asasi manusia nasional, Suruhanjaya merasakan ia patut mengambil langkah untuk memantau pelaksanaan CRC di Malaysia. Oleh yang demikian, Suruhanjaya sedang dalam usaha untuk mengumpul input daripada NGO dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan bagi merangka satu laporan bebas untuk Jawatankuasa CRC yang dijadualkan pada 2012.

3. MEMANTAU PELAKSANAAN KONVENSYEN MENGENAI HAK ORANG KURANG UPAYA (CRPD)

Pada tahun 2009, Suruhanjaya telah menghantar satu kajian kepada KPWKM mengenai setakat mana undang-undang dan dasar-dasar yang telah dibuat melengkapi CRPD dalam melindungi dan mempertahankan hak-hak orang kelainan upaya (OKU) di Malaysia. Selagi ianya tidak bertentangan, Suruhanjaya berpandangan bahawa tiada sebarang halangan bagi Malaysia untuk melaksanakan perkara-perkara yang terkandung di dalam Konvensyen tersebut melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Dasar mengenai Orang Kurang Upaya.

Suruhanjaya juga mengalu-alukan komitmen Kerajaan dalam mempertahankan hak-hak OKU dengan meratifikasi Konvensyen Hak-hak Orang Kurang Upaya pada bulan Julai yang lalu setelah hampir dua tahun menandatangani iaitu pada bulan April 2008. Walau bagaimanapun, Malaysia telah membuat reservasi terhadap dua artikel daripada Konvensyen tersebut iaitu Artikel 15 berkenaan kebebasan daripada kekejaman atau penyeksaan, layanan atau hukuman yang tidak berperikemanusiaan dan Artikel 18 berkenaan kebebasan bergerak dan kewarganegaraan.

Pada 23 September, Suruhanjaya telah mengadakan satu perbincangan meja bulat berkenaan Isu-isu Aksesibiliti bagi Orang-orang Kurang Upaya untuk mengumpul pandangan serta cabaran terkini yang dihadapi OKU. Suruhanjaya telah mengambil peluang ini untuk mencari penyelesaian dalam menangani isu-isu aksesibiliti yang dihadapi OKU dan juga persatuan-persatuannya.



Para peserta PMB mengenai Isu-isu Aksesibiliti bagi Orang-Orang Kurang Upaya

Semasa perbincangan meja bulat tersebut, peserta-peserta telah mengemukakan beberapa cadangan di mana terdapat keperluan untuk:

- (i) Mematuhi secara tegas Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL) oleh semua pihak dan ia perlu dikuatkuasakan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dengan mengenakan denda bagi sebarang pelanggaran;

- (ii) Menyediakan papan tanda bagi semua perhentian bas, stesen LRT atau stesen pengangkutan awam serta membuat pengumuman tentang ketibaan pengangkutan awam tersebut ke sesebuah destinasi;
- (iii) Mengadakan kempen kesedaran awam tentang keperluan dan hak-hak OKU serta tanggungjawab sesebuah negara dalam mendidik orang awam berkenaan tanggungjawab mereka terhadap perkara ini.
- (iv) Mengadakan program dan kurikulum latihan yang komprehensif untuk kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran dan mengambil kira keperluan-keperluan khas mereka;
- (v) Menkuatkuasakan secara tegas dasar satu peratus (1%) peluang pekerjaan untuk OKU dalam sektor awam dan ia juga perlu diperluaskan kepada sektor swasta serta skim yang lebih menarik perlu diberikan bagi menarik minat syarikat untuk mengambil lebih ramai pekerja OKU kerana skim yang sedia ada (penolakan cukai berganda) tidak menarik perhatian mereka;
- (vi) Mewajibkan pendaftaran semua OKU sejak dari lahir;
- (vii) Menyediakan lebih banyak pusat pemulihan untuk OKU. Jika ia tidak dapat dicapai, maka Kerajaan perlu memberi mandat tersebut kepada badan-badan bukan Kerajaan atau organisasi persendirian menubuhkan pusat pemulihan ini di samping memberi bantuan kewangan yang mencukupi untuk menjalankan pusat-pusat ini.

Dalam menjalankan fungsi pemantauan untuk meneliti pelaksanaan terhadap CRPD, Suruhanjaya menyokong penuh peranan yang diperuntukkan di dalam Artikel 33 (2) Konvensyen tersebut yang menjelaskan bahawa:

*States Parties shall, in accordance with their legal and administrative systems, maintain, strengthen, designate or establish within the State Party, a framework, including one or more independent mechanisms, as appropriate, to promote, protect and monitor implementation of the present Convention. When designating or establishing such a mechanism, **States Parties shall take into account the principles relating to the status and functioning of national institutions for protection and promotion of human rights.***

Selaras dengan ini, pada 23 Disember, Suruhanjaya telah menyatakan hasrat kepada KPWKMM untuk dilantik sebagai badan Mekanisme Pemantauan Nasional (NMM) dalam memantau tanggungjawab dan pelaksanaan CRPD. Suruhanjaya berharap agar ia diberi peluang memikul tanggungjawab tersebut serta dapat melindungi dan mempertahankan hak-hak OKU.

4. HAK-HAK ORANG PELARIAN

Pada bulan Disember, Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR) dalam usaha untuk menggesa Kerajaan supaya menjadi ahli kepada Konvensyen Berkenaan Status Orang Pelarian 1951 (Konvensyen 1951), bagi meningkatkan kesejahteraan dan perlindungan hak asasi orang-orang pelarian. Objektif perjumpaan tersebut adalah untuk Suruhanjaya mendapatkan pandangan dan justifikasi UNHCR bagi Kerajaan Malaysia menjadi ahli kepada Konvensyen 1951 serta membincangkan dengan lebih lanjut isu-isu berkenaan orang pelarian yang berada di Malaysia.

Di antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak UNHCR adalah berkenaan usaha-usaha Kerajaan yang wajar dipuji, yang sesetengahnya menepati piawaian yang termaktub di dalam Konvensyen 1951. Di antara langkah baik yang dapat dilihat ialah peningkatan kerjasama Kerajaan kepada UNHCR dalam sesetengah perkara. Sebagai contoh, UNHCR telah berjaya membebaskan orang-orang pelarian yang ditahan di bawah Akta Imigresen, dan ini dilihat sebagai satu pengiktirafan kepada peranan UNHCR di Malaysia. Selain itu, Kerajaan telah memberi sokongan dalam hak pendidikan anak-anak orang pelarian, manakala caj pembiayaan hospital Kerajaan bagi orang-orang pelarian juga telah dikurangkan.

Perjumpaan tersebut telah bersetuju bahawa di sebalik menggesa Kerajaan untuk meratifikasi Konvensyen 1951. Pada masa sekarang, adalah wajar untuk merangka strategi bagi menggesa pihak Kerajaan membuka ruang bagi badan-badan korporat dan bukan Kerajaan untuk menganjurkan program dan aktiviti yang membolehkan orang-orang pelarian menikmati hak mereka kepada pendidikan, kesihatan dan kehidupan. Oleh kerana hak-hak ini termaktub di dalam Konvensyen 1951, tumpuan kepada aktiviti-aktiviti tersebut memberi jalan untuk pengesahan kepada Konvensyen 1951 tersebut.

5. HAK-HAK ORANG TANPA WARGANEGARA

Program Thematic Protection Learning Programme (TPLP) on Statelessness

Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR) telah mengadakan program *Thematic Protection Learning Program (TPLP) on Statelessness*, iaitu program berkaitan ketiadaan kewarganegaraan. Kumpulan-kumpulan yang menyertai program ini adalah kumpulan dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Myanmar. Kumpulan Malaysia terdiri daripada anggota-anggota Suruhanjaya, ERA Consumer, UNHCR dan Yayasan Nur Salam.

Program ini memfokuskan pada pengukuhan kemampuan untuk mengembang dan menjalankan strategi bagi mengenal pasti, membendung, mengurangkan serta melindungi golongan tanpa warganegara. Program ini juga bertujuan untuk mewujudkan pendekatan antara agensi dengan memberi latihan kepada pegawai UNHCR dan agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu lain selain badan-badan bukan Kerajaan yang berkaitan.

Setelah selesai tugas yang diberikan dan menghadiri bengkel di Bangkok bagi membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan program ini, setiap kumpulan negara terlibat dikehendaki membuat projek berkenaan isu tersebut. Kumpulan Malaysia telah memutuskan untuk menjalankan projek bagi mengumpul anggaran jumlah individu yang tidak mempunyai kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia, serta memberi bantuan kepada mereka mendaftarkan kewarganegaraan. Dalam hal ini, ERA Consumer mempunyai pengalaman luas dalam membantu individu tempatan mendapatkan kewarganegaraan. Kumpulan ini akan mendapatkan bantuan daripada agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan, dan hasil projek ini akan dibawa kepada pihak berkuasa bagi tindakan lanjut.

Hak untuk kewarganegaraan dan kerakyatan merupakan hak asasi manusia bagi setiap individu yang tidak boleh diasingkan daripada hak-hak yang lain. Tanpa kewarganegaraan, pencabulan hak-hak asasi yang lain akan berlaku. Di Malaysia sebagai contoh, tanpa kewarganegaraan ia akan turut menafikan hak untuk memiliki harta, hak untuk bekerja dan hak kepada pendidikan. Individu-individu ini seringkali berhadapan dengan stigma dan dinafikan penyertaan di dalam masyarakat.

6. HAK-HAK WANITA

Pada 7 September, Suruhanjaya telah menerima jemputan daripada KPWKM untuk menghadiri perbincangan meja bulat mengenai cadangan menggubal Akta Kesamarataan Gender. Perbincangan meja bulat tersebut diadakan untuk mengumpul maklum balas daripada pelbagai agensi Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan yang berkaitan dengan wanita. Suruhanjaya menyokong penuh cadangan tersebut kerana ianya akan dapat menambahbaik hak-hak wanita serta mempromosikan kesamarataan gender di kalangan rakyat.

7. HAK-HAK GOLONGAN LESBIAN, GAY, BI-SEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT)

Pada tahun ini, Suruhanjaya terus mendalami isu hak seksual minoriti. Satu kajian berkenaan hak mereka di Malaysia sedang dijalankan.

Pada bulan Ogos, Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan dengan badan-badan agama Islam bagi memahami sensitiviti perkara ini menurut perspektif Islam. Objektif perjumpaan ini adalah bagi membincangkan dengan lebih lanjut tentang sensitiviti agama Islam dan pandangan berkenaan perlakuan-perlakuan LGBT seperti seks sejenis, berpakaian songsang, meniru perlakuan yang berlainan jantina dan pertukaran jantina. Aplikasi prinsip ketiadaan diskriminasi di bawah Perlembagaan Persekutuan turut dibincangkan dalam perjumpaan tersebut. Suruhanjaya mengambil perhatian akan kedudukan Islam di bawah Perlembagaan Persekutuan dalam menangani isu-isu LGBT. Suruhanjaya akan terus berbincang dengan kumpulan daripada agama lain seperti Kristian, Hindu dan Buddha bagi mendapatkan pandangan mereka tentang perkara ini.

Pada bulan November, Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan bersama dengan golongan minoriti seksual serta individu-individu yang menjalankan kerja-kerja advokasi bagi pihak kumpulan tersebut. Objektif perjumpaan tersebut adalah untuk berinteraksi terus dengan kumpulan minoriti seksual, serta memahami dan mengetahui akan pencabulan hak asasi yang berlaku ke atas mereka. Suruhanjaya mengambil maklum segala syor yang diberikan oleh kumpulan yang hadir bagi pertimbangan serta tindakan wajar.

Dalam pemerhatian Suruhanjaya, diskriminasi, melabel dengan panggilan nama yang kurang baik, membuli dan melakukan keganasan ke atas golongan ini kian bertambah dari sehari ke sehari. Sesetengah pihak media terus mensensasikan isu-isu LGBT dan melabelkan mereka dengan nama-nama yang menjatuhkan maruah dan tidak menunjukkan sensitiviti terhadap golongan ini. Sebagai langkah interim, Suruhanjaya mengesyorkan kepada pihak media untuk menghentikan sebarang tindakan melabel golongan LGBT dengan nama-nama yang menjatuhkan maruah serta mensensasikan aktiviti mereka. Langkah harus diambil bagi mempertahankan hak asasi mereka sebagai seorang manusia dan melindungi mereka daripada sebarang bentuk keganasan.

Perjumpaan-perjumpaan tersebut merupakan platform yang baik bagi Suruhanjaya meneruskan kajian berkenaan hak LGBT, dengan mengambil kira sensitiviti agama, budaya serta pandangan masyarakat umum.

8. ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG

(a) Pelan Tindakan Nasional Anti-Pemerdagangan Orang (2010-2015)

Suruhanjaya mengalu-alukan inisiatif Kerajaan dalam memperkenalkan Pelan Tindakan Nasional Anti-Pemerdagangan Orang (2010-2015). Sebagai ahli Majlis Anti-Pemerdagangan Orang, Suruhanjaya telah terlibat dalam merangka Pelan Tindakan tersebut. Suruhanjaya juga menekankan penggabungan aspek prinsip-prinsip hak asasi manusia dalam melindungi mangsa pemerdagangan orang. Adalah diharapkan agar objektif Pelan Tindakan tersebut dapat dicapai dalam had masa yang ditetapkan.

Suruhanjaya turut memuji pihak Kerajaan atas usaha secara bersama dan berterusan bagi menangani masalah pemerdagangan dan segala bentuk eksploitasi terhadap penduduk tempatan dan orang asing. Suruhanjaya juga mendapati bahawa Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007 telah diimplementasi dengan meluas sejak ia dikuatkuasakan.

(b) Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007

Berdasarkan perbincangan dan konsultasi Suruhanjaya dengan organisasi antarabangsa, Suruhanjaya bersetuju dengan perhatian mereka berkenaan tindakan menggabungkan elemen 'penyeludupan orang' ke dalam pindaan Akta tersebut. Suruhanjaya berpandangan bahawa individu yang diperdagangkan merupakan mangsa, oleh itu adalah tidak wajar bagi mereka dikategorikan bersama individu yang diseludup. Ini kerana individu yang diseludup adalah mereka yang melanggar undang-undang Imigresen dan bukan mangsa eksploitasi. Pada masa yang sama, Suruhanjaya mengambilkira akan perhatian Kerajaan tentang kemungkinan individu yang diseludup menjadi mangsa eksploitasi dan pemerdagangan setelah mereka tiba di Malaysia.

Suruhanjaya masih mengekalkan pendiriannya dan mengesyorkan agar isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran perlu dilihat sebagai isu yang berasingan, kerana ia akan menyebabkan kesukaran dalam mengenali mangsa pemerdagangan yang sebenar. Berkemungkinan berlaku kes mangsa pemerdagangan yang salah dikenal pasti sebagai migran yang diseludup, mengakibatkan mangsa tersebut dihantar pulang ke negara asal, tanpa mendapat perlindungan yang sepatutnya di rumah perlindungan. Suruhanjaya berharap hak-hak mangsa pemerdagangan orang dilindungi pada setiap peringkat, seperti yang ditetapkan di bawah Protokol Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang terutama di kalangan Wanita dan Kanak-kanak.

9. UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN DAN PENAHANAN TANPA PERBICARAAN

Berkenaan dengan penguatkuasaan undang-undang dan pentadbiran kehakiman di Malaysia, Suruhanjaya sedang mengkaji struktur dan mekanisme undang-undang pencegahan yang berkaitan penahanan tanpa perbicaraan. Ini termasuklah menyemak pelaksanaan undang-undang berkaitan penahanan tanpa perbicaraan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, serta untuk menilai sejauh mana pelaksanaan undang-undang ini konsisten dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

Suruhanjaya difahamkan bahawa Kerajaan sedang berada di tahap akhir bagi mengkaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Oleh itu, Kerajaan perlu memastikan bahawa pindaan tersebut mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia termasuklah yang berkaitan hak kepada kebebasan peribadi dan hak untuk mendapatkan perbicaraan adil.

Kumpulan Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Penahanan Arbitrari (WGAD) telah menjalankan misi ke Malaysia dari 7-18 Jun. Pada 15 Jun, delegasi ini telah berjumpa dengan Suruhanjaya. Delegasi ini dipimpin oleh Encik El Hadji Malick Sow dan berminat untuk mengetahui tentang undang-undang penahanan pencegahan di Malaysia, seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Pertemuan tersebut telah memberikan peluang kepada Suruhanjaya dan WGAD untuk saling bertukar pandangan serta berkongsi idea tentang penahanan arbitrari, tentang peranan Suruhanjaya dan juga kerja-kerja mempromosi serta perlindungan hak asasi manusia di Malaysia secara menyeluruh. Pertemuan tersebut terbukti amat bermanfaat kepada Suruhanjaya kerana banyak cadangan telah diberikan oleh WGAD tentang bagaimana Suruhanjaya boleh menjalankan mandatnya dengan lebih berkesan.

Sebagai kesimpulan kepada kunjungan WGAD ke Malaysia beberapa syor telah dibuat, termasuk:

- (i) Memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Ordinan Darurat 1969, Akta Dadah Berbahaya 1985, Akta Penempatan Terhad 1933 atau meminda undang-undang tersebut bagi memastikan keselarasannya dengan Perkara 10 UDHR; dan
- (ii) Mengukuhkan status, kuasa dan fungsi Suruhanjaya supaya selaras dengan Prinsip-prinsip Paris.

Pada tahun ini juga, Suruhanjaya telah menghantar semula Laporan Kajian Semula Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 kepada agensi-agensi Kerajaan untuk pertimbangan lanjut.

10. *AMICUS CURIAE*

Suruhanjaya sedang menjalankan kajian bagi mendapatkan status sebagai *amicus curiae*. Peranan ini dilihat penting bagi Suruhanjaya serta memberi peluang untuk mempromosikan hak asasi manusia dalam konteks proses perundangan. Institusi hak asasi manusia nasional sesebuah negara seperti Indonesia, Thailand, Filipina, Australia, Fiji dan Ireland sudah pun mengambil peranan tersebut dalam sistem mahkamah negara mereka seperti yang telah diperuntukkan undang-undang institusi masing-masing.

Suruhanjaya telah mendapatkan nasihat daripada Majlis Peguam Malaysia dalam menentukan tindakan yang wajar diambil. Suruhanjaya kini sedang merancang tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi mencapai objektif dalam mengambil peranan tersebut.

LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ECOSOCWG) telah bekerjasama rapat dengan Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi-organisasi masyarakat sivil untuk menangani isu-isu penting, termasuk anti-pemerdagangan orang, kebebasan beragama, hak-hak Orang Asli/Asal dan ibu tunggal. ECOSOCWG, turut menyelaraskan kerjasama bersama Ahli Parlimen bagi mengetengahkan isu-isu hak asasi manusia untuk perhatian Kerajaan.

1. PERBINCANGAN MEJA BULAT (PMB) BERKENAAN HAK ASASI MANUSIA DAN KEBEBASAN BERAGAMA

Perbincangan Meja Bulat (PMB) telah diadakan pada 31 Mac, sebagai maklum balas kepada memorandum yang diterima Suruhanjaya berkenaan siri serangan ke atas rumah-rumah ibadat pada awal tahun 2010. Objektif PMB tersebut adalah:

- Membincangkan peningkatan insiden ketidaksefahaman antara kaum di Malaysia;
- Membincangkan peranan badan-badan agama dan NGO bagi menyelesaikan konflik agama serta mempromosi kesefahaman antara kaum; dan
- Membuat pengesyoran untuk memperkuat rasa hormat kepada kebebasan beragama dan amalannya.

PMB tersebut telah dihadiri oleh lapan orang anggota Suruhanjaya, wakil-wakil organisasi seperti Persekutuan Kristian Malaysia, dan Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taois, dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Isu-isu yang Dibangkitkan oleh Peserta:

- (i) Kebebasan beragama adalah hak asasi manusia yang penting
Hak ini adalah termaktub di dalam Artikel 11 dan Artikel 18 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Justeru, Kerajaan bertanggungjawab memastikan hak tersebut dikekalkan dan dilindungi.

(ii) Kesefahaman haruslah ditekankan

Adalah ditekankan bahawa semua agama menekankan prinsip keamanan. Justeru, rakyat Malaysia seharusnya bersikap sederhana dan bertoleransi dalam perhubungan antara satu sama lain. Pada masa yang sama, individu dan kumpulan seharusnya tidak terus berdiam diri terhadap perlakuan tidak adil atas nama agama.

(iii) Dialog bersama pihak berkepentingan

Para peserta dialog melahirkan rasa kecewa terhadap pihak berkuasa tempatan kerana menyediakan garis panduan untuk tempat-tempat ibadat tanpa berunding dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Mereka berasa kecewa atas kegagalan Kerajaan bertindak terhadap pelbagai pengesyoran oleh kumpulan-kumpulan agama dan organisasi masyarakat sivil pada masa lalu. Mereka mempersoalkan keikhlasan agensi-agensi Kerajaan dalam menangani isu-isu agama, merujuk kepada ketidakhadiran wakil-wakil Kementerian Dalam Negeri, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada PMB tersebut.

Mereka menegaskan perlunya Kerajaan memastikan polisi dan tindakan yang diambil adalah menghormati hak kebebasan beragama, dan mereka menyarankan agar lebih banyak dialog dengan pihak-pihak yang berkepentingan mempertimbangkan perhatian dan aspirasi mereka. Pada masa yang sama, mereka mengekalkan keperluan agar semua yang terlibat berhati-hati dan tidak mempolitikkan kebebasan beragama.

(iv) Perpaduan melalui Pendidikan

Sistem pendidikan seharusnya dinilai semula untuk mempromosi perpaduan nasional, termasuk konsep 1Malaysia. Guru-guru seharusnya memainkan peranan proaktif untuk menggalakkan kesefahaman dan rasa hormat di kalangan pelajar terhadap kaum dan agama lain di Malaysia. Konsep Sekolah Wawasan haruslah diperkukuhkan bersama Rukun Negara, manakala satu sistem pengurusan konflik atau proses pengurusan krisis haruslah diinstitusikan di sekolah-sekolah.

(v) Belajar daripada Amalan Terbaik

Malaysia seharusnya mempelajari amalan terbaik daripada negara-negara lain seperti Singapura yang telah mewartakan Akta Menjaga Keharmonian Agama dan menubuhkan Majlis Presiden untuk Keharmonian Agama. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional seharusnya turut memainkan peranan aktif dalam mendidik dan mempromosikan kesefahaman serta menghormati semua agama.

(vi) Peranan Suruhanjaya

Disyorkan agar Suruhanjaya meningkatkan usaha mempromosikan hak kebudayaan dan beragama, dan mengadakan dialog berkenaan kebebasan beragama secara kerap. Suruhanjaya ju2ga seharusnya menggesa Kerajaan untuk meratifikasi Konvensyen Antabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR), Konvensyen Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR) dan Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (CERD).

2. ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG

Atas kapasiti sebagai institusi hak asasi manusia nasional dan sebagai ahli kepada Forum Institusi-institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF), Suruhanjaya meneruskan usaha untuk menangani pemerdagangan orang. Melalui ECOSOCWG, Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan bersama pihak-pihak berkaitan, kedutaan dan NGO, dan telah membuat penyerahan kepada Majlis Anti-Pemerdagangan Orang Malaysia (MAPO).

(a) PMB Kedua bersama Agensi dan Kedutaan

Suruhanjaya telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (PMB) pada 4 Mac untuk meneruskan agenda Anti-Pemerdagangan Orang. Rentetan kepada sesi pertama PMB pada 4 Disember 2009,¹ sesi tersebut bertujuan mengekalkan perhubungan dan kerjasama bersama kedutaan asing di Malaysia untuk menangani isu-isu yang melibatkan Malaysia; mengenalpasti situasi semasa dan mekanisme sedia ada di Malaysia terhadap kesedaran dan perlindungan pemerdagangan orang, undang-undang penguatkuasaan dan perlindungan mangsa, serta membuat pengesyoran untuk menangani masalah yang telah dikenalpasti.

Peserta adalah daripada MAPO, yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Agensi Penguatkuasa Maritim, Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Kedutaan-kedutaan Afghanistan, Pakistan, Rusia, Sri Lanka, Filipina, Bangladesh, Switzerland, Republik Indonesia dan Singapura turut menghantar wakil.

¹ PMB pertama bersama Agensi dan Kedutaan untuk Menggerakkan Agenda ATIP Kehadapan pada 4 Disember 2009 telah dihadiri oleh ahli Majlis ATIP Malaysia. Turut dijemput ke mesyuarat tersebut adalah wakil kedutaan asing di Malaysia, iaitu, Kedutaan Cambodia, China, Indonesia, Myanmar, Filipina, Rusia, Thailand, Amerika Syarikat dan Lao PDR. Kesemua wakil agensi di bawah Majlis ATIP hadir, manakala hanya wakil daripada kedutaan Amerika Syarikat dan Indonesia sahaja yang hadir ke PMB tersebut.

Para peserta telah dimaklumkan mengenai perkembangan MAPO dan membincangkan isu-isu semasa yang menghalang kerjasama efektif di antara MAPO dan kedutaan-kedutaan.

(i) Kesedaran awam

Adalah penting untuk meningkatkan kesedaran awam berkenaan bahaya pemerdagangan orang dan mekanisme yang sedia ada untuk menanganinya. Kedua-dua negara asal dan negara destinasi adalah bertanggungjawab untuk mendidik rakyatnya bagi mengurangkan risiko diperdagangkan. Contohnya, rakyat seharusnya mengelakkan diri daripada memasuki negara lain secara tidak sah kerana ianya boleh meningkatkan risiko dieksploitasi. Terdapat juga keperluan untuk meningkatkan kesedaran awam berkenaan perbezaan antara pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia. Walau bagaimanapun, penyeludupan manusia boleh bertukar kepada pemerdagangan orang sekiranya individu yang diseludup kemudiannya dieksploitasi.

(ii) Kerjasama antarabangsa

Pemerdagangan orang merupakan satu isu yang rumit dan tiada sebuah negara boleh menangani ancaman ini secara bersendirian. Kerjasama dua hala dan pelbagai hala diperlukan untuk memastikan permintaan dan pembekalan dihapuskan. ASEAN merupakan satu contoh bagaimana kerjasama sedemikian boleh dibentuk.

Beberapa wakil kedutaan memaklumkan bahawa secara rutinnya mereka hanya dimaklumkan mengenai penangkapan dan penahanan rakyat mereka. Memandangkan ianya tidak termasuk mangsa-mangsa anti-pemerdagangan orang, mereka tidak dapat menjalankan siasatan bersama di antara Malaysia. Ini adalah bertentangan dengan Konvensyen Vienna yang antara lainnya, menggariskan bahawa negara penerima perlu memaklumkan negara penghantar dengan segera berkenaan individu daripada negara penghantar yang ditangkap/ditahan/diletakkan dalam tahanan oleh negara penerima. Tindakan ini juga membantu negara destinasi atau asal untuk mengesan pesalah pemerdagangan orang. Pada masa yang sama, terdapat keperluan agar kedutaan memulakan mesyuarat secara kerap dan mewujudkan hubungan dengan Kerajaan Malaysia.

Kedutaan Indonesia mengimbaskan kembali pengalaman dinafikan akses ke rumah perlindungan mangsa, yang menafikan mereka untuk mengesahkan sama ada mangsa adalah warganegara Indonesia. Majlis kemudiannya memaklumkan tentang prosedur yang perlu diikuti oleh pihak kedutaan, menjelaskan bahawa tindakan ini adalah perlu demi keselamatan mangsa.

Majlis membangkitkan kesukaran dalam memperolehi bantuan daripada kedutaan, khususnya khidmat alih bahasa. Hasilnya, penyelesaian sesetengah kes adalah tertangguh disebabkan masalah bahasa.

Berdasarkan isu-isu seperti ini, Suruhanjaya mencadangkan agar Majlis mengeluarkan prosedur operasi standard supaya kedutaan dimaklumkan mengenai kes yang melibatkan mangsa daripada negara mereka. Sementara itu, mesyuarat di antara kedua-dua pihak harus diadakan untuk mengenalpasti penyelesaian praktikal.

(iii) Kerjasama di antara Majlis dan NGO

NGO seperti TENAGANITA dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berpengetahuan luas dan berpengalaman dalam isu pemerdagangan orang yang boleh dikongsi bersama Majlis, sementara NGO lain boleh dilatih untuk menangani pemerdagangan orang.

(iv) Kerjasama daripada mangsa

Dalam sesetengah kes, mangsa-mangsa yang diselamatkan enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa kerana masalah bahasa dan trauma yang telah mereka alami. Wakil daripada Jabatan Peguam Negara memaklumkan masalah ini mungkin berpunca daripada sifat malu selepas dipermainkan – enggan membantu – mangsa yang memohon pertolongan.

(v) Isu-Isu berkenaan Mekanisme Maklum Balas

Beberapa wakil kedutaan mendakwa bahawa polis gagal mengambil tindakan terhadap dakwaan aktiviti pemerdagangan orang yang dibawa kepada perhatian mereka. Polis menegaskan bahawa laporan seharusnya dibuat kepada Unit Anti-Pemerdagangan Orang, PDRM. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menyebarkan maklumat perhubungan unit tersebut kepada semua kedutaan.

Kelewatan penyelesaian kes-kes di mahkamah telah menyebabkan beberapa mangsa berasa kecewa. Dari sudut positif, pihak Peguam Negara memohon kedutaan agar memajukan maklumat terperinci kes yang tertangguh kepada pihaknya atau Majlis untuk tindakan lanjut.

Walaupun terdapat cadangan agar mangsa-mangsa dihantar pulang ke negara asal mereka dengan segera dan dibawa semula ke Malaysia untuk memberi keterangan di mahkamah, terdapat kebimbangan sama ada pihak kedutaan berupaya menjejaki mangsa selepas mereka dibebaskan.

(vi) Rumah Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang

Di bawah Akta Pemerdagangan Orang 2007, rumah perlindungan yang diuruskan oleh NGO tidak boleh diwartakan sebagai rumah perlindungan yang ditubuhkan oleh Majlis/Kerajaan. Oleh itu, adalah dicadangkan agar Majlis menukar kuarters Kerajaan yang kosong menjadikan rumah perlindungan; dan Peguam Negara boleh mempercepatkan kelulusan untuk menggunakan premis tersebut. Turut dicadangkan agar Majlis membuka lebih banyak rumah perlindungan di Sarawak dan Sabah.

(vii) Tindakan terhadap pesalah dan pelanggan

Pihak berkuasa seharusnya meningkatkan usaha untuk menangkap pesalah dan pelanggan pemerdagangan orang.

(viii) Eksploitasi migran tanpa dokumen

Walaupun negara destinasi mempunyai peranan untuk memastikan setiap individu daripada negara mereka – termasuk migran tanpa dokumen – dilindungi daripada eksploitasi, negara asal juga mempunyai tanggungjawab memastikan warganegara mereka menghormati undang-undang negara lain termasuk undang-undang imigresen. Ini akan mengurangkan risiko dieksploitasi bagi mereka yang mengembara tanpa dokumen yang sah.

(b) Program Meningkatkan Kesedaran Anti-Pemerdagangan Orang di Kelantan

Suruhanjaya menganjurkan program tersebut pada 13 – 14 Mac dengan kerjasama Majlis Anti-Pemerdagangan Orang, Pejabat Tanah Jajahan Pasir Mas, TENAGANITA dan *Alliance Anti-Traffic Thailand*.

Program tersebut adalah untuk menyediakan landasan membincangkan tentang kebimbangan dan pandangan peserta; dan untuk meningkatkan kesedaran orang awam berkenaan peranan yang boleh dimainkan kepada masyarakat dan pemimpin mereka bagi membantu pihak berkuasa membanteras pemerdagangan orang.

Sesi pertama telah diadakan pada 13 Mac, dengan kehadiran 200 anggota komuniti Rantau Panjang. Pada hari yang sama, delegasi Suruhanjaya melawat jeti sementara di sepanjang Sungai Golok di mana delegasi memerhati dan menguji pergerakan manusia tanpa dokumen perjalanan yang sah² di antara dua buah negara.

Sesi kedua, pada 14 Mac merupakan forum peringkat negeri di Kota Bharu, telah dihadiri oleh lebih 100 wakil Kerajaan, NGO, ahli akademik serta kumpulan yang berminat.

Syor-syor Suruhanjaya

Berdasarkan kepada aktiviti di Kelantan dan penemuan daripada PMB, Suruhanjaya mengemukakan cadangan kepada MAPO, dengan menggariskan syor-syor berikut:

² Rantau Panjang dipilih kerana ia merupakan salah satu daerah yang bersempadan dengan Thailand. Dipisahkan oleh Sungai Golok yang sempit, pergerakan manusia – dengan atau tanpa dokumen perjalanan yang sah – adalah kegiatan harian antara kedua-dua Negara, dengan itu menjadikannya satu saluran penyeludupan manusia merentasi sempadan.



Hanya dengan membayar RM2 untuk perkhidmatan bot pergi balik, pegawai Suruhanjaya menguji – tanpa masalah – pergerakan manusia di antara Malaysia dan Thailand melalui Sungai Golok tanpa dokumen perjalanan yang sah.

(i) Meningkatkan kesedaran

Pengawalan pemerdagangan orang memerlukan usaha yang jitu bukan sahaja oleh pihak Kerajaan tetapi juga orang awam. Sementara pihak Kerajaan menyediakan mekanisme dalam bentuk perundangan, penguatkuasaan dan perlindungan serta pemulihan mangsa-mangsa, orang awam juga boleh membantu dengan membuat laporan kes-kes pemerdagangan orang yang disyaki, dan membantu mangsa-mangsa.

Terdapat keperluan memperkasakan orang awam dengan memberi pengetahuan dan latihan bagi membolehkan mereka memainkan peranan yang efektif. Program pembangunan kapasiti dan kursus kepada pelatih adalah merupakan di antara aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan.

Majlis boleh meningkatkan program kesedaran untuk menghalang faktor-faktor yang menyumbang kepada permintaan pemerdagangan orang.

(ii) Penyertaan yang meluas

Terdapat keperluan terhadap Kerajaan/Majlis untuk memastikan NGO juga mempunyai peluang untuk membantu membanteras pemerdagangan orang. Peranan NGO ini adalah kritikal kerana banyak mangsa pemerdagangan orang lebih cenderung mendekati organisasi tersebut daripada pihak berkuasa.

(iii) Latihan kepada pegawai penguatkuasa

Kerajaan/Majlis harus memastikan pegawai penguatkuasa seluruh negara, terutamanya petugas di bahagian depan, diberikan latihan yang meluas berkenaan anti pemerdagangan orang. Salah satu topik kritikal yang perlu dimasukkan ke dalam latihan tersebut adalah mengenalpasti mangsa yang disyaki pemerdagangan orang.

(iv) Rumah perlindungan mangsa

Suruhanjaya memuji langkah yang diambil Kerajaan/Majlis untuk menambah bilangan rumah perlindungan mangsa pemerdagangan. Menenalpasti danewartakan cadangan rumah-rumah perlindungan seharusnya dilakukan segera bagi mengelakkan berlakunya kesesakan kemudahan sedia ada.

(v) Akses ke rumah perlindungan

Memandangkan kesukaran yang dihadapi oleh kedutaan Indonesia, Majlis seharusnya mewujudkan satu prosedur untuk dipatuhi oleh kedutaan, bagi membolehkan mereka bertemu warganegaranya yang ditempatkan di rumah perlindungan.

(vi) Perlindungan dan pemulihan mangsa

Sejajar dengan sasaran Kerajaan/Majlis untuk memberikan perlindungan dan pemulihan mangsa pemerdagangan orang sewajarnya, semua rumah perlindungan seharusnya dilengkapi dengan perkhidmatan yang bersesuaian seperti kaunseling dan program tertentu sebelum kembali kepada masyarakat. Program tersebut hendaklah bermaksud mewujudkan kepercayaan mangsa terhadap pihak berkuasa, yang boleh meningkatkan kesanggupan mangsa untuk memberikan kenyataan dan keterangan terhadap pesalah pemerdagangan orang.

(vii) Penekanan kepada pesalah

Kerajaan/Majlis harus meningkatkan langkah-langkah menenalpasti dan menangkap pesalah pemerdagangan orang. Penjawat awam yang didapati menjadi ejen pemerdagangan orang harus ditangani dengan serius.

(viii) Kerjasama dua hala

Suruhanjaya bersetuju dengan syor daripada dialog pada 4 Mac 2010 iaitu agensi penguatkuasa di bawah Majlis mewujudkan Prosedur Operasi Standard (POS) dalam menguruskan kes-kes melibatkan mangsa/pesalah asing, termasuk menyampaikan maklumat kepada kedutaan yang berkaitan.

Selain daripada meningkatkan kerjasama daripada kedutaan, POS juga akan membantu Malaysia dalam merealisasikan komitmennya di bawah Konvensyen Vienna untuk memaklumkan konsulat yang berkaitan.

Sebagai langkah segera, adalah disyorkan agar MAPO mengadakan mesyuarat bersama kedutaan untuk meningkatkan kesedaran terhadap mekanisme Malaysia dan membincangkan langkah-langkah menyelesaikan masalah terputusnya maklumat di antara dua pihak.

(ix) Peranan kedutaan

Mereka seharusnya memastikan agar bantuan disediakan kepada Kerajaan Malaysia untuk disampaikan kepada warganegara mereka yang menjadi mangsa perdagangan orang. Contohnya, khidmat penterjemah boleh disediakan oleh kedutaan.

Adalah disyorkan agar persetujuan diwujudkan di antara Kerajaan dan kedutaan asing, menggariskan peranan masing-masing dalam membanteras kes-kes melibatkan mangsa dan pesalah asing perdagangan orang.

(c) Latihan Dalaman berkenaan Anti-Pemerdagangan Orang (ATIP)

Pegawai Suruhanjaya telah menyertai sesi tersebut pada 30 Julai. Pengetahuan yang diperolehi akan membantu mereka menyelesaikan aduan-aduan dan menjalankan kajian. Tenaga pelatih adalah Encik Muhd Khair Razman Mohamed daripada MAPO dan Cik Lee Soo Choo daripada TENAGANITA.

Mereka menerangkan kepada peserta mengenai isu-isu utama, Akta Perdagangan Orang 2007 dan mekanisme lain di Malaysia, serta implikasi perdagangan orang terhadap hak asasi manusia.

(d) Risalah berkenaan Anti-Pemerdagangan Orang

Pada 28 September, Suruhanjaya telah melancarkan risalah berkenaan anti-pemerdagangan orang bagi meningkatkan kesedaran awam tentang perdagangan orang dan bentuk-bentuk bantuan kepada mangsa. Risalah tersebut, yang disediakan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris juga memuatkan hak-hak mangsa. Risalah ini telah diedarkan kepada agensi Kerajaan, kedutaan, badan-badan bukan kerajaan dan orang ramai. Ketika laporan ini ditulis, Suruhanjaya sedang dalam proses menterjemahkan risalah tersebut ke dalam bahasa Tamil, Mandarin, Tagalog, Sinhala, Thai dan Myanmar.

ECOSOCWG juga sedang dalam proses menganjurkan latihan kepada agensi penguatkuasaan berkenaan saringan dan mengenalpasti mangsa-mangsa anti-pemerdagangan orang, pada awal 2011.



Muka hadapan risalah ATIP yang dilancarkan oleh Suruhanjaya pada 28 September

3. MESYUARAT BERKENAAN DAKWAAN PENDERAAN SEKSUAL GADIS DAN WANITA PENAN DI SARAWAK

Pada 14 Julai, ECOSOCWG telah menganjurkan satu mesyuarat bersama wakil-wakil *Penan Support Group* (PSG) yang terdiri daripada badan-badan bukan kerajaan yang menjalankan kerja-kerja advokasi untuk hak komuniti Penan di Sarawak. Ini adalah usaha awal Suruhanjaya untuk mengenalpasti maklumat terhadap dakwaan PSG bahawa gadis dan wanita Penan dirogol oleh pekerja dan rakan sekutu syarikat pembalakan.

Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam dan anggota Suruhanjaya, Encik James Nayagam, menghadiri mesyuarat tersebut, dibantu oleh beberapa orang pegawai. PSG telah diwakili oleh ahli kumpulan - Suara Rakyat Malaysia, Pertubuhan Pertolongan Wanita, *Centre for Orang Asli Concerns* (COAC) dan *All Women's Action Society* (AWAM).

Rujukan telah dibuat terhadap Laporan bertajuk '*A Wider Context of Sexual Exploitation of Penan Women and Girls in Middle and Ulu Baram, Sarawak, Malaysia*' yang berdasarkan kepada aktiviti pencarian fakta bebas oleh PSG bersama *Asian Forum for Human Rights and Development* dan *Asian Indigenous Women's Network*. Laporan tersebut mengandungi maklumat lengkap mengenai dakwaan penderaan seksual, serta bukti dan keterangan yang diperolehi daripada sejumlah mangsa yang terselamat, serta syor-syor untuk menyelesaikan isu tersebut.

Mesyuarat tersebut menyaksikan beberapa isu dibangkitkan dan cadangan yang dibuat:

- (i) Penyiasatan dakwaan penderaan seksual
PSG telah mengesyorkan agar Kerajaan seharusnya menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja untuk menyiasat aduan tersebut, namun Kerajaan menolaknya dengan alasan perkara tersebut tidak penting. Sehubungan itu adalah disyorkan agar Suruhanjaya mengadakan inkuiri awam berkenaan dakwaan penderaan seksual wanita dan gadis Penan.
- (ii) Pendirian Suruhanjaya terhadap Isu Tersebut
Suruhanjaya digesa memutuskan pendirian terhadap isu tersebut, memandangkan ianya akan memberi manfaat terhadap perlindungan dan keselamatan wanita dan gadis Penan, yang didakwa diganggu oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Adalah dicadangkan satu kenyataan media seharusnya dibuat bagi menjelaskan pendirian Suruhanjaya dan membantu PSG. Di dalam kenyataan media, Suruhanjaya boleh mengiktiraf laporan PSG tersebut. Tindakan ini akan memberi penekanan untuk laporan tersebut diterima sebagai sumber maklumat yang boleh diambil tindakan oleh pihak berkuasa.
- (iii) Keperluan Orang Asal/Asli
Selari dengan semangat Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal (UNDRIP), tanggungjawab memastikan akses kepada infrastruktur oleh Orang Asal/Asli merupakan tanggungjawab utama Kerajaan/Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, di sesetengah perkampungan Orang Asal/Asli yang terlibat dengan aktiviti perladangan di Malaysia, persetujuan telah dibuat di antara pihak Kerajaan Negeri dan konsesi swasta yang memindahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak konsesi swasta.³ Adalah dicadangkan agar Kerajaan melaksanakan tanggungjawabnya.

Suruhanjaya boleh memainkan peranan dengan mewujudkan jawatankuasa untuk mengumpul dan menilai maklumat berkenaan status hak Orang Asal/Asli. Jawatankuasa ini harus dianggotai oleh anggota-anggota Suruhanjaya, Prof Madya Dr Ramy Bulan, wakil-wakil COAC, dan NGO hak asasi manusia. Turut disyorkan agar Suruhanjaya mengadakan inkuiri peringkat nasional bagi menyiasat rungutan-rungutan berkaitan pembangunan Orang Asal/Asli.

³ Lihat Laporan Suruhanjaya berkenaan *Penan Benalih Blockade Issue*, 2007, ms. 18.

Maklum Balas Suruhanjaya

1. Suruhanjaya telah mengeluarkan kenyataan media berkenaan pendiriannya terhadap isu tersebut dan menggesa Kerajaan mengadakan penyiasatan terperinci dan laporan PSG digunapakai sebagai rujukan ketika proses penyiasatan tersebut.
2. Selain itu, Suruhanjaya telah menubuhkan Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli (IPRC) untuk memastikan isu-isu berkenaan Orang Asal/Asli di Malaysia ditangani.
3. Ketika laporan ini ditulis, Suruhanjaya juga di dalam proses persediaan Inkuiri Nasional untuk melihat isu-isu hak tanah Orang Asal/Asli di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.⁴

4. PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA

Peranan sektor perniagaan di dalam bidang hak asasi manusia semakin diberikan perhatian oleh masyarakat antarabangsa kerana aktiviti perniagaan memberi kesan kepada kehidupan manusia dan hak-hak mereka. Contohnya, aktiviti-aktiviti perladangan yang dijalankan di hutan berkemungkinan memberi kesan besar kepada hak-hak Orang Asal/Asli yang menetap di kawasan tersebut serta alam sekitar.

Walaupun Kerajaan mempunyai tanggungjawab utama memastikan promosi dan perlindungan hak asai manusia, syarikat-syarikat, sebagai sebahagian daripada masyarakat juga mempunyai tanggungjawab mempromosi dan memelihara hak-hak yang telah digariskan oleh Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).⁵

ECOSOCWG memutuskan untuk menganjurkan bengkel dengan tema 'Perniagaan dan Hak Asasi Manusia' bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan pelbagai sektor; untuk menyediakan peluang kepada pelbagai kumpulan termasuk Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, syarikat swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) untuk menyatakan keprihatinan dan perspektif mereka berkenaan isu-isu berkaitan perniagaan dan hak asasi manusia; untuk menekankan kepentingan mempunyai polisi nasional atau garis panduan berkenaan perniagaan dan hak asasi manusia di Malaysia dan untuk membuat pengesyoran kepada Kerajaan ke arah satu garis panduan atau polisi berkenaan perniagaan dan hak asasi manusia yang perlu dipatuhi sektor perniagaan.

⁴ Sila rujuk Bab 7 Laporan Jawatankuasa Inkuiri Nasional.

⁵ Lihat *the United Nations' Economic and Social Council Document on 'Economic, Social And Cultural Rights. Norms on the responsibilities of transnational corporations and other business enterprises with regard to human rights'*. Terdapat di dalam talian <http://www.gtzt.de/de/dokumente/en-un-norms.pdf>

Dalam proses persediaan bengkel yang bakal diadakan pada 2011, satu siri merangkumi tiga PMB, iaitu bersama agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan dan organisasi lain berasaskan komuniti, dan perniagaan swasta, akan dianjurkan. Setiap sesi akan membincangkan secara mendalam empat skop utama termasuk perniagaan dan hak asasi manusia, anti-rasuah, hak-hak pekerja dan alam sekitar.⁶

Dua PMB awal telah dijalankan pada 2 September dan 1 November. Ketika laporan ini ditulis, ECOSOCWG sedang dalam proses persediaan untuk PMB ketiga pada awal tahun 2011 bersama perniagaan swasta dan GLC, diikuti dengan bengkel.

Perbincangan PMB bersama agensi-agensi Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil telah membangkitkan sejumlah isu di bawah empat topik yang telah dikenalpasti.

(i) Perniagaan dan hak asasi manusia

- Hak-hak Orang Asal/Asli menjadi fokus perbincangan disebabkan kesan buruk aktiviti pembangunan dan perladangan yang dijalankan oleh perniagaan swasta atas tanah pribumi mereka. Dalam banyak keadaan, Orang Asal/Asli telah dikeluarkan daripada tanah pribumi mereka yang mengakibatkan mereka kehilangan sumber makanan dan kehidupan. Sehubungan itu, isu kritikal seperti hak mewarisi tanah pribumi; keperluan kepada persetujuan adalah bebas, awal dan dimaklumkan berkenaan pembangunan, dan perlindungan undang-undang telah dibincangkan.
- Telah dinyatakan bahawa Kerajaan seharusnya meratifikasi ICESCR dan ICCPR, serta memastikan undang-undang tempatan adalah selari dengan standard hak asasi manusia antabangsa.
- Tambahan lagi, Kerajaan perlu mewujudkan satu polisi – untuk dipatuhi oleh perniagaan swasta – yang tegas menghormati hak-hak individu dan perkumpulan seperti Orang Asal/Asli, yang berkemungkinan terjejas oleh aktiviti pembangunan dan perladangan tersebut.

(ii) Perniagaan dan langkah-langkah anti rasuah

- Walaupun Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), setiap orang dalam masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk memerangi rasuah.

⁶ Empat skop adalah berdasarkan kepada *the United Nations Global Compact's 10 Principles in the area of business and human rights; anti-corruption; labour rights; and environment*. Lihat laman sesawang UN Global Compact di <http://www.unglobalcompact.org/AboutTheGC/TheTenPrinciples/index.html>

- Adalah dirasakan bahawa rasuah menjadi berleluasa sama ada di sektor awam atau swasta. Walau bagaimanapun, data yang didedahkan kepada masyarakat tidak menggambarkan realiti sebenar di Malaysia. Ditegaskan bahawa pendedahan menyeluruh dan tepat adalah penting agar tindakan efektif boleh diambil oleh semua pihak bagi mewujudkan masyarakat yang bebas rasuah.

(iii) Perniagaan dan hak-hak pekerja

- Kerajaan tetap dengan pendirian bahawa undang-undang buruh di Malaysia adalah melindungi hak-hak pekerja, tetapi menjamin bahawa ianya akan dinilai semula secara berkala untuk mengharmonikan perhubungan di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja. Walau bagaimanapun, hak asasi manusia dan pertubuhan-pertubuhan sekerja menafikan sebaliknya dan mendakwa cadangan pindaan terkini kepada undang-undang buruh akan menjejaskan hak-hak pekerja kerana pindaan tersebut berpihak kepada kepentingan majikan.
- Malaysia masih belum meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) berkenaan kebebasan berpersatuan dan perlindungan untuk berorganisasi; Konvensyen 105 berkenaan penghapusan buruh paksa; dan Konvensyen 111 berkenaan diskriminasi dalam penjawatan dan pekerjaan.
- Walaupun Malaysia membenarkan setiap pekerja menganggotai kesatuan, syarat-syarat yang ditetapkan kepada pekerja migran di Malaysia telah menyebabkan kesukaran kepada pekerja migran menyertai kesatuan sekerja.
- Walaupun gangguan seksual diketahui sebagai isu yang menjejaskan ramai pekerja, sesetengah majikan masih enggan mengimplementasi kod amalan yang wajar bagi menghalang gangguan tersebut di tempat kerja.
- Penglibatan Orang-orang Kelainan Upaya (OKU) dalam sektor swasta adalah amat rendah. Dalam sesetengah keadaan, OKU tidak boleh diambil bekerja kerana syarikat tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk membolehkan OKU bekerja secara efektif. Justeru, terdapat keperluan untuk sektor swasta memastikan kemudahan yang wajar disediakan bagi mewujudkan peluang pekerjaan di kalangan OKU.

(iv) Perniagaan dan Alam Sekitar

- Sifat berorientasikan keuntungan perniagaan swasta telah membawa kepada penjelajahan dan eksploitasi secara agresif sumber-sumber tanpa pertimbangan terhadap kesannya kepada alam sekitar. Kerajaan bertanggungjawab memastikan syarikat-syarikat mematuhi polisi-polisi berdasarkan hak asasi yang menekankan, antara lain, hak kepada alam sekitar yang bersih dan selamat.

PMB tersebut membolehkan Suruhanjaya mengenalpasti kebimbangan utama terhadap amalan perniagaan, khususnya syarikat-syarikat yang menjejaskan hak asasi manusia.

5. HAK WANITA – HAK-HAK IBU TUNGGAL

Pada 20 Oktober, ECOSOCWG telah menganjurkan satu seminar berkenaan hak-hak ibu tunggal. Ini adalah selari dengan usaha Suruhanjaya untuk meningkatkan kesedaran berkenaan hak-hak wanita yang dijamin oleh CEDAW, terutamanya hak-hak yang berkaitan ekonomi, sosial dan kebudayaan; untuk meningkatkan kesedaran berkenaan polisi terkini Kerajaan dan mekanisme bagi membantu ibu-ibu tunggal; untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal dalam merealisasikan hak-hak mereka di Malaysia; dan untuk mengenalpasti syor-syor bagi menangani permasalahan yang melanda ibu tunggal di Malaysia dengan tujuan memastikan akses kepada hak ekonomi, sosial dan kebudayaan mereka.

Seminar tersebut yang dihadiri lebih kurang 100 orang peserta daripada pelbagai agensi, ahli-ahli akademik, NGO dan ibu tunggal. YABhg Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali telah menyampaikan ucapan.

Pembentangan kertas kerja telah dilakukan oleh penceramah daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM), badan-badan bukan Kerajaan dan ibu tunggal.

Topik-topik yang dibentangkan adalah mekanisme-mekanisme Kerajaan termasuk polisi dan program untuk membantu wanita, hak-hak wanita seperti yang dijamin oleh pelbagai instrumen hak asasi manusia seperti CEDAW, dan pandangan keseluruhan terhadap isu-isu yang melibatkan ibu tunggal di Malaysia.



YABhg Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali bersalaman dengan peserta-peserta selepas menyampaikan ucap-tama di Seminar Memperkasakan Hak-hak Ibu Tunggal di Malaysia

Isu-isu yang dibangkitkan oleh peserta:

(i) Nafkah

- Kebanyakan ibu tunggal di Malaysia tidak diberikan nafkah oleh bekas suami mereka walaupun mempunyai perintah mahkamah.
- Kelewatan penyelesaian kes-kes mahkamah berkenaan tuntutan nafkah telah menimbulkan kesusahan kepada ibu tunggal yang memperoleh hak penjagaan anak, terutamanya ibu tunggal yang tidak bekerja.
- Nafkah yang tidak mencukupi dengan mengambil kira kos kehidupan semasa di Malaysia terutamanya di kawasan bandar.

- Dalam sesetengah kes, ibu tunggal tidak berkemampuan untuk membawa kes mereka yang melibatkan hak penjagaan dan tuntutan nafkah ke mahkamah disebabkan kos peguam. Walaupun khidmat bantuan guaman hanya disediakan kepada individu yang menerima gaji kurang daripada RM500 sebulan.
- (ii) Perkhidmatan sokongan
- *Sisters in Islam* (SIS) dan *Joint Action Group for Gender Equality* telah sama-sama menubuhkan agensi sokongan kanak-kanak untuk memberikan bantuan sementara kepada anak-anak keluarga yang bercerai, sementara menunggu mahkamah mengarahkan bayaran nafkah.
 - Ibu tunggal boleh mengakses bahagian sokongan keluarga yang ditubuhkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Bahagian tersebut memperuntukkan sokongan moral dan nasihat kewangan.
- (iii) Bantuan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
- Terdapat ramai wanita, termasuk ibu tunggal, tidak mengetahui bentuk-bentuk bantuan yang disediakan oleh KPWKM. Adalah dicadangkan agar KPWKM mengeluarkan satu buku rujukan yang mengandungi segala bentuk bantuan yang diberikan.
 - Dalam memberikan bantuan kepada wanita di Malaysia, kesamarataan akses perlu dipastikan, tanpa mengira pandangan politik seseorang individu.
 - KPWKM seharusnya menganjurkan lebih banyak program pembangunan kepada ibu tunggal bagi memastikan mereka mempunyai keperluan yang sewajarnya untuk menyara keluarga mereka.

Berdasarkan kepada kebimbangan yang dibangkitkan, Suruhanjaya akan mengadakan pertemuan dengan agensi-agensi Kerajaan bagi mengutarakan kesukaran ibu tunggal, khususnya berkenaan isu yang menjejaskan hak asasi manusia. Suruhanjaya juga akan membangkitkan syor-syor seminar tersebut dan bekerjasama dengan Kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan untuk menerbitkan dan mengedarkan buku panduan yang mengandungi informasi berkenaan bantuan dan perkhidmatan yang disediakan kepada ibu tunggal.

6. PENGLIBATAN BERSAMA KERAJAAN DAN ORGANISASI-ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL

(a) Mesyuarat Bersama Ahli-Ahli Parlimen

Pada 25 Mac, ECOSOCWG telah menyelaraskan satu mesyuarat di antara anggota Suruhanjaya dan Ahli Parlimen, untuk menyalurkan pelbagai isu hak asasi kepada Kerajaan yang menjejaskan nama Malaysia.⁷

Isu-isu berikut telah dibincangkan:

(i) Ratifikasi triti antarabangsa

Malaysia perlu meratifikasi Kovenan Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR) kerana ianya bakal meningkatkan status pembangunan ekonomi Malaysia.

Malaysia juga perlu menggugurkan kesemua reservasi terhadap Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), serta mengesahkan protokol-protokol tersebut.

Kesemua Ahli Parlimen memberikan reaksi positif terhadap isu tersebut. Mereka berpandangan bahawa ICESCR sebagai satu mekanisme yang boleh meningkatkan kualiti kehidupan dan memacu Malaysia menuju Wawasan 2020.

Suruhanjaya kemudiannya telah mengemukakan kajian yang kukuh berkenaan keperluan meratifikasi beberapa konvensyen dan menggugurkan reservasi Malaysia terhadap CEDAW and CRC. Isu tersebut dijangka akan dibangkitkan di Parlimen.

(ii) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960

Suruhanjaya menegaskan pendiriannya bahawa perundangan ini seharusnya dimansuhkan kerana mengandungi elemen yang mencabul hak asasi manusia, contohnya penahanan tanpa bicara. Dalam kebanyakan kes, tahanan-tahanan ISA sememangnya kekal tidak bersalah, tetapi ianya tidak boleh dibuktikan kerana mereka tidak mempunyai akses kepada mahkamah.

⁷ Ahli Parlimen yang hadir ialah YB Datuk Halimah Mohd. Sadique (Tenggara), YB Haji Salleh Haji Kalbi (Silam), YB Datuk Wira Ahmad Hamzah (Jasin), YB Dato' Mohd Jidin Shafee (Setiu), YB Dato' Haji Ismail Mohamed Said (Kuala Krau) dan YB Tuan Aaron Ago Anak Dagang Said (Kanowit)

(iii) Keadaan penjara dan pusat tahanan

Kerajaan seharusnya menangani isu kesesakan di penjara dan pusat tahanan bagi mengurangkan pertelingkahan dan penyebaran wabak penyakit antara tahanan. Lawatan Suruhanjaya juga mendapati beberapa pusat tahanan berada dalam keadaan yang amat uzur.

(iv) Hak tanah adat

Majoriti aduan yang diterima daripada daripada rakyat Sabah dan Sarawak adalah berkenaan tanah adat. Contohnya, walaupun diiktiraf sebagai golongan Orang Asal, Penan di Sarawak tidak berupaya menuntut hak tanah nenek moyang mereka disebabkan Kanun Tanah Sarawak 1958 tidak mengiktiraf kaedah komuniti tersebut dalam menuntut tanah. Akibatnya, mereka telah dikeluarkan daripada tanah mereka dan tidak diberikan pampasan setelah syarikat-syarikat swasta diberikan lesen untuk membangunkan tanah tersebut. Walaupun Suruhanjaya telah mengadakan banyak dialog bersama Kerajaan bagi memastikan hak pribumi tersebut dipelihara, perkara ini masih belum diselesaikan.

(v) Persepsi terhadap Suruhanjaya

Terdapat salah faham di antara pegawai Kerajaan terhadap Suruhanjaya yang dilihat sebagai pro pembangkang. Ahli-ahli Parlimen bersetuju bahawa mesyuarat tersebut membolehkan mereka memahami bahawa keprihatinan Suruhanjaya hanyalah terhadap isu-isu hak asasi manusia.

Mereka mencadangkan agar Suruhanjaya menganjurkan satu sesi taklimat kepada semua Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) untuk memaklumkan mereka mengenai gerak kerja Suruhanjaya dan kepentingan hak asasi manusia. Turut dicadangkan agar Suruhanjaya meneruskan peranan sebagai orang tengah di antara pihak Kerajaan dan rakyat untuk menangani isu-isu hak asasi manusia.

(vi) Kesedaran orang awam berkenaan hak asasi manusia

Jumlah aduan yang diterima Suruhanjaya telah meningkat. Ini menunjukkan bahawa ramai rakyat Malaysia mengetahui hak mereka dan peranan Suruhanjaya dalam melindungi hak-hak tersebut. Suruhanjaya telah menjalankan banyak aktiviti meningkat kesedaran, termasuk *road show* yang membolehkan Suruhanjaya menemui komuniti yang pelbagai termasuk di kawasan luar bandar dan kampung-kampung terpencil.

(b) Dialog bersama Badan-badan Bukan Kerajaan dan Organisasi Komuniti

Pada 23 Ogos, ECOSOCWG mengadakan mesyuarat bersama badan-badan bukan Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil lain bagi membincangkan isu-isu berkenaan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan (ESCR). Objektif mesyuarat tersebut adalah untuk menyediakan landasan kepada para peserta membangkitkan keprihatinan mereka dan mengenalpasti aktiviti-aktiviti berkenaan ESCR yang boleh dijalankan oleh Suruhanjaya.

Suruhanjaya diwakili oleh Pengerusi, Tan Sri Hasmy Agam dan anggota Suruhanjaya Encik James Nayagam, Puan Jannie Lasimbang dan Encik Muhammad Shaani Abdullah.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh 19 peserta mewakili organisasi seperti Majlis Peguam Negara, *Amnesty International Malaysia*, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor dan *Empower Malaysia*.

Isu yang dibangkitkan oleh peserta:

(i) Aktiviti meningkatkan kesedaran

Suruhanjaya seharusnya memperhebatkan kesedaran awam mengenai hak asasi manusia, dengan memulakan aktiviti tersebut di sekolah. Untuk memastikan keberkesanannya, Suruhanjaya perlu memastikan aktiviti-aktiviti meningkatkan kesedaran dan bahan-bahan menggunakan bahasa yang bersesuaian bagi komuniti yang berbeza latar belakang dan tahap pendidikan.

(ii) Hak orang pelarian dan pencari suaka di Malaysia

Suruhanjaya telah membuat pelbagai pengesyoran terhadap Kerajaan berkenaan hak-hak orang pelarian dan pencari suaka di Malaysia. Bagi tindakan seterusnya, Suruhanjaya perlu menggesa Kerajaan supaya menerima syor-syor tersebut.

(iii) Hak-hak pekerja

Suruhanjaya harus melihat cadangan pindaan terkini terhadap perundangan berkaitan pekerja seperti Akta Pekerjaan dan Akta Hubungan Industri, kerana penilaian terkini oleh beberapa NGO mendapati bahawa cadangan pindaan tersebut akan mengurangkan hak-hak pekerja di Malaysia.

Antara lain, cadangan pindaan tersebut akan memudahkan proses pelantikan dan pemecatan pekerja. Ianya juga menyekat akses pekerja kepada mahkamah industri, khususnya pekerja yang sedang dalam tempoh percubaan atau yang telah bekerja kurang daripada tempoh setahun. Sehubungan itu, para peserta mencadangkan NGO dan membuat penyerahan bersama kepada Kerajaan, untuk menjelaskan pendirian Kerajaan terhadap cadangan pindaan tersebut.

Selanjutnya, Suruhanjaya harus menekankan keperluan kepada gaji minimum bagi semua sektor industri.

(iv) Pembuangan bayi

Malaysia perlu untuk meningkatkan usaha bagi mengelakkan insiden pembuangan bayi dengan memberi pendidikan seksual dan kesihatan reproduktif. Ianya tidak seharusnya terhad kepada penahanan diri yang kemudiannya telah membuktikan ianya tidak efektif. Kanak-kanak dan golongan remaja harus diberi peluang untuk memahami akibat tindakan mereka dan bagaimana mengelakkan kehamilan yang tidak diingini. Mereka harus diberikan galakan menjalankan kempen pencegahan sendiri dan turut terlibat dalam proses membuat polisi yang berkaitan bagi memastikan ianya sesuai dengan keperluan sebenar mereka.

Sungguhpun langkah-langkah pencegahan adalah ideal, budaya dan senario undang-undang di Malaysia harus juga memastikan individu yang hamil tanpa berkahwin tidak dipandang serong. Mereka sebaliknya digalakkan untuk tampil ke hadapan bagi mendapatkan bantuan, seperti perkhidmatan pengambilan dan pengguguran, tanpa risiko ditangkap dan dihukum. Media mempunyai peranan penting untuk mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap kehamilan tanpa perkahwinan.

Kebimbangan telah dibangkitkan terhadap cadangan untuk mengklasifikasikan pembuangan bayi yang membawa kepada kematian sebagai pembunuhan, memandangkan ia dilakukan kerana panik dan rasa malu. Pelaksanaan hukuman tersebut akan meningkatkan rasa takut dan memungkinkan kepada insiden-insiden yang tidak dapat dikesan.

Dalam membincangkan isu pembuangan bayi, kebiasaannya hanya ibu-ibu yang terdedah kepada implikasi undang-undang dan budaya. Di Malaysia, mahkamah tidak boleh menghukum bapa anggapan untuk memberikan sampel intimasi (darah) atau tidak intimasi (rambut) untuk ujian DNA kerana tindakan ini boleh menyebabkan kesakitan kepada bapa anggapan. Hasilnya, bapa kepada bayi tersebut tidak boleh dikenalpasti dan bayi tersebut tidak boleh menggunakan nama bapanya dalam sijil kelahiran, sementara tanggungjawab terhadap anak tersebut tidak boleh diletakkan pada bapa. Ini bertentangan dengan CRC yang memperuntukkan kanak-kanak mempunyai hak untuk mengenali ibu bapanya dan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak. Justeru terdapat keperluan untuk mengimbangi antara hak-hak bapa dan anak di Malaysia bagi memastikan kepentingan anak tersebut dilindungi.

Isu kanak-kanak yang dikahwinkan secara paksa juga perlu ditangani kerana ini dilihat sebagai langkah biasa diambil ibu bapa remaja yang hamil sebagai langkah mengelakkan kelahiran tanpa perkahwinan dan memastikan nama bapa dimasukkan ke dalam sijil kelahiran. Bagaimanapun, tindakan ini adalah bertentangan dengan hak asasi manusia.

(v) Pencabulan kanak-kanak

Pencabulan kanak-kanak adalah isu penting di Malaysia yang memerlukan perhatian serius. Adalah penting bagi orang ramai mengetahui bahawa kes-kes yang didedahkan kepada media hanyalah sebahagian jumlah sebenar. Terdapat keperluan bagi Malaysia untuk mengimplimentasi program 'sentuhan baik, sentuhan jahat' kepada kanak-kanak. Tambahan pula, adalah penting bagi pihak berkuasa mendedahkan data berkenaan kes-kes tersebut untuk meningkatkan kesedaran awam berkenaan isu tersebut di Malaysia, dan dalam masa yang sama memupuk kerjasama orang ramai untuk mencegah insiden tersebut.

(vi) Kanak-kanak dalam tahanan

Kanak-kanak dalam tahanan di Malaysia didapati kurang akses kepada hak-hak mereka seperti yang dijamin oleh Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC). Terdapat dakwaan bahawa sebahagian kanak-kanak tersebut telah diletakkan di bawah penahanan dan kediaman terhad tanpa kehadiran pekerja sosial atau pegawai akhlak. Mereka ditinggalkan untuk menangani situasi dengan sendiri tanpa sebarang sokongan.

Satu kajian yang dijalankan oleh peserta yang hadir mendapati bahawa walaupun terdapat peruntukan bertulis untuk mahkamah kanak-kanak dan disediakan bilik khas di bangunan mahkamah bagi prosiding melibatkan pesalah kanak-kanak, tiada kes yang berlangsung di bilik tersebut. Sebaliknya, bilik tersebut telah digunakan sebagai bilik stor.

(vii) Diskriminasi dan perkauman di Malaysia

Terdapat sesetengah peserta yang merasakan walaupun Kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai masyarakat berbilang bangsa dan kebudayaan, terdapat diskriminasi terhadap etnik minoriti dan kebudayaan Orang Asal/Asli. Sebagai contoh, polisi semasa yang menghalang cubaan untuk mewujudkan sekolah Cina dan Tamil. Insiden yang melibatkan dua orang guru besar di sekolah kebangsaan yang mengeluarkan kata-kata cemuhan berbaur perkauman kepada pelajar juga menunjukkan tahap tidak hormat dan tidak bersefahaman di kalangan masyarakat di Malaysia.

(viii) Hak-hak wanita

Suruhanjaya dinasihatkan menangani isu-isu yang melibatkan hak-hak wanita secara keseluruhan daripada menanganinya satu persatu. Adalah dicadangkan bahawa Suruhanjaya merujuk dan mengiktiraf komen-komen yang telah dibuat berhubung hak-hak wanita dalam laporan ERA Consumer 2007.

(ix) Menilai isu-isu hak asasi manusia berdasarkan ICESCR

Di samping menggesa Kerajaan meratifikasi ICESCR, Suruhanjaya boleh menilai isu-isu khusus ekonomi, sosial dan kebudayaan berdasarkan setiap peruntukan ICESCR.

(x) Penglibatan dengan NGO dan CBO

Adalah dicadangkan agar Suruhanjaya mengekalkan penglibatan yang kerap dengan NGO dan CBO untuk membincangkan isu-isu hak asasi manusia. Turut dicadangkan agar Suruhanjaya menyelaraskan mesyuarat antara Kerajaan dan kumpulan masyarakat sivil bagi membolehkan perbincangan secara langsung berkenaan pelbagai isu-isu hak asasi manusia.

LAPORAN JAWATANKUASA ISU DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

Suruhanjaya telah memikul beberapa peranan utama di peringkat antarabangsa dan serantau, dengan itu mempertingkatkan interaksinya dengan jentera-jentera hak asasi manusia antarabangsa. Ia juga telah memainkan peranan yang aktif dalam menyumbang kepada pembangunan mekanisme hak asasi manusia serantau dan antarabangsa.

Dalam usaha Suruhanjaya mengembangkan penglibatan dan kehadirannya di peringkat antarabangsa, ia turut mengakui perlunya mempromosikan kesedaran terhadap kepentingan mekanisme hak asasi manusia serantau dan antarabangsa di peringkat tempatan, menerusi kerjasasama dengan pihak-pihak berkepentingan luar.

1. KEDUDUKAN SURUHANJAYA DI JAWATANKUASA PENYELARAS ANTARABANGSA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI INSTITUSI-INSTITUSI NASIONAL UNTUK PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA (ICC)

Pada 22 Januari, Suruhanjaya mendapat pengesahan mengenai status 'A'nya daripada Jawatankuasa Kecil Akreditasi (SCA) ICC. Walaupun SCA mengiktiraf pendekatan membina yang telah diambil oleh Suruhanjaya untuk mencapai dua pindaan ke atas Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia pada 2009, ia turut menyuarakan kebimbangannya terhadap isu-isu berikut:

- (i) Pemilihan wakil-wakil masyarakat sivil dalam Jawatankuasa Pemilihan adalah tertakluk di bawah kuasa mutlak Perdana Menteri;
- (ii) Keputusan Jawatankuasa Pemilihan hanyalah bersifat syor, memandangkan Perdana Menteri hanya perlu mendapatkan nasihat dan tidak terikat dengan keputusan Jawatankuasa tersebut;
- (iii) Cadangan penggunaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam situasi di mana seseorang anggota dipertimbangkan untuk lantikan semula dan kes-kes pemecatan masih belum diterima pakai oleh Kerajaan.

SCA berpendapat bahawa isu pertama dan kedua berpotensi kepada campurtangan politik yang boleh memberi kesan buruk terhadap ketelusan dan penyertaan dalam proses pemilihan. Berkenaan isu KPI pula, SCA bimbang sama ada ianya diwujudkan dengan jelas agar tidak menjejaskan kebebasan anggota-anggota Suruhanjaya, dan sama ada ianya akan diwarwarkan kepada umum.

Memandangkan isu-isu ini hanya dapat dinilai setelah proses pemilihan yang baru dilaksanakan pada April 2010, SCA memaklumkan bahawa ia akan menilai semula isu-isu ini pada sesi keduanya tahun ini.

Pada 28 Januari, Perdana Menteri telah melantik lima anggota untuk menduduki Jawatankuasa Pemilihan yang baru ditubuhkan, sejajar dengan Seksyen 11A (1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang telah dipinda. Jawatankuasa Pemilihan tersebut dipengerusikan oleh Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan, Ketua Setiausaha Negara. Ahli-ahli lain termasuk Tan Sri Abu Talib Othman, bekas Pengerusi Suruhanjaya; Tan Sri Haidar Mohd Nor, bekas Hakim Besar Malaya; Encik Lim Chee Wee, Timbalan Presiden Majlis Peguam Negara; dan Datuk Rafiah Salim, Pengarah Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW).

Peranan utama Jawatankuasa Pemilihan adalah untuk menyenaraipendek calon-calon yang diterima melalui pencalonan orang awam. Senarai calon tersebut telah diajukan kepada Perdana Menteri untuk pertimbangan dan pengesyoran bagi diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pelantikan tujuh anggota Suruhanjaya berkuatkuasa pada 26 April. Barisan ini dipimpin oleh Tan Sri Hasmy Agam sebagai Pengerusi dan terdiri daripada enam orang anggota:

- Profesor Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)
- Puan Jannie Lasimbang
- Encik Muhammad Sha'ani Abdullah
- Profesor Datuk Dr Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid
- Encik James Nayagam
- Encik Detta Samen

Dengan kehadiran anggota-anggota baru, Suruhanjaya meneruskan usaha untuk mengatasi proses akreditasi yang mencabar. Ini termasuk memuktamadkan KPI yang dirangka oleh bekas anggota

Suruhanjaya atas permintaan Kerajaan. KPI yang dimuktamadkan itu telah diserahkan kepada Kerajaan pada 18 Ogos untuk dipertimbangkan dan diterimapakai. Suruhanjaya juga memaklumkan kepada Kerajaan tentang perlunya mengumumkan KPI tersebut kepada umum bagi tujuan ketelusan.

Sebagai maklum balas, Kerajaan, pada mesyuarat pasca Kabinet yang diadakan pada 30 Ogos, telah memaklumkan kepada Suruhanjaya bahawa Kerajaan akan mengumumkan KPI tersebut sebaik sahaja ianya diterimapakai. Kerajaan juga telah menugaskan pegawai khas di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap KPI untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan Suruhanjaya berkenaan perkara tersebut. Pada satu sesi taklimat kepada anggota dan pegawai-pegawai kanan Suruhanjaya, pegawai khas tersebut menjelaskan bahawa ianya terpujang kepada Suruhanjaya untuk merangka KPI Suruhanjaya dan mewarwarkannya kepada umum. Kerajaan hanya akan mengambil maklum perkara ini.

Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan pengenalan KPI sebagai satu alat menilai prestasi anggota-anggota dalam menunaikan fungsi dan tugas mereka, Suruhanjaya turut berpendapat bahawa isu sama ada KPI boleh menjejaskan kebebasan anggota-anggota Suruhanjaya, hanya dapat ditentukan setelah ianya dilaksanakan dan diguna pakai oleh Kerajaan dalam pelantikan semula atau pemecatan anggota-anggota Suruhanjaya.

Pada 13 Oktober, SCA telah mengadakan satu Kajian Semula Khas untuk menilai persoalan-persoalan yang telah ditimbulkannya pada sesi terdahulu. Pada 22 Oktober, SCA telah memaklumkan kepada Suruhanjaya mengenai keputusan kajian semula tersebut dan juga tentang pengekalahan kedudukan 'A' Suruhanjaya¹. Dalam laporannya, SCA mengambil maklum usaha-usaha Suruhanjaya ke atas pindaan perundangan dan menggalakkan Suruhanjaya agar memastikan peyempurnaan KPI tidak menyekat keupayaannya mengkaji semula dan menyemak keutamaannya, berasaskan penilaiannya terhadap situasi hak asasi manusia. SCA berpendapat bahawa KPI tidak harus digunakan untuk menjejaskan kebebasan fungsi serta autonomi organisasi dan kewangan Institusi Hak Asasi Manusia (NHRI). Bagi memastikan kerjasama Suruhanjaya dengan NHRI dan institusi-institusi hak asasi manusia lain, SCA juga mengesyorkan agar Suruhanjaya bekerja erat dengan organisasi-organisasi masyarakat sivil serta terus mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan daripada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Asasi Manusia (OHCHR) dan Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (APF).

Memandangkan Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) pada 19 Julai, SCA mengesyorkan agar Suruhanjaya dilantik sebagai Mekanisme Pemantauan Nasional (NMM) selari dengan Artikel 33.2 CRPD.

¹ Keputusan telah diterima secara rasmi oleh Biro ICC pada Disember.

Suruhanjaya menghargai keyakinan berterusan yang ditunjukkan oleh SCA terhadapnya. Suruhanjaya juga telah mengambil langkah segera sebagai tindakan susulan terhadap syor-syor SCA, terutamanya dalam mendekati Kerajaan bagi isu pelantikan NMM.

Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dan risiko penurunan status, proses akreditasi semula merupakan pengalaman yang amat berharga kepada Suruhanjaya dalam mempertingkatkan keazaman untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Suruhanjaya memanjangkan penghargaan kepada semua pihak berkepentingan yang telah menyokong usaha dan perjuangan Suruhanjaya dalam mengekalkan status 'A' Suruhanjaya.

2. PENGLIBATAN SURUHANJAYA DALAM RANGKAIAN ICC

Pada Sesi ICC ke-23 (ICC 23) yang diadakan dari 23-25 Mac di Geneva, Switzerland, Suruhanjaya dan tiga institusi hak asasi manusia yang lain (Jordan, New Zealand dan India) telah dipilih sebagai ahli-ahli Biro ICC, sebuah jawatankuasa yang melaksanakan keputusan mesyuarat tahunan ICC. Keempat-empat institusi yang mewakili rantau Asia Pasifik dikehendaki memantau aktiviti ICC, Biro ICC serta badan-badan di bawahnya, di samping mempromosikan pandangan ahli-ahli APF dalam membuat keputusan di mesyuarat-mesyuarat Biro ICC. Suruhanjaya telah menghadiri dua Mesyuarat Biro pada 22 Mac dan 7 Oktober, masing-masing di Geneva dan Edinburgh.



Setiausaha Suruhanjaya, Puan Hashimah Nik Jaafar telah menyampaikan ucapan di ICC ke-23 pada 25 Mac, di Geneva

ICC 23 telah menyaksikan penerimaan Pelan Strategik pertama ICC untuk 2010-2013 yang merupakan hasil rundingan meluas yang melibatkan ICC dan OHCHR. Pelan tersebut juga dibentuk berdasarkan perbincangan Mesyuarat Biro yang diadakan di Rabat, Morocco pada November 2009. Suruhanjaya telah menyertai Mesyuarat Biro tersebut selaku ahli Biro baru.

Pelan Strategik ICC menggariskan beberapa keutamaan strategik dan aktiviti-aktiviti cadangan yang mengambil kira perlunya:

- Mengekal dan mengukuhkan proses akreditasi NHRI;
- Mempertingkatkan penglibatan NHRI dengan sistem-sistem hak asasi manusia antarabangsa dan serantau;
- Membina perkongsian dan penglibatan dengan pihak berkepentingan luar;
- Membentuk perkongsian pengetahuan dan komunikasi dalaman; dan
- Mengukuhkan kerja dan fungsi organisasi serantau NHRI.

Suruhanjaya menyokong Pelan Strategik tersebut dengan keyakinan ia dapat mengukuhkan kebolehan NHRI dalam menjalankan fungsi dan mandat, dalam memperbaiki rangka kerja hak asasi manusia negara serta kerjasama dengan pihak berkepentingan luar di peringkat serantau dan antarabangsa.

ICC juga memberikan penekanan terhadap peningkatan penglibatan NHRI dengan Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan mekanismenya memandangkan Persidangan Umum PBB sedang menjalankan satu kajian semula terhadap kedudukan, kerja-kerja dan fungsi HRC. Dalam hal ini, ICC juga telah menerimapiakai kertas strategi mengenai penglibatan ICC dengan HRC dan mekanismenya. Dalam menyokong seruan ICC, Suruhanjaya telah menyertai satu tinjauan mengenai penyertaan NHRI di HRC yang bertujuan memaksimumkan dan, selagi boleh, mempertingkatkan peluang NHRI memberikan sumbangan kepada Majlis.

Dari 8-10 Oktober, Suruhanjaya telah menghadiri Persidangan Antarabangsa bagi NHRI ke-10 yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Scotland secara usahasama dengan OHCHR dan ICC, di Edinburgh, Scotland, United Kingdom. Tema persidangan tersebut adalah "Hak Asasi Manusia dan Perniagaan: Peranan NHRI". Ini telah memberi peluang kepada NHRI, badan-badan bukan kerajaan (NGO), kesatuan sekerja dan wakil-wakil perniagaan untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik mengenai strategi mempertingkatkan pelaksanaan norma-norma hak asasi manusia dalam konteks sektor korporat.

Ia juga menjadi platform bagi NHRI dan Wakil Khas kepada Setiausaha Agung PBB (SRSG) berkenaan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan untuk membincangkan peranan dan peluang NHRI dalam menyokong Rangka Kerja Tiga Tunggak berkenaan “Lindung, Hormat dan Pulih”, dan juga pembentukan Prinsip-prinsip Panduan mengenai pelaksanaan Rangka tersebut. Persidangan tersebut telah menerima Deklarasi Edinburgh yang bertujuan mempertingkatkan keutamaan dan strategi NHRI dalam mempromosikan perniagaan dan hak asasi manusia di peringkat serantau dan antarabangsa. Deklarasi tersebut dihasilkan berdasarkan perbincangan interaktif dan pengalaman luas para peserta dari seluruh dunia.

Berikutan Persidangan tersebut, Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam satu Rundingan mengenai Prinsip-prinsip Panduan SRSG untuk Pelaksanaan Rangka Kerja Tiga Tunggak yang diadakan dari 11-12 Oktober di Geneva. Rundingan tersebut diadakan oleh SRSG untuk mendapatkan pandangan dan input daripada wakil masyarakat sivil mengenai kandungan Prinsip-prinsip Panduan tersebut, dan cadangan langkah-langkah susulan dalam memastikan pelaksanaan Rangka Kerja tersebut oleh semua pihak yang berkepentingan.

Rangka Kerja tersebut bergantung kepada tiga unsur utama:

- Kewajipan Kerajaan dalam undang-undang antarabangsa untuk melindungi warganegaranya daripada pencabulan hak asasi manusia oleh perniagaan transnasional;
- Tanggungjawab korporat untuk menghormati hak asasi manusia; dan
- Perlunya mempunyai akses kepada bentuk-bentuk pemulihan yang berkesan, termasuk melalui mekanisme kehakiman atau bukan kehakiman yang bersesuaian.

Suruhanjaya dan lima NHRI lain yang menghadiri rundingan tersebut telah membentuk satu kenyataan bersama yang menegaskan kembali peranan proaktif NHRI dalam mempertimbangkan pendekatan-pendekatan baru bagi memajukan Rangka Kerja tersebut dalam lingkungan mandat mereka. Kenyataan tersebut juga menyeru SRSG supaya mengiktiraf peranan penting NHRI dalam hak-hak asasi manusia dan perniagaan di bawah Rangka Kerja tersebut. Prinsip-prinsip Panduan berkenaan akan dimuktamadkan dan dibentangkan oleh SRSG kepada HRC untuk pertimbangan pada pertengahan 2011, sebelum penamatan mandat beliau.

3. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT

Pada 11 Februari, genap satu tahun selepas penilaian Malaysia pada sesi Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) ke-4. Secara ringkasnya, Kerajaan telah menerima pakai 62 syor, menolak 22 syor dan memberi maklum balas kepada 19 syor.

Pada 11 Mei, Kementerian Luar Negeri menganjurkan satu sesi taklimat untuk memaklumkan kepada masyarakat sivil tentang beberapa langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melaksanakan syor-syor UPR.

Memandangkan NHRI memainkan peranan penting dalam memantau pelaksanaan syor-syor UPR oleh agensi-agensi Kerajaan, Suruhanjaya telah memainkan peranan ini dengan bantuan sebuah Jawatankuasa Antara Kumpulan Kerja yang telah ditubuhkannya.

Pada 20 Disember, Suruhanjaya telah mengadakan satu Mesyuarat Rundingan mengenai Tindakan Susulan UPR bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan bagi mendapatkan maklum balas mengenai status pelaksanaan syor-syor tersebut. Suruhanjaya telah dimaklumkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan tentang usaha dan rancangan mereka untuk melaksanakan syor-syor UPR, khususnya berkenaan beberapa cadangan dasar dan pindaan perundangan. Suruhanjaya juga mengambil maklum cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan dalam melaksanakan kesemua syor yang telah diterimapakai oleh Kerajaan dalam jangka masa yang ditetapkan. Suruhanjaya bersedia membantu Kerajaan memeriksa langkah-langkah yang berkesan bagi mengenalpasti keutamaan dalam pelaksanaan syor-syor tersebut ke arah menegakkan standard hak asasi manusia di peringkat akar umbi. Suruhanjaya akan menerbitkan maklumat terkini mengenai tindakan susulan UPR di laman webnya untuk makluman umum.



Mesyuarat Rundingan mengenai Tindakan Susulan Syor-syor UPR yang diadakan pada 20 Disember di Pejabat Suruhanjaya, Kuala Lumpur

Memandangkan UPR merupakan satu mekanisme baru yang diperkenalkan oleh HRC yang mana fungsi-fungsi utamanya masih belum difahami ramai, Suruhanjaya telah menghasilkan sebuah buku kecil untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya mekanisme ini dalam memperbaiki standard hak asasi manusia. Buku kecil tersebut mengandungi maklumat tentang proses UPR, komitmen Kerajaan serta peranan pihak-pihak berkepentingan dalam memenuhi komitmen tersebut. Suruhanjaya juga berharap untuk menggunakan buku kecil ini dalam aktiviti-aktiviti seperti bengkel latihan, *road show* dan lain-lain pada masa akan datang.

Selain Kajian Semula HRC, Persidangan Umum PBB juga telah bersetuju untuk mengkaji semula UPR selepas tamat kitaran 4-tahunnya yang pertama pada 2012. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya percaya bahawa UPR tentunya akan dikaji semula dengan teliti semasa kajian semula HRC memandangkan ia merupakan salah satu mekanisme HRC yang paling penting. Sehubungan itu, Suruhanjaya sedar akan perlunya penglibatannya dengan semua pihak berkepentingan utama dengan menyumbangkan pandangan dan cadangannya yang berkecuali kepada pihak berkepentingan tersebut demi meningkatkan penglibatan dan sumbangan NHRI dalam UPR.

4. FORUM INSTITUSI-INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL ASIA TENGGARA

Forum Institusi-institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara (SEANF), yang sebelum ini dikenali sebagai Forum ASEAN-NHRI (ANF), merupakan satu kumpulan sub-serantau NHRI yang terdiri daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Indonesia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Suruhanjaya Mengenai Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Thailand.

Sejak Perisytiharan Kerjasama Bali pada Julai 2007, ahli-ahli SEANF telah meningkatkan kerjasama dalam bidang yang menarik perhatian bersama bagi meneruskan iltizam mereka dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Tahun 2010 merupakan tahun bermakna bagi Suruhanjaya kerana ia telah menyandang jawatan Pengerusi SEANF sehingga 16 November, sebelum menyerahkan jawatan tersebut kepada CHRP pada 16 November. Pada 19 Februari, SEANF telah menerima pakai Peraturan-Peraturan Prosedur (ROP), yang telah dirangka oleh Suruhanjaya, dan kemudiannya dimuktamadkan oleh ahli-ahli SEANF. Penerimaan ROP tersebut merupakan satu peristiwa penting dalam kemaraan dan kemajuan SEANF kerana ia akan menjadi garis panduan operasi untuk mengukuhkan struktur organisasi.

Pada Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal ke-7 yang diadakan di Manila dari 29-30 Mac, SEANF telah menerima pakai dua dokumen penting, iaitu Kertas Mengenai Pekerja Asing dan Memorandum Persefahaman menentang Pemerdagangan Wanita dan Kanak-Kanak. Dokumen-dokumen tersebut adalah hasil daripada projek-projek usahasama bertema SEANF.

Selaku ketua NHRI dalam projek mengenai pekerja asing, Suruhanjaya telah memainkan peranan penting dalam penghasilan Kertas tersebut, yang mengandungi syor-syor mengenai isu-isu yang melibatkan kumpulan ini. Ia telah diterbitkan pada bulan November dan telah dipanjangkan kepada pihak-pihak berkepentingan untuk pertimbangan. Sehubungan ini, Suruhanjaya telah menganjurkan satu Mesyuarat Rundingan bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan di Malaysia pada 16 Disember bagi membincangkan syor-syor penting yang ditujukan khas kepada Kerajaan.

Syor-syor tersebut termasuk:

- (i) Mengkaji undang-undang dan dasar yang tidak selaras dengan konvensyen PBB dan Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) yang mana Malaysia menganggotainya;
- (ii) Meminda undang-undang buruh supaya ianya merangkumi 'pekerjaan domestik';
- (iii) Meluluskan permintaan Pelapor Khas tentang Hak Asasi Migran untuk membuat lawatan rasmi ke Malaysia;
- (iv) Melancarkan kempen menentang pemegangan passport pekerja-pekerja migran oleh majikan;
- (v) Memansuhkan sistem penyumberan luar buruh dan menggantikan dengan sistem yang diselia oleh Kementerian Sumber Manusia;
- (vi) Memastikan keadaan di tempat-tempat tahanan mengikut standard hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa;
- (vii) Melantik pegawai perubatan untuk ditempatkan di Pusat-pusat Tahanan Imigresen secara tetap;
- (viii) Bekerjasama dengan kerajaan negara-negara penghantar dalam menyelesaikan masalah pekerja migran;

- (ix) Membentuk rangka kerja perundangan dan polisi yang komprehensif untuk mengawal pengambilan, penerimaan, penempatan, layanan dan penghantaran balik pekerja migran; dan
- (x) Membentuk langkah-langkah bagi mengenalpasti pemerdagangan orang di kalangan pekerja migran.

Agensi-agensi tersebut, yang mengiktiraf usaha SEANF dalam menghasilkan Kertas tersebut, bersetuju menyerahkan satu laporan bersepadu yang menyediakan maklum balas menyeluruh kepada Suruhanjaya berkenaan syor-syor tersebut.

Suruhanjaya, melalui rangkaian SEANF, meneruskan penglibatannya dengan pihak-pihak berkepentingan serantau untuk mempromosikan hak asasi manusia. Dari 25-26 Mac, SEANF telah menyertai satu Mesyuarat Strategi mengenai Penubuhan NHRI di Kemboja, yang dianjurkan oleh Kumpulan Kerja untuk Mekanisme Hak Asasi Manusia ASEAN Kemboja. Pada mesyuarat tersebut yang diadakan di Siem Reap, Kemboja, ahli-ahli SEANF dapat berkongsi pengalaman dan kepakaran masing-masing berkenaan penubuhan NHRI.

Pada 25 September, Suruhanjaya telah menerima satu delegasi daripada Institut Hak Asasi Manusia Vietnam (VIHR), sebuah institusi akademik yang ditubuhkan pada 1994 di bawah Akademi Politik dan Pentadbiran Awam Kebangsaan Ho Chi Minh. Fungsi-fungsinya adalah untuk membuat kajian dan pendidikan serta memberi nasihat mengenai isu-isu hak asasi manusia untuk Parti dan Kerajaan Vietnam. Semasa lawatan tersebut, VIHR sedang menjalankan kajian tentang pengalaman, struktur dan operasi NHRI serta mekanisme-mekanisme nasional untuk perlindungan hak asasi manusia di rantau ini. Matlamatnya adalah untuk menyediakan landasan teori dan praktikal untuk Parti dan Kerajaan Vietnam dalam mempertimbangkan kemungkinan menubuhkan NHRI, sebagai maklum balas kepada Piagam ASEAN ke arah merealisasikan hak asasi manusia bagi semua individu. Lawatan sambil belajar VIHR ke Suruhanjaya dan institusi-institusi lain adalah bagi mendapatkan maklumat mengenai pengalaman dalam bidang hak asasi manusia.

Selaku Pengerusi SEANF, Suruhanjaya telah menganjurkan Mesyuarat Tahunan SEANF ke-7 dari 15-16 November di Kuala Lumpur. SEANF menerima ahli baru iaitu Pejabat Provedor untuk Hak Asasi Manusia dan Keadilan Timor Leste. Penerimaan ahli kelima SEANF ini akan memperkukuhkan peranan dan kerelevanan SEANF dalam menegakkan hak asasi manusia di Asia Tenggara. Mesyuarat tersebut juga mengenalpasti perkara-perkara baru yang akan diberikan keutamaan termasuk peranan SEANF dalam menyokong mekanisme-mekanisme hak asasi manusia serantau dan antarabangsa, serta dalam perangkaan Pelan Strategi Lima-Tahun yang akan menjadi panduan bagi SEANF. Suruhanjaya telah menyerahkan jawatan Pengerusi SEANF kepada CHRP pada akhir mesyuarat tersebut.



Mesyuarat Tahunan SEANF Ke-7 yang diadakan pada 15-16 November di Kuala Lumpur.

5. SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA ANTARA KERAJAAN ASEAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara Kerajaan ASEAN (AICHR) menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam mengukuhkan kapasiti institusinya bagi melaksanakan fungsi-fungsi dan mandatnya sebagai sebuah badan hak asasi manusia serantau. Pencapaiannya termasuk pembentukan Pelan Kerja Lima-Tahun dan perangkaan ROPnya. Pelan Kerja tersebut menyediakan satu panduan bagi pelaksanaan program dan aktiviti AICHR untuk jangkamasa lima tahun akan datang, manakala ROP menjadi asas kepada gerak kerja AICHR. Kedua-dua dokumen tersebut merupakan asas bagi memastikan keberkesanan, kebebasan dan kebertanggungjawaban AICHR.

Perlu diambil maklum bahawa sebahagian daripada keutamaan yang dikenalpasti oleh AICHR dalam Pelan Kerja tersebut adalah selari dengan projek-projek usahasama SEANF, terutamanya kajian bertema cadangan mengenai migrasi, pemerdagangan orang dan hak kepada pendidikan. Memandangkan persamaan antara perkara-perkara yang menarik minat bersama, Suruhanjaya dan ahli-ahli SEANF akan meneruskan usaha mencari jalan untuk membina hubungan rasmi dengan AICHR bagi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di rantau ini.

6. FORUM ASIA PASIFIK INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL

Atas jemputan Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (APF), Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam satu bengkel UPR di Sydney dari 2-3 Mac. Bengkel tersebut dianjurkan oleh APF dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia yang akan melalui sesi UPRnya pada Februari 2011. Tujuan bengkel tersebut adalah untuk ahli-ahli APF yang telah melalui proses UPR berkongsi pengalaman dan amalan terbaik. NHRI yang dijemput berucap termasuk dari Malaysia, India, Indonesia, Jordan, New Zealand, Filipina, Korea Selatan dan Sri Lanka. Pada akhir bengkel tersebut, satu Kompilasi Amalan Baik UPR telah dihasilkan. Ia membekalkan maklumat berguna mengenai peluang yang terdapat bagi NHRI untuk mengambil bahagian dan memberikan sumbangan di pelbagai peringkat dalam proses UPR.

Mesyuarat Tahunan APF Ke-15 (APF 15) telah diadakan di Bali, Indonesia dari 3-5 Ogos. Ia membincangkan beberapa isu penting termasuk hala tuju dan keutamaan strategik APF, Pelan Strategik APF 2011-2015, kajian semula proses akreditasi ICC dan juga isu-isu bertema mengenai orientasi seksual dan identiti gender serta peranan NHRI sebagai *amicus curiae*.

APF 15 juga telah menerima pakai cadangan mewujudkan pegawai-pegawai fokal daripada ahli-ahli yang berminat mengenai isu pekerja migran. Peranan utama pegawai-pegawai fokal tersebut termasuk:

- Membantu dalam mengenal pasti amalan terbaik di kalangan ahli-ahli mengenai isu ini;
- Membantu dalam membentuk manual latihan APF tentang hak pekerja migran;
- Membantu mewujudkan para pelatih yang berpotensi di kalangan pekerja NHRI untuk menjalankan latihan berkaitan hak pekerja migran.

APF 15 telah dijalankan dalam format baru berikutan keputusan yang dibuat semasa APF 14 pada 2009 yang memisahkan mesyuarat tahunan daripada persidangan. Ini memberi peluang kepada ahli-ahlinya untuk membincangkan kerja-kerja dan hala tuju organisasi secara menyeluruh. Ia juga membolehkan perkongsian pengalaman dan hubungan yang lebih baik di kalangan institusi-institusi yang seangkatan.

Di bawah seliaan APF, kakitangan Suruhanjaya berpeluang menyertai beberapa program bina upaya – ‘*APF Online Foundation Training Course For NHRIs*’ yang telah diadakan dari bulan Ogos-September, ‘*Human Rights and Migrant Workers Training Programme*’ yang telah diadakan di Lombok, Indonesia pada bulan September; dan juga ‘*Sub-Regional Training Workshop on NHRIs and Prevention of Torture*’, yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada Disember.

7. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL

Suruhanjaya meneruskan usahanya memperjuangkan pembentukan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) oleh Kerajaan. Pada 6 Oktober, Suruhanjaya telah mengadakan pertemuan bersama YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dengan menimbulkan semula betapa pentingnya Kerajaan mengetuai pembentukan NHRAP demi kemajuan hak asasi manusia. Suruhanjaya berasa gembira dengan keterbukaan Kerajaan terhadap cadangan tersebut.

Pada 7 Oktober, Suruhanjaya telah dimaklumkan secara rasmi oleh Kerajaan akan persetujuannya membentuk NHRAP, serta pelantikan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri sebagai agensi fokal bagi NHRAP.

Pada 29 November, Suruhanjaya telah dijemput menghadiri mesyuarat ulung yang dianjurkan oleh agensi fokal bagi membincangkan proses persediaan berkenaan perangkaan NHRAP. Suruhanjaya telah mencadangkan keperluan menubuhkan satu Jawatankuasa Sementara yang dianggotai wakil-wakil agensi Kerajaan yang berkaitan, Suruhanjaya, NGO dan pihak-pihak berkepentingan pada peringkat perancangan tersebut. Suruhanjaya juga mengesyorkan agar agensi fokal menjalankan satu kajian dasar untuk mengenalpasti keutamaan-keutamaan bagi NHRAP dan mendapatkan bantuan kepakaran daripada OHCHR dan NHRI lain yang berpengalaman. Suruhanjaya bersedia membantu dalam hal ini.

Meskipun Kerajaan memainkan peranan utama dalam pembentukan NHRAP, Suruhanjaya mengakui bahawa ia juga dapat memberikan sumbangan bermakna di peringkat perangkaan, pelaksanaan dan pemantauan Pelan tersebut.

Mengambil kira kewujudan NHRAP di pelbagai negara, Suruhanjaya berpendapat bahawa tidak ada satu NHRAP yang sempurna. NHRAP yang berkesan, seperti yang terkandung dalam Buku Panduan OHCHR mengenai NHRAP, bergantung kepada:

- Perancangan yang telus dan bersifat penyertaan;
- Kajian menyeluruh dasar hak asasi manusia yang menjadi Pelan teras;
- Keutamaan-keutamaan realistik dan perancangan berorientasikan tindakan;
- Kriteria kejayaan yang jelas dan mekanisme penyertaan yang kukuh untuk pemantauan dan penilaian; dan
- Komitmen sumber yang mencukupi.

Memandangkan Kerajaan sedang memulakan perangkaan NHRAP, Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan mempertimbangkan syor-syor yang terhasil daripada UPR dan sesi badan-badan triti mengenai Malaysia ke dalam dokumen tersebut. Pendekatan ini akan membantu Kerajaan meningkatkan pelaksanaan tanggungjawab antarabangsa Kerajaan secara berkesan dan menyeluruh.

8. PENERBITAN PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT (UDHR)

Suruhanjaya telah meluaskan perikatannya dengan Pasukan Negara PBB (UNCT) dalam penerbitan UDHR yang memaparkan pandangan warga tempatan tentang artikel-artikel UDHR, berdasarkan kes-kes sebenar tentang hak asasi manusia di Malaysia. Adalah diambil maklum bahawa sebuah penerbitan yang serupa berjudul '*Dignity and Justice for All of Us*' telah dihasilkan oleh NHRI Thailand dengan bantuan PBB.

Mengambil kira perlunya satu alat pendidikan untuk meningkatkan kesedaran warga Malaysia akan pentingnya UDHR, Suruhanjaya dan UNCT percaya bahawa penerbitan tersebut akan mendatangkan manfaat besar kepada beberapa pihak berkepentingan utama seperti agensi-agensi Kerajaan, institusi pengajian, Ahli-ahli Parlimen dan masyarakat umum. Penerbitan tersebut dijangka siap pada pertengahan 2011.

LAPORAN JAWATANKUASA HAK ORANG ASAL/ASLI

Di Malaysia, secara umumnya Orang Asli dikenali sebagai “Orang Asal” yang terdiri daripada Anak Negeri di Sabah, Orang Dayak dan Orang Ulu di Sarawak dan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Suruhanjaya telah menumpukan banyak usaha untuk memahami dan menangani isu-isu kritikal yang menggugat hak Orang Asal/Asli di Malaysia. Pada Julai 2010, Suruhanjaya telah menubuhkan Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli untuk menyelaras pelbagai aktiviti kumpulan kerja Suruhanjaya yang melibatkan hak Orang Asal/Asli termasuk di pejabat Sabah dan Sarawak.

1. TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA HAK ORANG ASAL/ASLI

Sebagai permulaan, Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli (IPRC) akan mengkaji semula masalah-masalah yang sering dihadapi oleh Orang Asal/Asli di Malaysia dalam merealisasikan hak mereka. Selain tumpuan kepada hak tanah, IPRC juga memahami bahawa Orang Asal/Asli di Malaysia menghadapi masalah antara lain dalam pelaksanaan sistem perundangan, pendidikan dan ekonomi.

Suruhanjaya sedar bahawa isu hak Orang Asal/Asli ke atas tanah dan hak mereka secara kolektif ke atas tanah memerlukan perhatian khas memandangkan wujudnya peminggiran dan diskriminasi dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Oleh itu, Suruhanjaya telah memutuskan untuk menjalankan Inkuiri Nasional berkaitan hak Orang Asal/Asli ke atas tanah mereka, dengan IPRC berperanan membantu dalam proses siasatan nasional tersebut.

Seterusnya Suruhanjaya bersetuju agar IPRC melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

- Memastikan tahap masalah dan jenis halangan yang menggugat hak Orang Asal/Asli ke atas tanah mereka dan meningkatkan kesedaran, pemahaman dan pengetahuan semua pihak berkepentingan dalam hak orang Asal/Asli serta isu dan sistem berkaitan;
- Menyemai kesedaran hak asasi manusia di kalangan Orang Asal/Asli;

- Melaksanakan program dan aktiviti dalam mempromosi dan melindungi hak Orang Asal/Asli;
- Mewujudkan cadangan bagi membantu agensi kerajaan dan pihak lain yang berkepentingan dalam pemahaman lanjut, analisis dan membentuk penyelesaian yang sesuai yang boleh mengiktirafkan hak mereka.
- Mengkaji hak Orang Asal/Asli dari segi sosial, adat resam, kepercayaan dan politik.

Lima mesyuarat IPRC telah diadakan sepanjang tahun 2010 bagi membolehkan Kumpulan Kerja Suruhanjaya bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti dengan berkesan.

2. ISU-ISU TUMPUAN

IPRC telah membuat analisis berkenaan beberapa isu yang kebanyakannya dibentangkan oleh kumpulan Orang Asal/Asli di Malaysia dalam proses merangka aktiviti kerjanya.

(a) Hak Tanah adat Orang Asal/Asli

Pengambilan tanah adat Orang Asal/Asli di Malaysia adalah masalah besar yang perlu diberikan perhatian memandangkan ia menjejaskan hak Orang Asal/Asli dari segi adat resam, kepercayaan, identiti serta kehidupan harian Orang Asal/Asli. Suruhanjaya mengiktiraf akan masalah hak Orang Asal/Asli yang semakin serius dan memutuskan agar Inkuiri Nasional berkaitan hak Orang Asal/Asli ke atas tanah adat mereka.

(b) Pendidikan Orang Asal

Orang Asal/Asli mempunyai hak dalam mendapat dan menguasai semua peringkat dan bentuk sistem pendidikan. Dalam hal ini, IPRC telah memulakan aktiviti untuk membincangkan cara komuniti Orang Asal/Asli dapat menyelaras perspektif dan bahasa ke dalam sistem pendidikan kebangsaan, serta menyediakan dan melindungi hak Orang Asal/Asli untuk menyalurkan pengetahuan kepada generasi masa depan. Usaha-usaha lanjut akan dibuat bagi mempromosikan cara pembelajaran Orang Asal/Asli yang sesuai dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka.

(c) Sistem Perundangan Orang Asal/Asli

IPRC telah memberi nasihat dan sokongan ke Pejabat Sabah perihal sistem perundangan Orang Asal/Asli termasuk aspek perundangan (adat resam Orang Asal/Asli), kehakiman dan prosedur. Pendekatan yang diambil untuk mengaitkan usaha kerajaan dan organisasi Orang Asal/Asli dalam memperteguhkan institusi Orang Asal/Asli seperti Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak. Proses kerjasama sebegini sedang dibentuk bagi menguatkan pluralisma perundangan di dua negeri ini.

Walaupun terdapat pengiktirafan pada Mahkamah Anak Negeri, pelbagai dugaan dihadapi dalam mengekalkan sistem perundangan tradisional. Cabaran dalam pelaksanaan pluralisma perundangan termasuk kegagalan pihak berkuasa perundangan utama menghormati tatacara majlis, ketua atau pemimpin Orang Asal/Asli ketika menguruskan perundangan dan pertikaian lain, atau kegagalan mengiktiraf keputusan sebagai tindakan kehakiman. Halangan lain termasuk sokongan pengurusan dan kewangan yang terhad daripada Kerajaan negeri; kekurangan peluang bagi membolehkan pemimpin-pemimpin masyarakat mengemaskini perundangan Orang Asal/Asli; dan kurang hormat terhadap sistem perundangan Orang Asal/Asli daripada sistem perundangan lain.

(d) Isu-isu Lain

Pendekatan umum dalam pelaksanaan yang diambil IPRC terhadap isu-isu Orang Asal/Asli yang lain, ialah mengadakan perundingan untuk mewujudkan situasi; memastikan kehendak dan tindakan dasar; dan merangka hasil dan syor Suruhanjaya. Hasil dan syor ini akan disampaikan kepada kementerian bersesuaian untuk mendapat pengiktirafan rasmi, dan bagi IPRC membuat tindakan susulan dengan pihak berkenaan. Isu-isu berkaitan pendidikan, kesihatan dan ekonomi Orang Asal/Asli juga akan melibatkan gesaan terhadap kerajaan supaya meratifikasikan Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan dalam memenuhi obligasi demi mencapai hasil yang bermakna.

Berkaitan dengan perundingan, usaha akan dilakukan untuk mengadakan perjumpaan dengan badan dan agensi Kerajaan yang relevan secara langsung dan mengundang mereka untuk perundingan bersama organisasi berkepentingan dengan badan-badan bukan Kerajaan dan pihak lain yang berkaitan. Perundingan sebegini amatlah penting untuk memupuk persefahaman di samping memperoleh maklumat penting berkenaan isu Orang Asal/Asli. Dengan adanya undang-undang dan dokumentasi yang memberi pengiktirafan kepada hak Orang Asal/Asli, isu pelaksanaan dasar kepada Orang Asal/Asli di Malaysia tidak perlu timbul. Langkah pertama untuk memelihara hak Orang Asal/Asli dari segi politik, ekonomi dan kebudayaan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada mereka sebagai orang pertama yang tinggal di tanah ini.

LAPORAN JAWATANKUASA INKUIRI NASIONAL

Tahun 2010 menyaksikan satu perkembangan positif apabila Suruhanjaya memutuskan, buat julung kalinya, untuk menjalankan satu Inkuiri Nasional (NI). Seajar dengan keputusan ini, Suruhanjaya turut menubuhkan Jawatankuasa Inkuiri Nasional yang dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan serta menjayakan Inkuiri Nasional.

Inkuiri Nasional adalah satu mekanisme yang digunakan bagi mencapai mandat Suruhanjaya untuk meneliti isu-isu hak asasi manusia dengan tujuan mencari penyelesaian secara sistemik. Dengan menggunakan pendekatan hak asasi manusia, Inkuiri Nasional membolehkan penelitian aduan yang lebih meluas berbanding aduan individu. Selain itu, ia merupakan satu mekanisme yang mempunyai dwi-fokus, iaitu memenuhi fungsi Suruhanjaya untuk menyiasat isu pelanggaran hak asasi dan mendidik masyarakat berhubung hak asasi manusia. Inkuiri Nasional yang efektif perlu disokong oleh perlaksanaan kuasa untuk mensapina saksi dan dokumen, dan menghasilkan laporan awam yang mengandungi cadangan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Inkuiri Nasional juga mempunyai manfaat pendidikan yang mampu mendidik orang awam dan semua pihak terlibat berhubung sesuatu isu dan dianggap lebih berkesan dalam menyiasat punca-punca sistemik pencabulan hak asasi manusia. Selain itu, besar kemungkinan titik paling utama Inkuiri Nasional ialah penyertaan meluas setiap orang yang terlibat dalam sesuatu isu. Dengan ini, semua perspektif dapat dikenalpasti bagi merumuskan cadangan-cadangan yang lebih komprehensif sama ada secara umum atau khusus untuk menangani isu dengan lebih berkesan.

Bukan semua isu hak asasi manusia mewajarkan proses Inkuiri Nasional. Pencabulan hak asasi manusia mestilah bersifat khusus - dengan asas meluas dan serius. Pencabulan perlu juga terdiri daripada satu corak bersejarah dan sistemik, serta memerlukan tindakan wajar oleh banyak pihak, bukan sahaja oleh Kerajaan. Inkuiri Nasional juga sesuai dalam situasi-situasi di mana tahap pengiktirafan politik dan awam adalah rendah.

1. INKUIRI NASIONAL BERHUBUNG HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI

(a) Objektif dan Terma Rujukan

Prihatin dengan peningkatan jumlah aduan yang diterima daripada komuniti Orang Asal/Asli, Suruhannya memutuskan untuk memfokuskan Inkuiri Nasional yang pertama kepada hak tanah Orang Asal/Asli dengan objektif-objektif berikut:

- Untuk menilai keadaan hak-hak tanah Orang Asal/Asli di Malaysia dan menilai kesan sosial, ekonomi, budaya dan politik daripada pengiktirafan atau sebaliknya terhadap Orang Asal/Asli.
- Untuk menentukan tahap hak tanah Orang Asal/Asli di Malaysia diiktiraf secara Perlembagaan, perundangan dan politik di Malaysia.
- Untuk menentukan tahap dan sifat halangan-halangan yang menjejaskan Orang Asal/Asli di Malaysia daripada menikmati hak-hak tanah mereka.
- Untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kefahaman di kalangan Orang Asal/Asli berkaitan pemilikan tanah serta isu-isu dan sistem berkaitan mereka.
- Untuk mendapatkan cadangan bagi membantu Kerajaan-kerajaan negeri dan persekutuan dan pihak berkepentingan lain dalam mencari penyelesaian, di mana sesuai, yang membolehkan Orang Asal/Asli mencapai hak-hak mereka terhadap tanah.

Bagi mencapai objektif-objektifnya, Inkuiri Nasional perlu memikul tugas-tugas berikut:

- (i) Memahami isu-isu berkaitan unsur-unsur pencabulan dalam menghalang, menahan hak-hak Orang Asal/Asli terhadap tanah adat mereka, termasuk kefahaman perspektif Orang Asal/Asli berkaitan pemilikan tanah adat;
- (ii) Mempelajari undang-undang dan peruntukan perundangan yang sesuai, serta polisi, amalan dan prosedur semasa pihak berkuasa dan individu-individu yang mencabuli hak-hak Orang Asal/Asli terhadap tanah;

- (iii) Menganalisis penghakiman dan keputusan yang diambil oleh Mahkamah apabila menangani isu-isu berkaitan perolehan tanah oleh pihak berkuasa negeri dan pampasan secukupnya diberikan, termasuk menangani isu-isu pada pemilikan bersifat perkauman dan hak-hak kolektif Orang Asal/Asli terhadap tanah;
- (iv) Mengkaji keberkesanan segala dasar, amalan, cadangan dan langkah-langkah khas yang telah dilaksanakan dalam menangani pencabulan hak-hak tanah Orang Asal/Asli;
- (v) Meneliti keberkesanan badan-badan dan/atau agensi-agensi berkaitan yang bertanggungjawab melindungi hak-hak Orang Asal/Asli dalam melaksanakan tugas masing-masing ke arah penyelesaian aduan-aduan berkenaan pencabulan hak-hak tanah yang diketengahkan oleh Orang Asal/Asli yang terlibat;
- (vi) Membuat cadangan berhubung terma dan syarat yang sesuai yang boleh digunapakai untuk mengiktiraf dan menganugerahkan tanah Orang Asal/Asli;
- (vii) Mempertimbangkan soal eksplorasi sumber dan pembangunan, dan mengesyorkan kaedah untuk menangani kebimbangan Orang Asal/Asli serta kaedah pembayaran pampasan yang bersesuaian kepada mereka dengan mengambilkira kesan pembangunan ke atas mereka.

(b) Metodologi

Suruhanjaya komited terhadap kaedah kerjasama dan perbincangan dalam mencari penyelesaian hak-hak tanah Orang Asal/Asli. Ia akan bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk mengenal pasti dan mewujudkan usaha-usaha praktikal yang akan menghasilkan peningkatan status pemilikan tanah Orang Asal/Asli Malaysia.

Bagi mencapai matlamat ini, Suruhanjaya telah memutuskan untuk menjalankan kajian mendalam ke atas undang-undang, amalan dan juga kes-kes perundangan berhubung hak tanah Orang Asal/Asli. Selain itu, kajian dan pengumpulan data dan maklumat, serta pemetaan kawasan Orang Asal/Asli juga akan dijalankan. Suruhanjaya juga telah bersetuju menjemput pihak-pihak berkepentingan untuk mengemukakan pandangan serta menyalurkan maklumat yang boleh membantu proses Inkuiri Nasional. Seterusnya, Suruhanjaya memutuskan untuk mengadakan konsultasi dengan agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan yang berkaitan, serta pendengaran awam yang merupakan komponen penting Inkuiri Nasional. Proses pendengaran awam akan membolehkan pihak berkepentingan menyuarakan pandangan serta bukti secara umum. Proses ini juga membolehkan Suruhanjaya memahami fakta penting serta membentuk siasatan Suruhanjaya.

Dalam menyempurnakan Inkuiri Nasional yang berkesan, Suruhanjaya menekankan aspek masa. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya telah memperuntukkan masa selama setahun setengah bagi menyempurnakan Inkuiri Nasional ini.

(c) Aktiviti Jawatankuasa Inkuiri Nasional

Menyedari bahawa kerjasama dengan semua pihak berkepentingan adalah penting, Suruhanjaya telah merangka sesi pengenalan mengenai Inkuiri Nasional, konsultasi, dialog dan pendengaran awam di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sesi pengenalan mengenai Inkuiri Nasional pertama telah diadakan di Miri, Sarawak pada 11 Disember yang dihadiri oleh wakil-wakil pertubuhan Orang Asal/Asli Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Suruhanjaya memaklumkan kepada peserta mengenai proses Inkuiri Nasional, objektif dan terma rujukannya serta menekankan pentingnya penyertaan dan kerjasama semua pihak terutamanya dalam menyalurkan maklumat berhubung isu hak tanah Orang Asal/Asli.

LAPORAN PEJABAT SABAH

1. ADUAN

Pada tahun ini Pejabat Suruhanjaya Sabah telah menerima 233 aduan berbanding 318 pada 2009. Aduan berkaitan isu tanah masih menjadi isu yang paling banyak diterima iaitu 92 (Jadual 1). Pejabat Sabah telah menyelesaikan 58 daripada aduan dan sedang menangani 133 aduan yang lain. Tiada tindakan lanjut diperlukan untuk baki 42 kes.

Jadual 1: Aduan diterima oleh Pejabat Sabah, 2010

NO	ADUAN / ISU	BILANGAN KES
1.	Isu Tanah	92
2.	MyKad/Sijil Lahir	56
3.	Penahanan Ahli Keluarga di Pusat Tahanan Sementara	22
4.	Kemudahan Awam	12
5.	Polis	9
6.	Permit Kerja	8
7.	Kes Mahkamah	7
8.	Gaji tidak dibayar/KWSP	7
9.	Kebajikan Masyarakat	6
10.	Tahanan bagi Tujuan Pencegahan	5
11.	Kemalangan di Tempat Kerja	3
12.	Pelesenan	3
13.	Pendidikan	2
14.	Permohonan Pengambilan Anak Angkat	2
	Jumlah	233

Meskipun majoriti aduan telah disampaikan melalui memorandum, surat, emel, telefon dan juga secara peribadi, namun terdapat juga aduan dibuat secara lisan dan bertulis semasa Sesi Bertemu Rakyat oleh Suruhanjaya dan sewaktu aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Biro Pengaduan Awam Kerajaan Negeri dan Persekutuan di daerah yang berlainan.

Daripada tujuh memorandum yang diterima, enam berkaitan hak tanah adat. Salah satu daripadanya, adalah daripada Gerakan Membantah Pembinaan Empangan Kaiduan, yang memohon siasatan daripada Suruhanjaya. Aduan lain adalah daripada Program Organisasi Kerjasama Komuniti (PACOS Trust) yang disampaikan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, menuntut tindakan terhadap Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan Pejabat Hasil Bumi kerana gagal menghadiri Seminar Geran Komunal yang dianjurkan oleh Pejabat Suruhanjaya Sabah.

Sebanyak 29 aduan yang dibuat secara perseorangan dan berkumpulan, mengenai pencerobohan tanah adat oleh Kerajaan Negeri dan pemaju-pemaju swasta untuk penanaman kelapa sawit dan getah. Ini mengakibatkan kemusnahan sumber-sumber asli yang menjejaskan kehidupan orang asal. Sebanyak 41 aduan kritikal berkaitan penghapusan hak tanah adat (NCR) disebabkan pewartaan bagi perlindungan kawasan untuk taman, pemuliharaan hidupan liar atau hutan simpan. Aduan lain membabitkan hal-hal prosedur, seperti kelambatan dalam proses permohonan tanah dan kesukaran mendapatkan tarikh untuk siasatan tanah daripada Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah.

Peningkatan jumlah aduan yang diterima adalah berkaitan pengasingan tanah-tanah adat untuk pembangunan projek seperti empangan atau perladangan. Pengemukakan aduan-aduan ini adalah disebabkan meningkatnya kesedaran masyarakat orang asal terhadap hak-hak mereka dan juga sistem informasi yang lebih mudah diakses. Tindakan dan penyelesaian pantas oleh pihak-pihak yang berkaitan adalah penting bagi mengelakkan implikasi kewangan yang tinggi dan kemungkinan masalah.

Penyelesaian untuk kes-kes tanah ini mengambil masa yang lama. Sepanjang tahun ini hanya dua kes berjaya diselesaikan. Disebabkan peratus penyelesaian yang rendah ini Suruhanjaya memandang serius dan akan mengadakan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Adat Orang Asal pada 2011.

Prosedur standard dalam menangani aduan-aduan ini memerlukan penghantaran surat kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan bagi mengetahui status tanah. Suruhanjaya mengesyorkan jabatan-jabatan terutama yang berkaitan Jabatan Tanah dan Ukur supaya menubuhkan sebuah unit khas untuk menangani masalah ini. Ini sekaligus membantu mempercepatkan tindakan lanjut dan maklum balas.

2. SIASATAN ADUAN-ADUAN

Sebagai maklum balas terhadap aduan yang diterima, lawatan siasatan membolehkan Pejabat Sabah mengesahkan situasi sebenar dan mengumpul lebih banyak maklumat. Empat lawatan telah dijalankan sepanjang tahun, dan siasatan bagi kes-kes ini masih diteruskan.

(a) Lawatan Siasatan ke Telupid

Lawatan mendapatkan fakta telah dijalankan pada 15 Julai di Kampung Lumou daerah Telupid, berdasarkan aduan daripada penduduk kampung mengenai syarikat swasta yang telah menceroboh tanah mereka. Suruhanjaya telah berjaya mendapat maklumat untuk memudahkan tindakan susulan dengan pihak berkuasa dan syarikat yang terlibat.

(b) Lawatan Siasatan ke Beluran

Lawatan ke Kampung Lipasu di daerah Beluran telah dijalankan pada 16 Julai selepas penduduk kampung mengadu mengenai pencerobohan ke atas tanah adat mereka. Masyarakat di situ mendakwa bahawa pada awal 2009 sebuah syarikat swasta telah mengambil alih kawasan tersebut.

(c) Lawatan Siasatan ke Pusat Tahanan Sementara, Kimanis

Melalui Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan dan Pejabat Sabah, Suruhanjaya telah mengadakan lawatan pada 6 September untuk memantau keadaan dan memastikan keselarian dengan standard hak-hak asasi manusia antarabangsa seperti Peraturan Standard Minimum Mengenai Layanan Terhadap Banduan. Beberapa isu dan syor telah dibuat oleh anggota Suruhanjaya secara langsung kepada Timbalan Pengarah Pasukan Petugas Khas dan Jabatan Imigresen semasa lawatan, termasuk perlunya perbincangan dengan organisasi tempatan bagi menyediakan pusat penjagaan kesihatan dan pendidikan kepada penduduk, menjelaskan prosedur untuk aduan yang disyaki, dan mempercepatkan proses pengusiran.

(d) Lawatan Siasatan ke Kota Belud

Aduan yang diterima adalah mengenai cadangan pembinaan empangan di Sungai Kadamaian, iaitu sungai utama di Kota Belud. Jika dibina empangan tersebut akan mengakibatkan banjir di empat kawasan perkampungan. Suruhanjaya memutuskan untuk menyiasat sama ada masyarakat sememangnya membantah pembinaan empangan, dan untuk mengesahkan sama ada mereka telah dirujuk atau sekurang-kurangnya menyediakan maklumat mengenai projek tersebut. Pada 1 Ogos, satu dialog telah dianjurkan bersama 200 penduduk Kampung Tombotuon. Lima belas wakil

penduduk termasuk golongan wanita, belia, pemimpin-pemimpin adat dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) telah memberikan maklumat. Mereka tetap dengan bantahan terhadap pembinaan empangan tersebut memandangkan mereka telah memiliki hak tanah adat di kawasan berkenaan. Didapati juga bahawa penduduk tidak diberikan maklumat yang tepat dan mendakwa mereka tidak dimaklumkan serta tidak pernah diminta untuk memberikan pendapat berkenaan projek itu.

Ketua Kampung Tombotuon, bersama 23 ketua kampung yang lain, telah disingkirkan akibat bantahan mereka terhadap cadangan pembinaan empangan tersebut. Walaupun tiada keputusan muktamad telah diambil, pemimpin-pemimpin politik, terutama anggota Dewan Undangan Negeri tetap menuntut untuk pelaksanaan projek tersebut. Menteri Persekutuan berkata empangan itu akan tetap dibina walaupun mendapat bantahan para penduduk. Suruhanjaya mengesyorkan kedua-dua Pihak Berkuasa Negeri dan Persekutuan mendapatkan persetujuan awal, memaklumkan kepada penduduk terbabit melalui perbincangan terbuka, serta memastikan impak pembinaan empangan tersebut terhadap mereka yang terbabit.

(e) Lawatan Siasatan ke Tenom

Seorang penduduk dari Kampung Bangkulin Baru telah menghantar memorandum mengenai dakwaan pencerobohan Jabatan Perhutanan Sabah dan Syarikat *Sabah Forest Industries* ke atas tanah adat mereka. Susulan itu, Jabatan Perhutanan telah menahan 13 penduduk kampung semasa mereka sedang menanam padi. Pada 13 Ogos, Pejabat Sabah telah mengadakan dialog bersama penduduk kampung yang terlibat. Dialog ini telah mendedahkan bahawa penduduk kampung sememangnya menentang kemasukan 2,000 ekar tanah adat ke dalam Hutan Simpan Kuala Tomani dan menentang pemberian 3,000 ekar kepada Syarikat *Sabah Forest Industries*.

Suruhanjaya telah menerima banyak aduan yang sama mengenai dakwaan pencerobohan ke atas hutan simpan. Justeru ia mengesyorkan Jabatan Perhutanan Sabah dan pihak berkuasa Negeri yang berkaitan menjalankan kajian mendalam mengenai pengekalan hutan simpan berkenaan, berdasarkan peruntukan Enakmen Perhutanan Sabah 1968 dan hak tanah adat Orang Asal.

3. ROAD SHOW HAK ASASI MANUSIA

Pejabat Sabah terus menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Biro Pengaduan Awam Persekutuan dan Negeri. Pada tahun ini, program telah dijalankan di Tamu (pasar tempatan) di daerah Sandakan, Kudat, Kuala Penyu, Tenom, Keningau, Tambunan, Papar, Beaufort dan Kota Belud. Aktiviti kerjasama sedemikian menguntungkan kedua-dua pihak dan memanfaatkan orang awam terutama mereka yang tidak mampu ke bandar membuat aduan. Pejabat Sabah menangani isu pencabulan hak asasi

manusia, manakala Biro Pengaduan Awam pula menangani aduan terhadap Kerajaan Persekutuan dan yang berkaitan. Di setiap lokasi, Ahli Parlimen tempatan dan Pegawai Daerah dijemput untuk turut serta bagi memudahkan orang ramai mengetahui peranan dan fungsi jabatan masing-masing. Para peserta biasanya termasuk pemimpin politik, ketua masyarakat, kakitangan awam, ketua dan wakil badan bukan Kerajaan, ketua daerah, ketua adat, ketua kampung, pengetua sekolah, guru, para pelajar dan orang ramai.

4. SESI BERTEMU ORANG RAMAI

Pejabat Sabah menganjurkan dua sesi bertemu orang ramai, dengan penyertaan daripada Biro Pengaduan Awam Negeri dan Persekutuan serta pelbagai jabatan di setiap daerah. Program ini telah dijalankan di daerah Semporna dan Penampang pada 27 Februari dan 30 September.



Sesi Bertemu Orang Ramai diadakan di tempat-tempat awam bagi membolehkan orang ramai menyampaikan aduan kepada Suruhanjaya. Sesi ini dijalankan di daerah Penampang berdekatan Tamu Donggongan

Di Semporna, 500 orang telah hadir di pusat komuniti. Pegawai daerah telah menyampaikan ucapan pembukaan dan memberikan maklum balas kepada masalah, isu dan persoalan yang dikemukakan peserta. Ia berkaitan kekurangan maklum balas daripada pejabat tanah terhadap permohonan tanah, proses permohonan yang terlalu lama, kemudahan awam seperti jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air serta keadaan sekolah yang tidak memuaskan.

Di Penampang, program yang dianjurkan telah menarik 300 orang pengunjung ke Buhavan Square dan Pekan Donggongan. Sesi yang dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Daerah Penampang telah menerima penyertaan 26 wakil daripada jabatan/agensi/badan bukan Kerajaan dan peguam. Satu persetujuan awal telah dicapai di kalangan pelbagai jabatan termasuk Biro Pengaduan Awam Persekutuan dan Negeri untuk mengadakan pertemuan susulan bagi menyelaraskan penyelesaian masalah yang dibangkitkan.

5. BENGKEL AWAM/FORUM/SEMINAR

(a) Bengkel untuk Orang Asal dan Pembuat Keputusan

Bengkel dalaman ini telah dianjurkan pada 2 Ogos untuk mempromosikan perspektif hak Orang Asal. Ia menyentuh pelbagai isu yang berkaitan dengan membuat keputusan termasuk dalam rangka kerja peringkat antarabangsa, proses dan institusi dalaman Orang Asal serta penyertaan politik dan penyertaan secara langsung dan tidak langsung dalam Kerajaan. Bengkel separuh hari ini telah menarik 35 wakil termasuk daripada Kerajaan, firma guaman, badan bukan Kerajaan, dan media.

(b) Seminar dan Forum berkaitan Sistem Perundangan Orang Asal di Sabah

Sistem perundangan di Sabah, dengan Mahkamah Anak Negeri sebagai salah satu daripada tiga sistem kehakimannya telah memberikan peluang yang penting kepada masyarakat Orang Asal dalam memastikan hak mereka untuk menyertai dan memutuskan masa depan undang-undang adat, iaitu aspek penting dalam kehidupan masyarakat Orang Asal. Forum pada 12 Oktober merupakan susulan kepada seminar mengenai isu yang sama yang dianjurkan pada Ogos. Sebagai persediaan forum, pejabat Suruhanjaya Sabah telah menganjurkan dialog bersama empat Mahkamah Anak Negeri di Kota Kinabalu, Penampang, Putatan dan Papar serta mesyuarat susulan bersama dua wakil penting yang terlibat dalam mempromosi Mahkamah Anak Negeri.

Pelbagai isu telah dibincangkan dalam forum ini yang bersesuaian dengan usaha meningkatkan peranan Mahkamah Anak Negeri, termasuk kajian semula terhadap bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri, Undang-undang Anak Negeri dan kemudahan atau infrastruktur Mahkamah Anak Negeri, serta cadangan mewujudkan Jabatan Kehakiman Mahkamah Anak Negeri. Antara isu penting lain yang dibangkitkan ialah tentang bagaimana komuniti dan Ketua Kampung dapat menaikkan semula Sistem Kehakiman Adat dan bagaimana Mahkamah Anak Negeri boleh memberikan nasihat untuk usaha sedemikian.

Selain itu, forum ini turut menyentuh isu pemilihan Ketua Kampung, Ketua Daerah dan Ketua Anak Negeri yang dikatakan tidak adil, terutamanya oleh anak-anak Negeri yang mengharapkan keadilan diagihkan dengan saksama. Perlantikan Ketua Daerah dan Ketua Anak Negeri dilihat sebagai satu daripada kebebasan Mahkamah Anak Negeri.



Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam merasmikan forum, dengan penekanan terhadap kepentingan Mahkamah Anak Negeri dalam memberikan akses kepada keadilan di kalangan masyarakat Orang Asal

Syor utama yang dikemukakan Suruhanjaya ialah kewujudan kriteria dan proses pemilihan untuk kedua-dua jawatan penting ini yang perlu bebas daripada campur tangan politik. Forum ini menggesa penyertaan secara meluas daripada kakitangan Mahkamah Anak Negeri serta pihak-pihak yang berminat dalam kajian semula terhadap Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992, serta Peraturan 1995, yang melibatkan Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Peguam Besar Negeri. Penglibatan ini tidak hanya di peringkat akhir kajian, tetapi sepanjang kajian dijalankan walaupun ianya mungkin akan memakan masa yang lama. Syor lain ialah untuk menubuhkan Jabatan Perundangan Mahkamah Anak Negeri.

Bengkel susulan disyorkan supaya hasil penyelesaian forum dapat disalurkan dan untuk mengumpul semula maklum balas daripada Mahkamah Anak Negeri, Ketua Kampung, badan-badan bukan Kerajaan dan jabatan-jabatan yang berkaitan. Aktiviti yang serupa juga akan diadakan di Semenanjung Malaysia untuk Orang Asli, di mana sistem keadilan tradisional mereka tidak mendapat pengiktirafan perundangan.

(c) Seminar Geran Komunal

Peruntukan Geran Komunal dalam Ordinan Tanah Negeri Sabah 1930 dianggap sebagai satu usaha positif dalam menyelesaikan banyak isu dan cabaran berkaitan Tanah Adat yang dihadapi oleh Orang Asal Sabah. Walau bagaimanapun, pindaan terhadap Seksyen 76 Ordinan Tanah telah menimbulkan pelbagai persoalan dan aduan mengenai pencabulan ke atas hak-hak tanah adat Orang Asal. Lebih banyak pertanyaan dikemukakan disebabkan pengenalan kepada *Fast Track Land Alienation*. Program ini diadakan di bawah Geran Komunal iaitu satu usahasama antara pihak syarikat berkaitan dengan penduduk kampung untuk pemberian Geran Komunal.

Sebagai persediaan seminar, Pejabat Sabah telah menghubungi Jabatan Tanah dan Ukur Sabah di tiga daerah dan bertemu serta berbincang dengan komuniti yang dimaklumkan akan mendapat Geran Komunal. Seminar yang diadakan pada 28 Oktober itu adalah bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang baik antara komuniti dan Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah melalui dialog. Walau bagaimanapun, tiada wakil daripada Jabatan Tanah dan Ukur yang hadir di seminar tersebut.

Seminar ini telah menyimpulkan bahawa isu tanah di Sabah adalah sukar lagi rumit dan pengeluaran Geran Komunal dengan syarat bekerjasama seperti *Fast Track Land Alienation* yang dibuat tanpa persetujuan masyarakat Orang Asal terlibat, telah menimbulkan persoalan mengenai niat sebenar Kerajaan dalam mengeluarkan geran berkenaan. Pengiktirafan terhadap hak tanah adat adalah termaktub dalam perlembagaan dan juga Perkara 26¹ Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Para peserta seminar telah mencadangkan kepada Jabatan Tanah dan Ukur untuk mengadakan mesyuarat susulan berkaitan Geran Komunal ini, dan kepada Suruhanjaya supaya mengkaji impak isu ini kepada hak tanah adat dalam Inkuiri Nasional yang akan diadakan nanti, dan seterusnya menggesa Kerajaan agar menghentikan skim (Geran komunal dan *Fast Track Land Alienation*) ini sehingga maklum balas dan persetujuan komuniti diperolehi.

¹ Artikel 26

1. Setiap orang mempunyai hak kepada pendidikan. Pendidikan hendaklah diberikan percuma, sekurang-kurangnya pada peringkat awal dan asas. Pendidikan peringkat awal hendaklah diwajibkan. Pendidikan teknikal serta profesional hendaklah disediakan untuk umum dan pendidikan tinggi hendaklah mempunyai akses yang sama rata kepada semua orang atas dasar kebolehan.

2. Pendidikan hendaklah ditujukan kepada perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan ke arah memperkukuhkan lagi rasa hormat bagi hak-hak dan kebebasan asasi manusia, ianya hendaklah memupuk persefahaman, toleransi dan persahabatan dikalangan semua negara, bangsa atau kumpulan-kumpulan agama, dan hendaklah memajukan segala kegiatan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tujuan memelihara keamanan.

3. Ibu-bapa mempunyai hak terdahulu untuk memilih bentuk pendidikan yang akan diberikan kepada anak-anak mereka.



Lawatan dan temubual dengan penduduk Kampung Korolok, Tenom

(d) Bengkel Pendidikan Orang Asal

Menyedari pendidikan Orang Asal di Sabah memerlukan perhatian dan pemahaman, Pejabat Sabah menganjurkan satu bengkel bertujuan untuk menentukan perspektif dari wakil-wakil badan bukan Kerajaan dan Kerajaan serta Orang Asal. Seramai 90 peserta telah menyedari bagaimana Orang Asal boleh mencapai hak mereka kepada pendidikan. Contoh usaha individu dan kumpulan seperti *Kadazan Dusun Language Foundation* dan Program Organisasi Kerjasama Komuniti (PACOS Trust) turut memberikan maklumat penting tentang pengenalan pendidikan bahasa ibunda dan pemindahan antara-generasi pengetahuan masyarakat Orang Asal melalui pusat-pusat pembelajaran komuniti masing-masing. Bengkel tersebut telah mengemukakan beberapa cadangan, termasuk daripada Jabatan Pelajaran Sabah, bagaimana mencapai kurikulum yang bersesuaian dengan budaya Orang Asal dengan memperkenalkan subjek vokasional yang berasaskan kegiatan ekonomi masyarakat Orang Asal.

Bengkel turut mengesyorkan Jabatan Pelajaran dan kementerian berkaitan supaya berusaha ke arah pengiktirafan cara pembelajaran tradisi dan institusi yang menyumbangkan kepadanya. Usaha-usaha untuk memperkenalkan perspektif adat dalam sistem pendidikan kebangsaan dihalang disebabkan kurang pemahaman mengenainya oleh Kerajaan dan juga tiada perbincangan antara pendidikan tradisional dan sistem pendidikan kebangsaan. Masalah lain yang dibangkitkan dalam bengkel adalah berhubung dengan diskriminasi, kekurangan kemudahan dan perbelanjaan awam, khususnya di kawasan luar bandar yang menempatkan sebahagian besar masyarakat asal. Menginstitusikan perkhidmatan pendidikan dan kawalan ketat oleh Kerajaan juga tidak memberikan banyak ruang untuk badan bukan Kerajaan dan komuniti memperbanyakkan sumbangan dalam sistem pendidikan orang asal – juga patut dikaji semula.

6. AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

(a) Mesyuarat dengan Kesatuan Sekerja

Pada 20 Mac, Pejabat Sabah menganjurkan satu dialog dengan Kesatuan Sekerja yang dihadiri seramai 30 peserta, terdiri daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Kesatuan Bank-Bank dan Kesatuan Sekerja Perakayuan Malaysia di Sabah. Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah keperluan untuk memberikan keutamaan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dalam setiap sektor, menaikkan gaji minimum kepada RM1,000.00 dalam kes di Sabah kerana kebanyakan pekerja menerima gaji bulanan di bawah garis kemiskinan persekutuan. Gaji tersebut dilaporkan tidak mampu menampung kos sara hidup harian dan keluarga mereka.

(b) Dialog dengan Badan-badan Bukan Kerajaan

Dialog ini telah diadakan pada 5 Ogos, memberi peluang kepada 18 wakil badan-badan bukan Kerajaan utama untuk bertemu dengan anggota Suruhanjaya. Mereka telah diberikan perkembangan terkini mengenai aktiviti Suruhanjaya dan peluang untuk membincangkan kerjasama dengan lebih lanjut. Antara keputusan dialog ialah komitmen oleh badan bukan Kerajaan untuk menyertai program yang bakal dianjurkan oleh Suruhanjaya. Wakil badan-badan bukan Kerajaan juga menyarankan tentang isu-isu penting lain di Sabah kepada Suruhanjaya, dan keperluan untuk bekerjasama memandangkan harapan tinggi daripada orang ramai serta kekurangan sumber yang dihadapi badan-badan bukan Kerajaan tersebut dan Suruhanjaya.

(c) Sambutan Hari Orang Asal Sedunia

Pada bulan September, Pejabat Sabah telah menyertai usahasama antara PACOS Trust, Jaringan Orang Asal SeMalaysia dan Pertubuhan Masyarakat di Ranau sempena Hari Orang Asal Sedunia. Acara ini diadakan dari 15 – 17 September di Nunuk Ragang, Ranau. Pejabat Sabah telah membuka kaunter informasi, penerimaan aduan, membuat pembentangan dan bantuan dari segi logistik. Suruhanjaya mengesyorkan Kerajaan supaya turut serta dalam sambutan ini pada masa akan datang bagi memupuk kefahaman dan memberikan sokongan kepada Orang Asal.

(d) Pendidikan Hak Asasi Manusia

Pejabat Sabah juga telah bekerjasama dengan Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi memberi latihan mengenai hak asasi manusia untuk ahli-ahli baru Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA). Enam sesi latihan telah diadakan melibatkan modul selama tiga jam mengenai hak asasi manusia. Latihan ini diterima baik oleh peserta di mana banyak soalan dibangkitkan.



Latihan untuk ahli-ahli RELA telah mendapat sambutan baik

Atas permintaan Gereja Protestan Papar, pada 8 Jun, Pejabat Sabah telah mengadakan ceramah pendidikan hak asasi manusia.

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

Masih banyak usaha yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia, terutamanya bagi penduduk di kawasan pedalaman, memandangkan ramai yang tidak sedar mengenai kewujudan, fungsi serta peranan Pejabat Suruhanjaya Sarawak. Oleh itu, fokus utama Pejabat Suruhanjaya Sarawak adalah meneruskan aktiviti *road show* dan ceramah bagi menyebarkan maklumat mengenai peranan dan fungsinya kepada orang ramai.

Pada masa yang sama, Pejabat Sarawak meneruskan peranan utamanya menerima, menyiasat dan menyelesaikan aduan-aduan yang telah dikemukakan kepadanya. Isu utama aduan melibatkan dakwaan pencerobohan atau pengambilalihan tanah adat tanpa pengetahuan atau persetujuan mereka. Pampasan yang diberikan adalah tidak mencukupi.

1. TINDAKAN TERHADAP ADUAN

Pejabat Sarawak telah menerima 51 aduan dan 27 daripadanya berkaitan tanah. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah dakwaan kegagalan Kerajaan Negeri mengiktiraf tanah adat dan kegagalan memberikan hak milik kepada pemilik tanah. Terdapat juga dakwaan bahawa adanya syarikat pembalakan yang telah mencabul hak tanah adat mereka.

Aduan-aduan lain adalah berkaitan penderaan fizikal oleh pihak polis dan penyalahgunaan kuasa serta masalah berkaitan upah dan gaji pekerja dan kesukaran mendapatkan dokumen pengenalan diri. (Jadual 1)



Salah satu memorandum diterima Pejabat Sarawak

Jadual 1: Aduan yang diterima Pejabat Sarawak, 2010

NO.	JENIS ADUAN	JUMLAH KES
1.	Hak Tanah Adat	27
2.	Polis	11
3.	Pekerjaan	4
4.	Dokumen Pengenalan Diri	2
5.	Pendidikan	1
6.	Lain-lain	6
	Jumlah	51

Pejabat Sarawak berjaya menyelesaikan 20 kes dengan kerjasama jabatan-jabatan Kerajaan dan badan bukan Kerajaan (NGO). Sebanyak 12 kes didapati tiada kaitan dengan hak asasi manusia justeru tidak perlu diambil tindakan. Baki 19 kes telahpun disalurkan kepada pihak-pihak berkaitan untuk tindakan.

2. PERBINCANGAN MEJA BULAT

(a) Kemudahan Air Bersih

Perbincangan Meja Bulat (PMB) telah diadakan pada 28 Januari di Kuching. Objektif utama PMB adalah untuk membincangkan akses kepada air sebagai hak asasi manusia; mendapatkan pandangan mengenai akses kepada air di Sarawak; mengenali faktor dan cabaran bagi memperbaiki bekalan air bersih dan percuma di Sarawak.

PMB tersebut telah dihadiri oleh 76 peserta terdiri daripada ketua masyarakat, pegawai jabatan Kerajaan, ketua masyarakat dan ahli akademik. Penceramah mewakili Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Lembaga Alam Sekitar dan Sumber Asli (NREB), Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Kementerian Wilayah dan Luar Bandar telah membentangkan kertas kerja masing-masing.

Di negeri membangun seperti Sarawak, bekalan dan pengagihan air bersih kepada penduduk setempat masih di tahap yang rendah. Penduduk di kawasan pedalaman dan pantai masih bergantung kepada air telaga, air sungai dan air hujan sebagai sumber air harian mereka. Bagaimanapun, kegiatan pembalakan dan perladangan berskala besar telah mencemari kebanyakan sungai. Oleh yang demikian anggota-anggota Suruhanjaya telah menjelaskan bahawa sebagai pembuat dasar dan pemelihara sumber asli, Kerajaan Negeri hendaklah memastikan bekalan dan pengagihan air bersih kepada penduduk.

Penceramah lain menekankan tentang perspektif hak asasi manusia dan persekitaran, terutama berkaitan pengawalan sumber air dan peranan agensi-agensi persekutuan dan negeri. Pemimpin-pemimpin masyarakat dari Kampung Salak, Longa Banga, Mukah dan Song turut berkongsi pengalaman mereka.

Isu-isu daripada Peserta

- (i) Bekalan air perlu menepati kehendak penduduk.
- (ii) Dalam usaha memperluaskan bekalan air, keutamaan hendaklah diberikan kepada masyarakat yang belum mendapat bekalan air hingga kini.
- (iii) Penguatkuasaan perlu ditingkatkan bagi memastikan agar air tidak dicemari oleh aktiviti perdagangan atau pertanian.
- (iv) Zon selamat hendaklah diwujudkan di sekitar kawasan tadahan air.
- (v) Aktiviti-aktiviti pembangunan harus selari dengan peraturan dan undang-undang berkaitan.
- (vi) Masyarakat dan pihak berkaitan yang diketepikan dalam perbincangan berkaitan pembangunan, harus dirunding apabila aktiviti perdagangan melibatkan tanah mereka.
- (vii) Ketua masyarakat harus diberikan peranan lebih luas dan kuasa yang lebih dalam membuat keputusan apabila berlaku aktiviti pembangunan di kawasan mereka.

Syor Ahli Panel dan Peserta

- 1. Membekalkan air bersih ke kawasan luar bandar.
- 2. Mengadakan dialog terbuka antara pihak berkepentingan dengan penduduk setempat mengenai cabaran sektor kelapa sawit.
- 3. Mewajibkan penyertaan masyarakat awam dalam Proses Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar.
- 4. Meningkatkan penyebaran maklumat dan ketelusan dalam pentadbiran tanah dan perhutanan, contohnya, pemberian konsesi perladangan.
- 5. Syarikat perladangan memantau operasi syarikat agar selari dengan undang-undang.

(b) Persatuan Pembalakan Sarawak

Lanjutan daripada aduan mengenai dakwaan bahawa syarikat pembalakan telah menceroboh hak tanah adat bumiputera, Suruhanjaya telah mengadakan perbincangan meja bulat pada 23 Mac. Objektif perbincangan adalah untuk mempromosi dialog di antara Persatuan Pembalakan Sarawak (STA) dan Orang Asal.

Perbincangan telah mengenalpasti perbezaan persepsi antara STA dengan masyarakat Orang Asal mengenai amalan adat dan tradisi oleh Orang Asal ke atas tanah mereka dan interpretasi peruntukan Kanun Tanah Sarawak 1958 ke atas Hak Tanah Adat Bumiputera.

Contohnya, pemilikan tanah secara tradisi dilaksanakan melalui amalan "molong", dan "tanah mengurip" seperti yang diamalkan oleh kaum Penan, dan "pemakai menoa" dan "pulau galau" oleh kaum Iban. Walau bagaimanapun, amalan-amalan tradisi masyarakat Orang Asal ini tidak diiktiraf oleh Kanun Tanah Sarawak 1958.

Isu-isu daripada Peserta

- (i) Kerajaan Negeri wajar menerimapakai satu mekanisme bagi memastikannya selari dengan standard hak asasi manusia antarabangsa seperti yang dinyatakan dalam Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Hak Orang Asal dan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 169.
- (ii) Perlu ada sempadan yang jelas di antara tanah Kerajaan Negeri dan tanah adat.
- (iii) Pengiktirafan undang-undang oleh Kerajaan Negeri ke atas amalan "temoda" dan "pemakai menoa".
- (iv) Kerajaan Negeri perlu memberi pertimbangan adakah hak tanah adat Bumiputera dikecualikan daripada pajakan sementara yang dikeluarkan kepada industri.
- (v) Industri perlu lebih reseptif terhadap dialog berhubung isu tanah.

Syor-syor Suruhanjaya

1. Dialog yang berterusan wajar diadakan di antara ahli-ahli STA, industri dan penduduk tempatan yang tanah atau hak mereka terjejas.
2. Meminda peruntukan yang berkaitan dalam Kanun Tanah Sarawak untuk mengiktiraf kaedah hak pemilikan tanah oleh Orang Asal.

3. Kerajaan Negeri hendaklah menjalankan tinjauan parameter untuk memastikan sempadan yang jelas bagi Rizab Komunal Orang Asal.
4. Kerajaan Negeri perlu memberi geran tanah di bawah peruntukan Kanun Tanah Sarawak ke atas pemilik tanah adat Bumiputera yang tinggal di pedalaman.

3. KUNJUNGAN HORMAT

Suruhanjaya telah mengadakan beberapa kunjungan hormat ke agensi-agensi Kerajaan untuk mewujudkan kerjasama. Semasa kunjungan ini, Suruhanjaya telah menerangkan tentang peranannya, memaklumkan perkembangan terkini aktivitiya dan meningkatkan kerjasama tentang perkara-perkara kepentingan bersama.

Jadual 2: Kunjungan Hormat oleh Anggota Suruhanjaya

KUNJUNGAN	TARIKH	KEHADIRAN
Setiausaha Kerajaan Negeri	14 Januari	Dr Mohd Hirman Ritom
Kementerian Kemudahan Awam Sarawak	18 Januari	Dr Mohd Hirman Ritom
Setiausaha Kerajaan Persekutuan	20 Julai	Encik Detta Samen
Pengarah Penjara Negeri	12 Ogos	Encik Detta Samen
Pesuruhjaya Polis Negeri	17 Ogos	Encik Detta Samen
Jabatan Imigresen Negeri	15 Oktober	Encik Detta Samen



Anggota Suruhanjaya memberi penerangan kepada Setiausaha Persekutuan, Datuk Mohd Yahya Basimin mengenai aktiviti Suruhanjaya

Pada 14 September, Encik Detta Samen telah dijemput oleh Yang Arif Ketua Hakim Sabah dan Sarawak untuk menghadiri jamuan makan malam serta ceramah yang disampaikan oleh Yang Arif Ketua Hakim Papua New Guinea mengenai isu tanah adat di Papua New Guinea dan cara penyelesaian yang dilakukan melalui Mahkamah. Yang Arif Ketua Hakim Papua New Guinea turut memaklumkan kuasa mahkamah di sana dalam mengendali kes-kes hak asasi manusia.

Pada 15 Oktober, Pejabat Suruhanjaya Sarawak menerima kunjungan rasmi Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Bond, Australia. Suruhanjaya telah memberi taklimat mengenai peranan dan fungsi Suruhanjaya, cabaran dan pencapaiannya hingga kini.

4. JAMUAN/CERAMAH TENGAHARI

Tiga jamuan/ceramah tengahari telah diadakan iaitu bersama Persatuan Peguambela Sarawak (26 Januari), Organisasi Wanita (23 Februari) dan Organisasi berasaskan Komuniti (23 Julai). Dr Mohd Hirman Ritom telah menyampaikan ucapan aluan Suruhanjaya pada jamuan/ceramah pertama dan kedua, manakala Encik Detta Samen pada jamuan/ceramah ketiga.



Jamuan/Ceramah tengahari bersama wakil Organisasi berasaskan Komuniti dalam mempromosi hak asasi manusia

5. ROAD SHOW

Pejabat Suruhanjaya Sarawak telah menganjurkan dialog dengan kerjasama Pejabat Daerah di Song, Kapit pada 28 Oktober. Para peserta terdiri daripada kakitangan Kerajaan dan bukan Kerajaan, ahli persatuan politik, ketua masyarakat dan pelajar.

Anggota Suruhanjaya, Encik Detta Samen telah memberikan ceramah mengenai fungsi dan peranan Suruhanjaya dalam mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia.

Isu daripada peserta

- (i) Kerajaan Negeri enggan memberikan hak milik tanah adat yang diduduki oleh Orang Asal.
- (ii) Isu mengenai pampasan, sama ada tiada pampasan diberikan, pampasan tidak mencukupi atau kelewatan dalam pembayaran pampasan ke atas tanah yang diperolehi bagi tujuan pembangunan oleh syarikat swasta atau agensi Kerajaan.
- (iii) Kekurangan aktiviti ekonomi atau akses kepada faedah daripada projek-projek pembangunan.
- (iv) Kekurangan kemudahan untuk ibu tunggal, rakyat miskin, orang kelainan upaya dan warga emas.
- (v) Kelewatan dalam pemprosesan geran tanah yang dipohon oleh orang awam.
- (vi) Ketidakpuasan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh majlis tempatan, penjawat awam dan sesetengah wakil rakyat.
- (vii) Elaun untuk pesara tentera wajar disemak semula, kerana ia tidak mencukupi

Pada 8 November, Encik Detta Samen telah memberi ceramah mengenai hak asasi manusia kepada kakitangan siasatan jenayah Sarawak, dengan menekankan unsur-unsur yang perlu dipatuhi polis semasa menjalankan tugas.

6. LAWATAN

Suruhanjaya telah mengadakan dua lawatan, iaitu ke sekolah pemulihan akhlak dan pusat perlindungan kanak-kanak.

(a) Lawatan ke Sekolah Tunas Bakti, Kuching

Pada 19 Januari, lawatan ke Sekolah Tunas Bakti (STB) telah diadakan, lanjutan daripada aduan yang diterima pada 18 Oktober 2009. Aduan tersebut telah difailkan oleh ibu bapa pelatih yang mendakwa anak mereka telah diserang/didera dan dilayan dengan teruk oleh jurulatih sekolah.

Pengetuanya, Encik Mohd Che Azman telah menyangkal aduan-aduan tersebut, dan menjelaskan:

- Jadual harian yang merangkumi aktiviti fizikal dan rohani.
- Guru-guru yang ditempatkan di setiap bengkel memberi komitmen yang sepenuhnya.
- Persekitaran yang bersih.
- Kemudahan untuk pelatih menunaikan amalan agama masing-masing disediakan.

Syor-syor Suruhanjaya

1. Meningkatkan tahap keselamatan bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini, memandangkan STB terletak berdekatan kawasan perumahan.
2. Menambah bilangan pegawai dan kakitangan kerana nisbah pegawai dan kakitangan dengan pelatih pada masa kini adalah 3 jurulatih : 80 pelatih.

(b) Lawatan ke Taman Seri Puteri, Kuching

Suruhanjaya telah melawat Pusat Perlindungan Kanak-Kanak untuk meninjau persekitaran dan kemudahan yang disediakan selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Pemangku Pengetua, telah memberi taklimat dengan menarik perhatian bahawa:

- Kanak-kanak bebas untuk meraikan perayaan masing-masing

- Kanak-kanak bebas mempraktikkan agama masing-masing dan untuk tujuan ini kemudahan disediakan.
- Kurikulum akademik harus boleh diperbaiki.
- Mengambil kira masa depan mereka yang mencapai umur 18 tahun, termasuk memindahkan mereka ke institusi lain.

Suruhanjaya juga telah mencadangkan kepada Jabatan Pelajaran supaya menempatkan lebih ramai guru terlatih di pusat perlindungan kanak-kanak ini.

7. PERJUMPAAN DENGAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

Pada 19 Januari, Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan dengan Ketua Polis Balai (OSC), Kota Samarahan. Anggota Suruhanjaya, Dato' N Siva Subramaniam menjelaskan tujuan lawatan dan perjumpaan itu ialah untuk menyiasat kesahihan aduan yang dibuat oleh beberapa individu mendakwa bahawa anak-anak mereka dizalimi semasa dalam tahanan.

Dakwaan tersebut telah disangkal oleh Ketua Polis Balai dan memaklumkan bahawa ahli keluarga tidak dibenarkan melawat semasa tempoh reman. Ini adalah mengikut prosedur undang-undang, agar tidak mengganggu proses penyiasatan.



LAMPIRAN



PIAGAM SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

MUKADIMAH

SUHAKAM, Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan ini telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597), dengan mematuhi Prinsip-Prinsip Paris Mengenai Status Institusi Kebangsaan 1993:

MEMPERTEGASKAN mandatnya untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia,

BERPEGANG kepada Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948, setakat mana tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan,

MENGIKTIRAF wujudnya kepelbagaian budaya, agama dan nilai moral di dalam sebuah masyarakat majmuk,

MENGIKTIRAF bahawa hak asasi manusia akan terus diperkembangkan secara sejagat,

DENGAN INI MENGISYTIHAR:

Tanggungjawab berkanun SUHAKAM adalah:

- Untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan mengenai hak asasi manusia;
- Untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam menggubal perundangan dan prosedur dan mengesyorkan langkah-langkah sesuai yang perlu diambil;
- Untuk mengesyorkan kepada Kerajaan tentang penandatanganan atau penyertaan dalam triti dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia;
- Untuk menyiasat aduan-aduan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia.

SUHAKAM harus memenuhi tanggungjawab tersebut di atas dengan:

- Memupuk kesedaran mengenai hak asasi manusia dan menjalankan penyelidikan serta mengendalikan program, seminar dan bengkel untuk menyebarluaskan dan mengedarkan hasil penyelidikan itu;
- Menasihati Kerajaan dan/atau pihak berkuasa berhubung aduan-aduan terhadap mereka dan mencadangkan langkah-langkah yang sesuai diambil;
- Menyiasat dan menentusahkan sebarang pelanggaran hak asasi manusia;
- Bekerjasama dengan pertubuhan masyarakat madani dan pembela hak asasi manusia demi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia;
- Menjalankan Siasatan Awam ke atas kes pelanggaran hak asasi manusia yang besar;
- Melawat tempat-tempat tahanan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang berkaitan tempat-tempat tahanan dan untuk membuat syor yang perlu;
- Mengeluarkan kenyataan awam mengenai hak asasi manusia sekiranya difikirkan perlu;
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti bersesuaian yang difikirkan perlu.

Pembangunan pelan tindakan strategik tahunan dalam bidang-bidang teras berikut:

- Menerapkan nilai-nilai hak asasi manusia di kalangan rakyat Malaysia;
- Mempromosi dan melindungi Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan serta Hak Sipil dan Politik;
- Sokongan dan pemantauan ke atas ratifikasi, penyertaan dan pelaksanaan triti hak asasi manusia antarabangsa oleh Negara;
- Sokongan dan syor-syor untuk meminda atau memansuh undang-undang yang bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia.

Rangkakerja operasi SUHAKAM berpandu kepada nilai-nilai asas berikut:

Horat

Menghormati perbezaan budaya, agama dan sensitiviti sosial dengan mengambil kira hak dan tanggungjawab negara seperti termaktub dalam Perkara 29, UDHR.

Kebebasan

Menekankan kebebasan dalam menjalani fungsi-fungsinya yang berhubungan dengan cabang-cabang perundangan, kehakiman dan eksekutif Kerajaan.

Integriti

Memastikan Suruhanjaya dan ahlinya beroperasi di tahap tertinggi dari segi integriti, tanggungjawab dan akauntabiliti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Perhubungan

Meningkatkan perhubungan dengan semua pihak yang berkepentingan, termasuk pihak Kerajaan, pertubuhan masyarakat madani, jaringan serantau dan antarabangsa serta badan-badan dan mekanisme hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kecekapan

Bertindak serta-merta ke atas aduan-aduan awam melalui bantuan aktif untuk menyelesaikan kesukaran berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan sedia ada.

Keterbukaan

Memelihara ketelusan dan menyediakan kaedah yang mencukupi untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan orang ramai.

Pembangunan Keupayaan

Mengiktiraf nilai sumber manusia dan kepentingan pembangunan keupayaan yang berterusan kepada ahli-ahli dan kakitangan Suruhanjaya serta pihak-pihak yang berkepentingan lain.

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2010

BIL.	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1.	12 Jan	<i>Fundamental Rights To Freedom Of Religion</i>	137
2.	25 Jan	<i>SUHAKAM Retains Its Status 'A'</i>	138
3.	29 April	<i>Public Can Still Lodge Human Rights Complaints</i>	140
4.	24 Jun	<i>Arbitrary Detention is an Infringement of Human Rights</i>	141
5.	7 Julai	<i>SUHAKAM Urges Respect for Freedom of Media</i>	143
6.	21 Julai	<i>The Rights of the Indigenous Peoples to Life, Physical and Mental Integrity and Security Should be Upheld</i>	144
7.	3 Ogos	<i>Inability to Assemble Peacefully is a Violation of Human Rights</i>	146
8.	8 Sept	<i>Press Statement to Commemorate SUHAKAM Day, 9 September: Human Rights in Malaysia and Moving Forward</i>	148
9.	25 Okt	Pilihanraya Kecil di Galas: SUHAKAM Lancar Kaunter Aduan Bergerak	151
10.	27 Okt	SUHAKAM Gesa Kerajaan Hentikan Penahanan Suspek Pemerdagangan Orang di Bawah ISA	153
11.	8 Dis	<i>Rights to Peaceful Assembly and Freedom of Expression are Fundamental Human Rights Principles</i>	154
12.	10 Dis	<i>Press Statement to Commemorate Human Rights Day 10 December: Human Rights Defenders Who Act to End Discrimination</i>	156



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA **HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA**

FUNDAMENTAL RIGHTS TO FREEDOM OF RELIGION

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) is very concerned with the attacks on several churches and a surau in the Klang Valley and other parts of Malaysia. Any intolerance of religious differences can undermine the fundamental right to freedom of religion as enshrined in the Universal Declaration of Human Rights and in Article 11 of the Federal Constitution.

SUHAKAM strongly condemns any attacks on places of worship and hopes that investigations carried out by the Police will be swift, fair, and impartial so that perpetrators will be charged without delay. The Police should ensure protection for Malaysians to practise their religions in safety.

SUHAKAM further calls for dialogues between leaders of different religions and that the Government should provide mechanisms for such dialogues to take place. SUHAKAM calls on all Malaysians to help maintain peace and goodwill in the country.

SUHAKAM hopes that leaders will refrain from making statements which could be perceived to condone activities detrimental to religious understanding and harmony in the country.

- END -

“HUMAN RIGHTS FOR ALL”

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA SIMON SIPAUN
DATUK DR CHIAM HENG KENG
DATO DR MICHAEL YEOH OON KHENG
DATO' CHOO SIEW KIOH
DATUK DR DENISON JAYASOORIA

Commissioners
Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)
12 January 2010



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM RETAINS ITS STATUS 'A'

SUHAKAM's 'A' Status in the international ranking system accorded by the International Coordinating Committee of National Institutions for the promotion and protection of human rights in Geneva (ICC) has been officially re-confirmed.

On 22nd January 2010, the Sub-Committee on Accreditation (SCA) conveyed the official re-confirmation of the ICC to SUHAKAM via e-mail. A report of the SCA of its Reaccreditation Session 16-18 November 2009 upon which the ICC re-confirms SUHAKAM's Status is published on the ICC website. Paragraph 4.3 of the SCA report embodies the review on Malaysia.

In support of SUHAKAM's retention of its Status 'A', the SCA accorded foremost the role of SUHAKAM in taking the necessary steps to maintain its own position. The SCA ***"welcomes the passage of the two Human Rights Commission of Malaysia (Amendment) Acts of 2009, and expresses its appreciation for the constructive approach taken by SUHAKAM in pursuing both sets of amendments with the government"***.

In its report, the SCA has concerns regarding the introduction of Key Performance Indicators (KPIs) on SUHAKAM by the Government. Such introduction, while within the domestic discretion of a government, is without precedence in the protection and promotion of human rights in all countries where National Human Rights Institutions (NHRIs) have been established. Thus the SCA ***"While acknowledging the value of such indicators in making clear the expectations placed on Commissioners, the SCA noted that the KPIs are yet to be adopted. It is therefore not in a position to assess whether the concerns expressed in the March 2009 session 'that the KPIs must be clearly established; appropriately circumscribed, so as not to interfere in the independence of members; and made public' have been addressed....The SCA notes that both the new selection process and the KPIs will be in effect for the selection of new or renewing members in April 2010. The SCA will therefore consider these issues at its second session in 2010."***

SUHAKAM urges the Government to take note of the SCA's intention to consider again the issue of KPIs in its second session in 2010 which normally takes place in the month of November of a calendar year. Any adverse observation in that respect might prejudice the international standing of SUHAKAM and that of Malaysia, notwithstanding the present re-confirmation of SUHAKAM's "A" Status. It could constitute a critical re-assessment of SUHAKAM's compliancy with the Paris Principles within the next two years.

SUHAKAM recommends that the Government considers positively the set of KPIs which it has drafted at the latter's invitation and which the former has submitted to the Government on 10 November 2009. The KPIs submitted by SUHAKAM to the Government were drafted after due consultation with representatives of civil society. SUHAKAM's formulation of KPIs which is relevant and specific to the functions of an independent NHRI, has been made public on SUHAKAM's website from November 2009 and also at the same time was conveyed to the SCA before its final decision to reconfirm SUHAKAM's status. In a response to the SCA's concern on the issue, SUHAKAM had also stated that whether the KPIs as drafted and proposed by SUHAKAM or those eventually formulated by the Government, will be made public or not, rests with Government decision.

- END -

"HUMAN RIGHTS FOR ALL"



TAN SRI ABU TALIB OTHMAN

Chairman

Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)

25 January 2010



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PUBLIC CAN STILL LODGE HUMAN RIGHTS COMPLAINTS

We refer to reports highlighted in the media with regards to SUHAKAM, we would like to highlight that it is at the discretion of the Government to decide on the appointment of the new SUHAKAM's commissioners. As for the time being, until the appointment has been made, SUHAKAM Secretary would be on hand to receive memorandums and the administrative work would still go on.

As an advisory body without the executive power, SUHAKAM has been effective in our findings; and will continuously submit the views and recommendations on violations and protection of human rights to the Government. In the interim, the public can still lodge any complaints on human rights violations to SUHAKAM via phone calls at 03-2612 5600, e-mails (humanrights@suhakam.org.my or complaints@suhakam.org.my) and drop by the head office in Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

- END -

"HUMAN RIGHTS FOR ALL"

By authority of SUHAKAM,

HASHIMAH NIK JAAFAR

Secretary

Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)

29 April 2010



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

ARBITRARY DETENTION IS AN INFRINGEMENT OF HUMAN RIGHTS

SUHAKAM concurs with the initial findings and recommendations of the UN Working Group on Arbitrary Detention, which among others recommends the Government to repeal the four preventive laws *vis-a-vis* the Internal Security Act 1960 (ISA), the Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance (EO), the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act (DDA), and the Restricted Residence Act (RRA).

The statement was released by the Working Group concerning its country visit to Malaysia from June 7–18, 2010. The Working Group held a meeting with SUHAKAM on June 16.

SUHAKAM's position on the ISA is well-known ever since it initiated a study on the ISA soon after its inception and developed long and short term recommendations through its Report "The Review of the Internal Security Act 1960" for the Government's consideration in 2003. SUHAKAM has consistently called for the repeal of the ISA and its replacement with a new, comprehensive legislation that takes a tough stand on the threat to national security which should also fall in line with the fundamental human rights principles.

While SUHAKAM welcomes the Government's move to amend the ISA, it calls upon the Government to ensure that the amendments adhere to the human rights principles with regard to the detainees' right to personal liberty, the right to a fair trial and the right to be presumed innocent until proven guilty as enunciated in Articles 3, 10 and 11(1) of the Universal Declaration of Human Rights 1948 (UDHR).

SUHAKAM welcomes the Working Group's recommendation for the Government to strengthen the status, powers and functions of SUHAKAM, in line with the Paris Principles and to take necessary measures to ensure SUHAKAM's "A" status is maintained in the International Coordinating Committee of National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights (ICC). SUHAKAM urges the Government to take note of the Special Review on SUHAKAM's status by the ICC Sub-Committee on Accreditation (SCA) in November 2010.

- END -

"HUMAN RIGHTS FOR ALL"



TAN SRI HASMY AGAM

Chairman

Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)

24 June, 2010



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM URGES RESPECT FOR FREEDOM OF MEDIA

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) regrets the recent banning of political cartoon books by author Zunar, non-renewal of publication permit of *Suara Keadilan* and warning to *Harakah* by the Ministry of Home Affairs.

SUHAKAM considers these decisions as infringement of freedom of speech, expression and information, which are enshrined in Article 19 of the Universal Declaration of Human Rights 1948. In this regard, SUHAKAM calls on the Ministry of Home Affairs to lift the said actions and immediately initiate the formation of an independent media council to self-regulate through a mandatory industry code, enforced through a complaint bureau to arbitrate disputes or complaints and compliance monitoring

- END -

"HUMAN RIGHTS FOR ALL"

TAN SRI HASMY AGAM

Chairman

Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)

7 July, 2010



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

THE RIGHTS OF THE INDIGENOUS PEOPLES TO LIFE, PHYSICAL AND MENTAL INTEGRITY AND SECURITY SHOULD BE UPHELD

